



MENCIPTA NILAI DEMI MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK

L A P O R A N T A H U N A N 2 0 2 0

MENCIPTA NILAI DEMI MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK

PNB fokus dalam mendukung mandat untuk meningkatkan kekayaan pemegang unit - janji yang telah dipenuhi secara konsisten sejak penubuhannya.

Dalam landskap yang selalu berubah, PNB memperkenalkan Pelan Strategik untuk 2020-2022, juga dikenali sebagai "Focus 4", bagi memberi keutamaan kepada bidang-bidang berimpak tinggi yang akan memacu syarikat dalam mencapai matlamat menjadi sebuah institusi pelaburan distinktif bertaraf dunia.

Sebagai pelabur jangka panjang, PNB berusaha untuk membuka dan mencipta nilai lestari demi kepentingan semua pihak berkepentingan. PNB percaya akan pentingnya pembangunan negara dan membentuk hari esok yang lebih baik untuk generasi akan datang.



DALAM LAPORAN INI

TINJAUAN

Maklumat Korporat	3	Rantaian Nilai Kami	8
Mengenai Kami	4	Sorotan 2020	10
Struktur Organisasi	6	Sorotan Kewangan Utama	12

ms. 3 - 15

1

KEPIMPINAN

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra	18
Lembaga Pengarah	20
Pasukan Kepimpinan	24

ms. 18 - 27

2

PERUTUSAN

Perutusan Pengerusi Kumpulan	30
Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	36

ms. 30 - 45

3

PORTFOLIO PELABURAN

Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan	46
Perumpukan Aset Strategik	48
Pelaburan Strategik	50
Pelaburan Persendirian	56
Pendapatan Tetap	58
Hartanah	60
Perkembangan Kemajuan Projek Merdeka 118	62

ms. 46 - 63

4

PERJALANAN TRANSFORMASI

Transformasi Unit Amanah	64
--------------------------	----

ms. 64 - 67

5

KEUPAYAAN ORGANISASI

Statistik Utama: Modal Insan	70
Aturan Kerja Fleksibel	71
Latihan & Pembangunan	72
Pengurusan Projek	75

ms. 70 - 75

6

OBJEKTIF SOSIAL

Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat	76
- Pendidikan	
- Literasi Kewangan	
• <i>Rencana Khas Mengenai Minggu Saham Digital</i>	
- Peningkatan Taraf Hidup Masyarakat	
- Inisiatif Perkongsian Ilmu	
Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Bumiputera	93

ms. 76 - 93

7

TADBIR URUS KORPORAT

Penyata Tadbir Urus Korporat	94
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam	103
Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti	112
Laporan Jawatankuasa Audit	116
Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah	119

ms. 94 - 121

8

PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Proforma 5 Tahun Kumpulan PNB Yang Digabungkan Serentak	124
Laporan Juruaudit Bebas	125
Dana Unit Amanah	126

ms. 124 - 139

9

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi Kumpulan

**Encik Ahmad
Zulqarnain Onn**
(Pelantikan berkuat kuasa mulai
1 Julai 2020)

**Dato' Asri bin Hamidin @
Hamidon**
(Pelantikan berkuat kuasa mulai
23 Julai 2020)

Tan Sri Datuk Zainun binti Ali

**Datuk Dr. Mohd. Yaakub
bin Haji Johari**

**Datu Haji Soedirman
bin Haji Aini**

**Dato Dr. Nik Ramlah binti
Nik Mahmood**

Dato' Johan bin Ariffin

PELETAKAN JAWATAN PENGARAH

**Encik Abdul Jalil bin Abdul
Rasheed**
(Meletak jawatan sebagai Pengarah
pada 16 Jun 2020)

**Tan Sri Datuk Ahmad Badri
bin Mohd. Zahir**
(Meletak jawatan pada 1 Mei 2020)

JAWATANKUASA PELABURAN

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi

Encik Ahmad Zulqarnain Onn
(Dilantik berkuat kuasa mulai 6 Julai 2020)

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin
N. Hassan Thani

Datuk Dr. Mohd. Daud bin Bakar

Dato' Johan bin Ariffin

Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed
(Meletak jawatan pada 16 Jun 2020)

JAWATANKUASA PELABURAN HARTANAH

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi

Encik Ahmad Zulqarnain Onn
(Dilantik berkuat kuasa mulai 6 Julai 2020)

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani
bin N. Hassan Thani

Datuk Dr. Mohd. Daud bin Bakar

Dato' Johan bin Ariffin

Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed
(Meletak jawatan pada 16 Jun 2020)

JAWATANKUASA PENAMAAN DAN IMBUHAN

Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi

Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari

Datu Haji Soedirman bin Aini

Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd. Zahir
(Meletak jawatan pada 25 November 2019)

JAWATANKUASA RAYUAN

Tan Sri Datuk Zainun binti Ali
Pengerusi

Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari

Datu Haji Soedirman bin Aini

Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
(Dilantik berkuat kuasa mulai 7 Disember 2020)

Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd. Zahir
(Meletak jawatan pada 1 Mei 2020)

JAWATANKUASA PEMATUHAN

Tan Sri Datuk Zainun binti Ali
Pengerusi

Encik Ahmad Zulqarnain Onn
(Dilantik berkuat kuasa mulai 6 Julai 2020)

Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood

Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed
(Meletak jawatan pada 16 Jun 2020)

JAWATANKUASA AUDIT

Datuk Mohd. Anwar bin Yahya
Pengerusi

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani
bin N. Hassan Thani

Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
Pengerusi

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani
bin N. Hassan Thani

Datuk Mohd. Anwar bin Yahya

JAWATANKUASA TENDER

Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani
bin N. Hassan Thani
Pengerusi

Encik Ahmad Zulqarnain Onn
(Dilantik berkuat kuasa mulai 25 Ogos 2020)

Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood

Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed
(Meletak jawatan pada 16 Jun 2020)

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Datuk Dr. Mohd. Daud bin Bakar
Pengerusi

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani
bin Haji Zakaria

Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad

Dato' As-Sheikh Haji Nooh bin Gadot

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi
bin Ab. Majid

Dr. Aida binti Othman

Dato' Idris bin Kechot

PEJABAT BERDAFTAR

Permodalan Nasional Berhad
Aras 4, Balai PNB
201-A, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03 2050 5500
Faks: 03 2050 5268

JURUAUDIT

Ernst & Young PLT

BANK

Maybank Islamic Berhad
Malayan Banking Berhad

MENGENAI KAMI

YPB
Yayasan Pelaburan Bumiputra

PNB
Permodalan Nasional Berhad

ASN
Amanah Saham Nasional Berhad

Pemegang Lesen
Perkhidmatan
Pasaran Modal Untuk
Pengurusan Dana



Syarikat
Pengurusan Unit
Amanah Berlesen

DANA UNIT AMANAH HARGA TETAP



ASB

ASB 2

ASB 3 DIDIK



ASM

ASM 2 WAWASAN

ASM 3

DANA UNIT AMANAH HARGA BERUBAH



ASN

ASN IMBANG 1

ASN IMBANG 2

ASN IMBANG 3 GLOBAL

ASN EQUITY 2

ASN EQUITY 3

ASN EQUITY 5

ASN SARA 1

ASN SARA 2



VISI

Untuk menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia

MISI

Untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara

FOCUS 4

MENGGARISKAN BIDANG BERIMPAK TINGGI BERIKUT:

1

Kepelbagaian

Memacu kepelbagaian pada semua kelas aset dan geografi

3

Pengurusan Risiko

Memupuk budaya risiko yang mantap dengan menambah baik elemen-elemen utama pengurusan risiko organisasi

2

Penciptaan Nilai

Menaik taraf nilai Syarikat Strategik dan Teras

4

Transformasi Organisasi

Penambahbaikan dalam Modal Insan & Budaya, Tadbir Urus & Proses, Digital dan Struktur & KPI

NILAI KAMI

P

Berhemah (Prudence)

Kami sentiasa mengambil pendekatan berhemah dan tidak akan berkompromi sama sekali dalam perihal integriti, demi memenuhi amanah pemegang unit kami

A

Kebolehsesuaian (Adaptability)

Kami berusaha untuk meningkatkan kebolehsesuaian dan mengamalkan cara bekerja yang lebih dinamik, seiring dengan persekitaran yang sentiasa berubah

C

Kerjasama (Collaboration)


Kami memupuk budaya yang berpaksikan kerjasama, saling menghormati dan pemerksaan dalam mencapai aspirasi bersama

E



Kecemerlangan (Excellence)

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui kecekapan tinggi dalam pelaksanaan mandat kami

STRUKTUR ORGANISASI



STRUKTUR ORGANISASI



RANTAIAN NILAI KAMI



PNB MENJALANKAN PROSES YANG MANTAP DARI HUJUNG KE HUJUNG DALAM PEMILIHAN PELABURAN



DENGAN MODEL TADBIR URUS KENDALIAN YANG BERKESAN



DIKAWAL SELIA OLEH




Membolehkan perkongsian kekayaan korporat kepada pemegang unit



Dana Unit Amanah Harga Tetap



Dana Unit Amanah Harga Berubah



3 Pelaburan dilakukan menjangkau pelbagai portfolio kelas aset dan geografi bagi mengurus pendedahan risiko

ASNB

Lembaga Pengarah

Surat Ikatan Amanah


AMANAHRAYA TRUSTEES

Perjanjian Pengurusan Pelaburan

PNB

Lembaga Pengarah

YPB
Yayasan Pelaburan Bumiputra



Prestasi aset didorong oleh faktor makro ekonomi dan pasaran

4 Pulangan portfolio dijana daripada keuntungan modal yang direalisasikan dan pendapatan berulang daripada setiap kelas aset

TINJAUAN SOROTAN 2020

Januari

- **Pengumuman Pasukan Kepimpinan baharu** dalam usaha untuk memastikan kecekapan operasi yang lebih tinggi dan lebih mencerminkan fungsi teras masing-masing.
- PNB menerima **Anugerah Majikan Terbaik** daripada CFA Society Malaysia atas kejayaan mencapai jumlah Pemegang Bertauliah CFA paling ramai diambil bekerja.



Mac

- PNB dengan kerjasama Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri, menganjurkan **"Muzakarah Zakat Unit Amanah ASNB"** bagi membincangkan penilaian zakat untuk dana unit amanah ASNB menggunakan kaedah Zakat al-Mustaghallat.
- PNB mengaktifkan **Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP)** berikutan Perintah Kawalan Pergerakan untuk menjaga keselamatan dan kesihatan semua kakitangan sambil memastikan kesinambungan operasi perniagaannya.

April

- PNB menyumbang sejumlah **lebih daripada RM23 juta untuk usaha bantuan COVID-19** dan ke arah memperkukuhkan kemudahan keseluruhan hospital dan perubatan negara serta inisiatif untuk memerangi COVID-19.
- ASNB mengumumkan **kemudahan pengeluaran dalam talian** baharu untuk dana unit amanah terpilih menerusi portal myASNB untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada pemegang unit dalam menguruskan pelaburan mereka.



- PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad menerima anugerah **"Pencegahan Prinsipal Melalui Reka Bentuk"** bersempena majlis penganugerahan anjuran Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) untuk Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Pengurusan Industri Pembinaan (OSCHIM). Anugerah itu disampaikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan semasa lawatan beliau ke tapak projek Merdeka 118.
- ASNB menyambut **ulang tahun ke-30** untuk dana utamanya **Amanah Saham Bumiputera (ASB)** bertemakan, **"Aspirasi Anda, Amanah Kami"**, dengan menganjurkan pelbagai aktiviti menyeronokkan dan hadiah menarik kepada 10.2 juta pemegang akaunnya.

- ASNB memperkenalkan **Pusat Khidmat Nasihat Pembiayaan ASB** untuk membantu pemegang unit yang memerlukan nasihat dan bantuan mengenai perkara berkaitan pembiayaan ASB mereka.

- **Minggu Saham Digital (MSD)** pertama PNB - adaptasi digital Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) dengan tema **#LaburBersama**, memperkasakan agenda digitalisasi sebagai sebahagian daripada pelan transformasi organisasi PNB.

Ogos

September

November

Mei

- Pelancaran Laporan Tahunan PNB 2019 dan **Pelan Strategik 2020-2022 (Focus 4)**.



Jun

- Pelantikan **Ahmad Zulqarnain Onn sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan** setelah peletakan jawatan Jalil Rasheed pada 16 Jun 2020.



Julai

- PNB mencatatkan satu lagi kejayaan dalam transformasi digitalnya dengan pelancaran aplikasi mudah alih pelaburan mikro, **Raiz Malaysia**.




- Pelancaran **Dana ASN Imbang 3 Global**, dana unit amanah pertama ASNB dengan portfolio pelaburan dalam pasaran antarabangsa.
- PNB Research Institute Sdn. Berhad menganjurkan **Forum Inisiatif Perkongsian Pengetahuan PNB 2020** melalui siaran secara maya yang bertajuk *Malaysia dan ASEAN: Mengemudi Hubungan AS-China pada Abad ke-21*.
- PNB mengumumkan **pelupusan pelaburan dalam syarikat Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM)** kepada Batu Kawan Berhad (BKB) untuk penjualan keseluruhan pegangan saham sebanyak 56.3% dalam CCM yang dipegang oleh PNB dan dana unit amanahnya berjumlah RM292.8 juta. CCM merupakan sebuah syarikat strategik PNB sejak tahun 2005.

- Yayasan Tun Ismail Ali (YTI) bersama dengan PNB Research Institute Sdn. Berhad menganjurkan **Kuliah Memorial YTI 2020** yang bertajuk *How Safe Are the Safe Haven Assets in Malaysia - Lessons From COVID-19 Pandemic* melalui siaran secara maya.


Disember

SOROTAN KEWANGAN UTAMA

**ASET DI BAWAH
PENGURUSAN**
(RM bilion)




**UNIT DALAM
EDARAN**
(bilion)




SOROTAN KEWANGAN UTAMA

BILANGAN AKAUN (juta)




PENDAPATAN KASAR PROFORMA 5 TAHUN KUMPULAN PNB YANG DIGABUNGKAN SERENTAK (RM bilion)



PENDAPATAN BERSIH PROFORMA 5 TAHUN KUMPULAN PNB YANG DIGABUNGKAN SERENTAK (RM bilion)





PULANGAN ATAS ASET PROFORMA 5 TAHUN KUMPULAN PNB YANG DIGABUNGKAN SERENTAK (%)





SOROTAN KEWANGAN UTAMA

PERUMPUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT KELAS ASET



● Ekuiti Awam-Domestik ● Ekuiti Awam-Antarabangsa ● Pelaburan Persendirian
 ● Hartanah ● Pendapatan Tetap ● Tunai & Pasaran Wang ● Lain-lain

PERUMPUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT GEOGRAFI



- Antarabangsa**
- Ekuiti Awam 72%
 - Hartanah 11%
 - Pelaburan Persendirian 6%
 - Pendapatan Tetap 3%
 - Tunai 7%
 - Lain-lain 1%

- Antarabangsa**
- Ekuiti Awam 70%
 - Hartanah 13%
 - Pelaburan Persendirian 4%
 - Tunai 13%

● Domestik ● Antarabangsa

SOROTAN KEWANGAN UTAMA

PRESTASI DANA UNIT AMANAH



	31 Dis	31 Mac	30 Jun	31 Mac	31 Ogos	30 Sep
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)						
Pengagihan (sen seunit)	4.25*+0.75**	4.75	4.25	4.25	4.00	4.00
Pendapatan bersih (RM juta)	6,375.0	515.1	291.6	741.1	866.1	551.0
Unit dalam Edaran TKB (bilion unit)	173.8	11.0	6.5	20.5	22.6	14.3

* Terdiri daripada agihan pendapatan 3.50 sen seunit dan bonus 0.75 sen seunit

** Bayaran khas Ehsan 0.75 sen seunit sehingga 30,000 unit pertama

Ekuiti


Aset Bercampur
TerimbangAset Bercampur
Konservatif

	31 Dis	30 Jun	31 Mac	30 Sep	30 Nov	31 Mac	31 Mac	30 Sep
Tahun Kewangan Berakhir (TKB)								
Hasil Pengagihan (%)	3.26	4.02	4.15	3.49	3.61	4.27	4.38	3.59
Jumlah Pulangan (%)	1.25	-6.77	-11.62	-0.56	1.75	-6.68	-0.90	5.31
Pendapatan Bersih*** (RM juta)	37.2	30.1	97.3	14.4	41.3	62.1	105.1	67.2
Unit dalam Edaran TKB (bilion unit)	1.8	1.5	2.4	0.4	1.2	1.6	2.0	1.7


*** Bahagian yang direalisasikan dari jumlah pendapatan komprehensif, termasuk Rizab Kesamaan Pengedaran (DER)

PENGAGIHAN PENDAPATAN (RM BILION)

PENGAGIHAN PENDAPATAN TERKUMPUL



PEMBAYARAN PENGAGIHAN PENDAPATAN TAHUNAN



BERHEMAH

Kami sentiasa mengambil pendekatan berhemah dan tidak akan berkompromi sama sekali dalam perihal integriti, demi memenuhi amanah pemegang unit kami





KEPIMPINAN

Lembaga Pemegang Amanah	
Yayasan Pelaburan Bumiputra	18
Lembaga Pengarah	20
Pasukan Kepimpinan	24

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA



YAB TAN SRI DATO' HJ. MUHYIDDIN HJ. MOHD. YASIN
PENERUSI YPB/PERDANA MENTERI MALAYSIA



YBHG TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
PENERUSI KUMPULAN PNB



YB SENATOR TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
TIMBALAN Pengerusi YPB/MENTERI KEWANGAN



YBHG TAN SRI HAJI AMBRIN BUANG

LEMBAGA PENGARAH



YBHG TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Pengerusi Kumpulan
Pengaruh Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur
74
Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- PhD Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Ekonomi dari University of Pennsylvania, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi dari Universiti Malaya

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi Amanah Saham Nasional Berhad dan Sime Darby Property Berhad

Maklumat Tambahan

- Pengerusi Bersama, Lembaga Gabenor Asia School of Business, yang ditubuhkan dengan kerjasama MIT Sloan sejak 2015

Pengalaman Kerja

Tan Sri Dr. Zeti dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan PNB pada 1 Julai 2018. Sebelum pelantikannya, Tan Sri Dr. Zeti pernah berkhidmat sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia dari Mei 2000 hingga April 2016. Beliau memainkan peranan yang penting dalam mengurus resolusi sistem kewangan pada tahun 1998 semasa krisis kewangan Asia dan pemulihan ekonomi Malaysia yang kukuh. Beliau juga berperanan penting dalam mentransformasikan sistem kewangan Malaysia, termasuk mengawasi enakmen 10 buah undang-undang baharu untuk sektor kewangan. Dalam tempoh ini, sistem kewangan Malaysia juga menjalani tempoh liberalisasi progresif.

Di Asia, Tan Sri Dr. Zeti aktif dalam mengukuhkan kerjasama dan integrasi kewangan serantau. Pada tahun 2006, beliau mempengerusikan pasukan petugas serantau yang menyediakan laporan untuk hala tuju masa depan kerjasama kewangan bank pusat di rantau Asia Timur. Di Bank for International Settlements (BIS), beliau adalah Pengerusi bagi Kumpulan Tadbir Urus Korporat Bank Pusat BIS. Di rantau ini, beliau juga merupakan ahli pengasas Majlis Perundingan Asia BIS, dan juga merupakan pengerusi bersama pertama Kumpulan Majlis Perunding Serantau Lembaga Kestabilan Kewangan Kumpulan untuk Asia. Tan Sri Dr. Zeti juga mempunyai peranan meluas dalam pembangunan kewangan Islam global, dan aktif dalam agenda kemasukan kewangan global. Beliau telah menjadi suara penting bagi dunia yang baru muncul dalam banyak isu mengenai sistem kewangan antarabangsa dan pengurusan kewangan dan ekonomi.



AHMAD ZULQARNAIN ONN

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan
Pengaruh Eksekutif Bukan Bebas

Umur
48
Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) dari Harvard University, Amerika Syarikat

Pengalaman Kerja

Ahmad Zulqarnain dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan dan Pengarah PNB pada 1 Julai 2020. Beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Urusan di Khazanah Nasional Berhad dari tahun 2018 dan bertanggungjawab ke atas Pelaburan Strategik serta menerajui Kumpulan Institusi Kewangan Khazanah dan Pengurusan Strategik. Sebelum menyertai Khazanah, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad dari tahun 2009 hingga 2014 dan menubuhkan insurans jaminan kewangan yang pertama di Malaysia. Beliau juga pernah memegang jawatan di beberapa institusi kewangan dan syarikat, termasuk di Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset nasional yang ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai polisi tindak balas krisis kewangan Asia.



**DATO' ASRI HAMIDIN @
HAMIDON**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur

55

Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- Program Pengurusan Perniagaan Premier Harvard
- Ijazah Sarjana dari Hiroshima University, Japan
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) Universiti Malaya
- Diploma Pentadbiran Awam, Institut Tadbiran Awam Negara

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi dan Pengarah 1Malaysia Development Berhad, dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP)
- Tenaga Nasional Berhad, Bina Darulaman Berhad, Danalnfra Nasional Berhad, GovCo Holdings Berhad, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera

Pengalaman Kerja

Dato' Asri dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 23 Julai 2020. Beliau kini berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Sebelum ini, beliau adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Polisi) Kementerian Kewangan. Dato' Asri memulakan kerjayanya sebagai Penolong Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1994. Kemudian, beliau berpindah ke Badan Pencegah Rasuah pada April 1998, sebelum berkhidmat sebagai Pegawai Pentadbiran dan Diplomatik di Jabatan Perkhidmatan Awam dari Mac 2003.

Dato' Asri meneruskan perkhidmatannya sebagai Penolong Setiausaha Utama di Kementerian Kewangan (MOF) dan turut memegang beberapa jawatan lain, termasuk Timbalan Setiausaha, Pelaburan, Syarikat Milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Bahagian Penswastaan. Beliau dilantik sebagai Setiausaha, Bahagian GIC, MOF pada bulan Julai 2015 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pelaburan) pada bulan Mac 2018.



TAN SRI DATUK ZAINUN ALI

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur

69

Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- Ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) (Cantab) dari University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) dari Universiti Malaya

Maklumat Tambahan

- Ahli Lembaga Penasihat Rangkaian Integriti Kehakiman Global Bangsa-Bangsa Bersatu
- Dilantik sebagai Naib Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasa pada 1 Julai 2020

Pengalaman Kerja

Tan Sri Datuk Zainun telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019, setelah berkhidmat dengan Kerajaan dalam pelbagai jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sejak 1976. Selepas berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian termasuk perkhidmatan beliau sebagai Pendaftar Syarikat dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, beliau telah dilantik pada tahun 1996 sebagai Hakim Mahkamah Tinggi. Beliau kemudiannya dilantik sebagai anggota kehakiman Mahkamah Rayuan dan kemudiannya pada tahun 2012 sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

LEMBAGA PENGARAH



**DATUK DR. MOHD. YAAKUB
HAJI JOHARI**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur
65
Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Sosiologi dari University of Salford, United Kingdom
- Sarjana Sains (Pengajian Liberal) dari University of Manchester, United Kingdom
- Sarjana Muda Sains (Kepujian) dari University of Sussex, United Kingdom

Pengalaman Kerja

Datuk Dr. Mohd. Yaakub dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah sambilan dalam Sains Politik di Institut Teknologi MARA dan pada 1983, beliau menyertai Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Sabah sebagai Penolong Pengarah (Kajian dan Perundangan) di Jabatan Ketua Menteri. Beliau dilantik sebagai Penolong Pengarah Utama (Pembangunan Pengurusan) pada 1984.

Beliau kemudiannya menyertai Institut Pengajian Pembangunan Sabah (IDS), badan pemikir rasmi Negeri Sabah sebagai Pengarah Bersekutu (Hal Ehwal Masyarakat) pada 1985 dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Eksekutif/Felo Penyelidikan Kanan antara 1991 dan 1994. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif/Ketua Eksekutif IDS selama 15 tahun dari 1994-2009 sebelum dilantik sebagai Ketua Eksekutif Majlis Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) mulai 2009 hingga 2020. Beliau dilantik sebagai pengerusi IDS sejak 14 Disember 2020.



**DATU HAJI SOEDIRMAN
HAJI AINI**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur
65
Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- Felo Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (UK)
- Akauntan Bertauliah Malaysia dari Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Mengikuti Program Polisi Makro Ekonomi dan Pengurusan di Harvard University

Keahlian Lembaga Pengarah

- Sarawak Plantation Berhad, Sarawak Consolidated Industries Berhad, Amanah Saham Sarawak Berhad, Sara Worldwide Vacations Berhad dan Damai Golf & Country Club Berhad

Pengalaman Kerja

Datu Haji Soedirman dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2017. Beliau memulakan kerjaya dengan Petroleum Nasional Berhad pada 1982. Selepas berkhidmat selama 13 tahun, beliau telah meletak jawatan pada 1995 untuk menyertai Kerajaan Negeri Sarawak. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) sebelum bersara pada 31 Disember 2018. Tugas beliau dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan Negeri Sarawak termasuk sebagai Setiausaha Tetap kepada Menteri Pembangunan Sosial, Pengarah Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Setiausaha Tetap kepada Menteri Pembangunan Perindustrian, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri dan Ketua Akauntan Negeri. Antara November 2002 dan September 2003, beliau telah dipinjamkan kepada Amanah Saham Sarawak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau kini menganggotai Lembaga syarikat tersenarai awam dan pelbagai Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.



**DATO DR. NIK RAMLAH
NIK MAHMOOD**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur
65

Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- Doktor Falsafah (PhD) dalam Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Undang-undang dari University of London, United Kingdom
- Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya

Keahlian Lembaga Pengarah

- United Malacca Berhad, Axiata Group Berhad, Edotco Group Sdn Bhd, Institute for Capital Market Research Malaysia (ICMR) dan International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

Pengalaman Kerja

Dato Dr. Nik Ramlah dilantik menyertai Lembaga Pengarah PNB pada 1 Januari 2019 dan ASNB pada 1 Januari 2017. Beliau bersara dari Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada Mac 2016 setelah berkhidmat selama 23 tahun dengan memegang pelbagai jawatan daripada Pengurus untuk Pembaharuan Undang-undang kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif. Sepanjang perkhidmatan beliau di SC, Dato Dr. Nik Ramlah telah terlibat secara langsung dalam kebanyakan bidang pembangunan dan kawal selia pasaran modal, memberi bimbingan strategik dan undang-undang dalam pembangunan produk dan pasaran, pasaran bon, pengurusan dana tadbir urus korporat dan Kewangan Islam. Sebelum menyertai SC, Dato Dr. Nik Ramlah merupakan Profesor Bersekutu di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya di mana beliau turut berkhidmat sebagai Timbalan Dekan.



DATO' JOHAN ARIFFIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur
62

Warganegara
Malaysia

Kelayakan

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran) dari University of Miami, Coral Gables, Florida, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dari Indiana University, Bloomington Indiana, Amerika Syarikat

Keahlian Lembaga Pengarah

- Pengerusi Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Kumpulan Syarikat Mitraland, Etiqa Insurance Pte Ltd (Singapore) dan Etiqa Life Insurance (Cambodia) Plc
- Etiqa Life Insurance Berhad, Etiqa Family Takaful Berhad, Etiqa General Takaful Berhad dan Maybank Ageas Holdings Berhad

Pengalaman Kerja

Dato' Johan memulakan kerjaya di jabatan hartanah di Citibank. Beliau kemudiannya memegang pelbagai jawatan kanan dalam beberapa syarikat subsidiari milik syarikat-syarikat awam yang tersenarai dan pada masa yang sama berjaya menubuhkan syarikat perundingan pemasaran dan pengiklanan, dan pembangunan hartanahnya sendiri. Beliau kemudian mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum berpindah untuk mengetuai TTDI Development Sdn Bhd sehingga Januari 2009. Beliau turut menyumbang khidmatnya sebagai Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad selama sembilan tahun sehingga April 2018 dan juga Sime Darby Property Berhad sehingga bulan Jun 2020.

PASUKAN KEPIMPINAN

AZO **AHMAD ZULQARNAIN ONN**
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

DNZ **DATO' MOHD. NIZAM ZAINORDIN**
Timbalan Presiden &
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

MH **MOHAMMAD HUSSIN**
Ketua Pegawai Eksekutif &
Pengarah Eksekutif, ASNB

MI **MOHAMAD IDROS MOSIN**
Ketua Kumpulan,
Pelaburan Strategik

HS **HAFIZUDDIN SULAIMAN**
Ketua Kumpulan, Perbendaharaan

AK **ADIBAH KHAIRIAH ISMAIL @ DAUD**
Ketua Kumpulan Setiausaha Syarikat
& Undang-Undang

SA **SUZANA AHMAD**
Ketua Pegawai Risiko

FZ **FAIRUZ SUZANA HJ KAMARUDDIN**
Ketua Kumpulan,
Pematuhan & Integriti

AZO



DNZ



MH



MI



HS



AK




SA



FZ





HH

RR

HANIZAN HOODKetua Pegawai Pelaburan,
Pasaran Awam

HH

RICK RAMLIKetua Pegawai Pelaburan,
Pelaburan Strategik & Persendirian

RR

IM

FA

MOHD IRWAN AHMAD MUSTAFAKetua Kumpulan,
Pasaran Persendirian

IM

**FADZIHAN ABBAS MOHAMED
RAMLEE**

Ketua Pegawai Strategi

FA

MO

NJ

MUZZAFFAR OTHMAN

Ketua Pegawai Teknologi

MO

NORHANIFAH A. JALIL

Ketua Pegawai Modal Insan

NJ

NB

AB

**NORAMLY BACHOK @
ABDUL AZIZ**

Ketua, Asurans Dalamann

NB

DR. AHMAD BASRI IBRAHIM

Ketua, Pengurusan Syariah

AB



16 Peserta

KUMPULAN KEPIMPINAN

AZO

AHMAD ZULQARNAIN ONN

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan

Mengemudi keseluruhan pelaburan, kewangan, operasi dan hala tuju strategik PNB untuk memastikan pertumbuhan dan kemapanan perniagaan dalam mencapai mandat untuk meningkatkan kekayaan ekonomi Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia. Memastikan pelaksanaan visi dan misi syarikat untuk melindungi kepentingan jangka panjang pemegang saham, pemegang unit, kakitangan dan pihak berkepentingan yang lain.



DNZ

DATO' MOHD. NIZAM ZAINORDIN

Timbalan Presiden & Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Memimpin dan mengemudi perancangan kewangan, belanjawan, pelaporan dan proses pemulihan PNB, selain memantau semua polisi dan proses perolehan untuk memastikan PNB memiliki kekuatan dan kesinambungan kewangan untuk melaksanakan Pelan Strategik syarikat dan keseluruhan operasi perniagaan.

HH

HANIZAN HOOD

Ketua Pegawai Pelaburan, Pasaran Awam

Bertanggungjawab menguruskan portfolio aset-aset awam PNB dan dana di bawah pengurusan yang merangkumi ekuiti awam domestik & global, pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang. Menerajui unit operasi utama iaitu Ekonomi, Analisa Pelaburan, Pengurusan Dana, Pendapatan Tetap, Operasi Pasaran Ekuiti, Operasi Pelaburan dan Tadbir Urus. Pengurus Dana yang ditetapkan untuk dana di bawah pengurusan.

RR

RICK RAMLI

Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Strategik & Persendirian

Mengemudi keseluruhan aktiviti operasi dan pelaburan yang merangkumi tiga bidang utama iaitu Pelaburan Strategik, Hartanah dan Pelaburan Ekuiti Persendirian. Tanggungjawab utama termasuklah menerajui penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB, selain mengemudi keputusan pelaburan yang melibatkan sub-kelas aset di bawah portfolio Hartanah dan Ekuiti Persendirian bagi mencapai objektif pelaburan jangka panjang.

MH

MOHAMMAD HUSSIN

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif, ASNB

Memimpin ASNB dalam mengembang dan melaksanakan strategi perniagaan secara keseluruhan untuk mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju industri dengan terus meningkatkan jangkauan produk dan perkhidmatan ASNB dan meningkatkan pengalaman 14 juta pemegang akaun.

MI

MOHAMAD IDROS MOSIN

Ketua Kumpulan, Pelaburan Strategik

Memimpin penglibatan dengan syarikat Strategik dan Teras PNB berkaitan dengan pembentukan dan pelaksanaan bagi pelan penciptaan nilai termasuk inisiatif transaksional, operasi dan organisasi. Ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi prestasi keseluruhan dan meningkatkan kemapanan pulangan bagi pihak berkepentingan PNB.

IM

MOHD IRWAN AHMAD MUSTAFA

Ketua Kumpulan, Pelaburan Persendirian

Memimpin dan mengurus semua pelaburan ekuiti persendirian PNB di bawah Rangka Kerja Pelaburan Persendirian berstruktur yang membolehkan penggunaan yang berkesan dan konsisten dalam kelas aset ini melalui pelaburan langsung dan pelaburan dana global.

FA

**FADZIHAN ABBAS
MOHAMED RAMLEE**

Ketua Pegawai Strategi

Membangun dan memacu Pelan Strategik PNB serta memantau pelaksanaannya untuk memastikan organisasi mengekalkan tumpuan strategiknya. Beliau juga memimpin fungsi Perumpukan Aset Strategik dan Transformasi, yang bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan perumpukan aset jangka panjang PNB, penilaian prestasi dan menjajarkan proses pengurusan utama dengan strategi.

HS

HAFIZUDDIN SULAIMAN

Ketua Kumpulan, Perbendaharaan

Memimpin dan menguruskan keseluruhan pengurusan modal dan kecairan perniagaan dan aktiviti yang berkaitan seperti pengurusan liabiliti, pengumpulan dana dan melaksanakan dasar Perbendaharaan yang sesuai dengan objektif untuk mengekalkan operasi Perbendaharaan yang optimum dan struktur kos modal yang cekap untuk Kumpulan.

AK

**ADIBAH KHAIRIAH
ISMAIL @ DAUD**

Ketua Kumpulan, Setiausaha Syarikat & Undang-undang

Mengawasi dan memimpin fungsi kesetiausahaan syarikat dan undang-undang, menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan syarikat kepada PNB dan syarikat-syarikat yang berkaitan serta menguruskan proses perniagaan yang berkaitan dengan Jabatan Setiausaha Syarikat dan Jabatan Undang-undang.

MO

MUZZAFFAR OTHMAN

Ketua Pegawai Teknologi

Memimpin pembentukan dan pelaksanaan strategi IT dan transformasi digital seluruh organisasi PNB, memacu pembangunan standard teknologi syarikat, proses tadbir urus dan pengukuran prestasi. Beliau juga memastikan penyelarasan strategi IT dengan strategi perniagaan keseluruhan dan penyampaian keupayaan yang diperlukan untuk mencapai kejayaan perniagaan.

NJ

NORHANIFAH A. JALIL

Ketua Kumpulan, Modal Insan

Mengemudi pembangunan strategi Modal Insan PNB dan memacu pelaksanaan rangka kerja Modal Insan yang bertujuan untuk memupuk bakat serta mengetengahkan kompetensi. Memastikan aliran bakat yang berterusan dalam mendukung agenda kepimpinan PNB menerusi program biasiswa dan rangka kerja pengurusan bakat. Menerajui inisiatif pembudayaan yang membangunkan tenaga kerja berprestasi tinggi di PNB.

SA

SUZANA AHMAD

Ketua Pegawai Risiko

Memimpin pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) seluruh Kumpulan PNB, dengan merumuskan selera risiko dan infrastruktur yang koheren serta melaporkan isu-isu pengurusan risiko seluruh organisasi untuk menyokong proses membuat keputusan dan pengawasan risiko yang berkesan.

FZ

**FAIRUZ SUZANA
HJ. KAMARUDDIN**

Ketua Kumpulan, Pematuhan & Integriti

Memimpin Bahagian Pematuhan & Integriti dan memikul tanggungjawab utama dalam merancang dan melaksanakan Program Pematuhan dan Integriti untuk Kumpulan PNB dalam memastikan kepatuhan sepenuhnya terhadap semua keperluan pengawalseliaan, polisi dan prosedur dalaman yang relevan dalam operasi perniagaan selain mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dan piawaian etika.

NB

**NORAMLY BACHOK @
ABDUL AZIZ**

Ketua, Asurans Dalamann

Memimpin fungsi audit dalaman untuk memberikan jaminan bebas dan objektif dengan menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan.

AB

DR. AHMAD BASRI IBRAHIM

Ketua, Pengurusan Syariah

Memimpin Jabatan Pengurusan Syariah yang memikul peranan Sekretariat kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah PNB, dan menguruskan semua perkara kewangan Islam dan berkaitan Syariah dalam Kumpulan PNB serta mengambil inisiatif untuk meningkatkan lagi kepatuhan Syariah bagi produk unit amanah ASNB.

KEBOLEHSESUAIAN

Kami berusaha untuk meningkatkan kebolehsesuaian dan mengamalkan cara bekerja yang lebih dinamik, seiring dengan persekitaran yang sentiasa berubah





PERUTUSAN

Perutusan Pengerusi Kumpulan	30
Ulasan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan	36

PORTFOLIO PELABURAN

Jejak Global, Falsafah dan Proses Pelaburan	46
Perumpukan Aset Strategik	48
Pelaburan Strategik	50
Pelaburan Persendirian	56
Pendapatan Tetap	58
Hartanah	60
Perkembangan Merdeka 118	62

PERJALANAN TRANSFORMASI

Transformasi Unit Amanah	64
--------------------------	----

PERUTUSAN PENGERUSI KUMPULAN



PEMEGANG-PEMEGANG UNIT AMANAH YANG DIHORMATI,

Dengan sukacitanya saya berkongsi dengan anda Laporan Tahunan PNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020).

Tahun 2020 merupakan tahun yang paling mencabar dalam sejarah kita. Ia menyaksikan betapa cepatnya pandemik COVID-19 merebak di peringkat global dan impaknya kepada dunia. Bertitik-tolak daripada krisis kesihatan, ia berubah menjadi krisis ekonomi dan kemanusiaan yang tidak pernah dilihat oleh masyarakat dunia sebelum ini. Ekonomi bukan sahaja menguncup sepertimana krisis kewangan dan ekonomi sebelum ini, namun kegiatan ekonomi di seluruh dunia terhenti akibat kawalan pergerakan yang menyekat pertumbuhan secara tiba-tiba.

Globalisasi juga umpama berundur selangkah pada tahun 2020 apabila perdagangan antarabangsa mengalami penurunan dua digit berikutan sekatan pengangkutan dan perjalanan. Walaupun aliran kewangan rentas sempadan masih berterusan, pasaran kewangan antarabangsa mengalami penurunan mendadak. Ketika dunia dibelenggu kemelesetan ekonomi, kadar pengangguran mencecah dua digit di kebanyakan negara. Dalam pasaran komoditi, harga minyak mentah menjunam, manakala harga minyak sawit mentah terus jatuh ke paras terendah.

PERUTUSAN PENERUSI KUMPULAN

Perkembangan sebegini disambut oleh tindak balas dasar fiskal dan kewangan global yang bersepadu dan diselaraskan pada kepastian yang tidak pernah dilihat dunia sebelum ini. Secara keseluruhan, langkah-langkah ini bertujuan untuk memberikan kelegaan dan memulakan semula fungsi ekonomi masing-masing.

Di dalam negara, ekonomi domestik mengalami penguncupan terburuk dalam sejarah, sebanyak 17% pada suku kedua, iaitu tempoh berlakunya penutupan aktiviti ekonomi. Tempoh ini juga menyaksikan pasaran saham menjunam sebanyak 24% dan kadar pengangguran meningkat kepada 4.9%, paling tinggi pernah dicatatkan sejak tahun 1993. Sebagai tindak balas terhadap perkembangan luar biasa ini, Malaysia melancarkan pakej rangsangan fiskal COVID-19 secara besar-besaran, iaitu kira-kira 20% daripada KDNK, sementara kadar faedah turun ke paras terendah dalam sejarah. Walaupun separuh kedua tahun ini menyaksikan bermulanya pemulihan ekonomi, namun ketidakpastian terus meningkat dengan ketara. Dalam bulan-bulan terakhir tahun ini, kes baharu COVID-19 melonjak, sekali gus menyederhanakan momentum pemulihan.

Laporan Tahunan PNB ini memberikan gambaran sejauh mana prestasi kami dalam persekitaran yang amat sukar dalam usaha untuk terus memberikan nilai yang mampan kepada pemegang unit bagi TK2020. Ditubuhkan pada tahun 1978, PNB diberi mandat yang jelas dan tuntas. Matlamat utama kami untuk meningkatkan kekayaan masyarakat Bumiputera dan semua rakyat di Malaysia memastikan kami kekal fokus pada mandat ini. Walaupun persekitaran ekonomi begitu mencabar pada tahun 2020, hasil yang signifikan diperoleh dari strategi transformatif yang telah kami laksanakan sejak tahun 2018. Ini membolehkan PNB terus memberikan pulangan yang berdaya saing bagi mendukung komitmen untuk memenuhi mandat yang diamanahkan.

MOMENTUM KEPELBAGAIAN

Antara strategi transformatif terpenting yang dilaksanakan merupakan tindakan yang diambil untuk mempelbagaikan portfolio. Berikutan kajian mendalam yang telah dijalankan pada tahun 2019, PNB terus mengorak langkah dalam mempelbagaikan pelaburan. Selain mempelbagaikan portfolio dalam kelas aset yang lebih luas di pasaran domestik, kemasukan kami di pasaran antarabangsa juga meningkat secara progresif dalam geografi dan industri yang baharu. PNB tidak hanya berjaya menembusi pasaran tradisional tetapi juga pasaran ekonomi baharu berikutan potensi pertumbuhan ekonomi tersebut. Malahan, usaha ini turut menyaksikan penglibatan yang besar dengan pengurus dana luaran yang terkemuka bagi melengkapkan bakat dalaman PNB.


Usaha kepelbagaian ini secara beransur-ansur telah meningkatkan pelaburan PNB bukan sahaja dalam ekuiti awam tetapi juga dalam pelaburan persendirian, pendapatan tetap dan hartanah, sekali gus mengelakkan daripada risiko yang terlalu tertumpu. Melangkah ke hadapan, usaha ditumpukan untuk membangun portfolio pelaburan yang lebih berupaya menghadapi keadaan yang berubah-ubah dan tidak menentu dalam pasaran. Pada akhir tahun ini, pelaburan antarabangsa membentuk 12.0% daripada portfolio berbanding 3.3% pada tahun 2018. Begitu juga, pelaburan dalam pendapatan tetap meningkat daripada 6.5% pada tahun 2018 kepada 7.2%, manakala pelaburan dalam hartanah meningkat daripada 2.8% pada tahun 2018 kepada 4.3% pada tahun 2020. Kepelbagaian ini membuahkan hasil yang signifikan disebabkan prestasi pelaburan baharu yang secara relatifnya lebih baik.

Satu lagi strategi yang sama pentingnya ialah penambahbaikan pengurusan kecairan yang dipermudahkan dengan penubuhan fungsi Perbendaharaan dalam syarikat. Dalam persekitaran yang tidak menentu dan tidak stabil ini, pengurusan risiko juga telah dipertingkatkan dengan ketara. Di samping itu, pelbagai tindakan diambil secara serentak demi memperkukuh kedudukan kewangan syarikat. Walaupun persekitaran ini tidak pernah dialami sebelum ini, pasukan


PNB berkaliber tinggi yang terdiri daripada profesional berpengalaman dan berkemahiran telah membuktikan keupayaan untuk bangkit bagi melaksanakan perubahan transformatif ini.

Menuju ke hadapan, portfolio yang lebih pelbagai, yang merangkumi portfolio dalam industri baharu yang kian penting dalam tempoh pasca COVID-19, pengurusan kecairan dan pendedahan pertukaran asing kami yang lebih berkesan, serta keupayaan pengurusan risiko yang dipertingkatkan kini bersedia untuk meningkatkan potensi demi prestasi masa depan yang lebih baik.


PENINGKATAN PELABURAN ANTARABANGSA



PENINGKATAN PELABURAN PENDAPATAN TETAP



PENINGKATAN PELABURAN HARTANAH



PERUTUSAN Pengerusi Kumpulan

MENGEKALKAN PULANGAN KOMPETITIF DALAM KEADAAN PASARAN TIDAK MENENTU

Hasil yang diperoleh daripada perubahan transformatif ini dapat dilihat pada prestasi syarikat sepanjang tahun. Pada tahun 2020, PNB mengekalkan pertumbuhan aset di bawah pengurusan (AUM) yang terus meningkat kepada RM322.6 bilion manakala jumlah akaun meningkat kepada 14.5 juta dengan penyertaan lebih daripada 200,000 pelabur baharu. Unit dalam edaran (UIC) bagi semua 15 dana meningkat sebanyak 4.0% kepada 264.0 bilion unit. Bagi tahun 2020, PNB mengagihkan sejumlah RM11.1 bilion kepada pemegang unit kami. Bagi dana harga tetap utama kami, Amanah Saham Bumiputera (ASB), pengagihan pendapatan sebanyak 3.50 sen seunit, dengan bonus 0.75 sen seunit telah diisytihar, menjadikan pengagihan keseluruhan sebanyak 4.25 sen seunit. Peruntukan EHSAN khas sebanyak 0.75 sen seunit bagi 30,000 unit pertama juga diberikan kepada semua pemegang unit sempena Ulang Tahun ASB yang ke-30.

■ **Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) meningkat kepada RM322.6 bilion**

■ **Dana unit amanah mencapai 14.5 juta**

akaun, dengan penambahan lebih daripada 200,000 pelabur baharu

■ **Unit dalam edaran (UIC) bagi semua 15 dana meningkat sebanyak 4.0%**

kepada 264.0 bilion unit

■ **ASB mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 3.50 sen**

seunit dengan bonus sebanyak 0.75 sen seunit menjadikan pengagihan keseluruhan sebanyak 4.25 sen seunit

MEMANTAPKAN PRESTASI SYARIKAT STRATEGIK KAMI

Bidang tumpuan yang sama pentingnya adalah memantapkan prestasi syarikat-syarikat strategik kami. Dalam memacu penciptaan nilai, perhatian diberikan kepada tiga bidang fokus yang penting. Pertama adalah memperkukuhkan aturan tadbir urus dan menginstitusikan amalan terbaik di syarikat-syarikat ini. Ini melibatkan akauntabiliti dan penilaian bebas terhadap prestasi, bukan hanya dari segi pulangan yang dihasilkan kepada pemegang saham tetapi juga kesan tindakan syarikat-syarikat ini terhadap ekonomi, masyarakat, dan persekitaran. Sebagai sebahagian dari perhatian yang diberikan kepada akauntabiliti, budaya memacu prestasi digalakkan dan pada masa yang sama, kesan terhadap agenda kelestarian secara menyeluruh turut dipertimbangkan. Aspek ketiga ialah usaha mengukuhkan kesihatan organisasi syarikat-syarikat tersebut yang kini beroperasi dalam persekitaran yang mana strukturnya telah berubah. Bagi memudahkan usaha ini, Majlis Pelaburan Strategik telah ditubuhkan pada tahun 2020 untuk berkongsi amalan terbaik demi mencapai semua objektif yang ditetapkan.

MENUBUHKAN RANGKA KERJA BUDAYA RISIKO YANG TEGUH

Pengurusan risiko kami yang diperkukuh dengan ketara sejak tahun 2018 terus diberi keutamaan pada tahun 2020. Ini merangkumi pengurusan risiko organisasi dan pengurusan risiko portfolio pelaburan. Ketika PNB memperluas pelaburannya ke dalam kelas aset baharu dan juga industri serta geografi ekonomi baharu muncul, beberapa langkah penting diambil untuk memperkukuh keupayaan pengurusan risiko kami. Semua proses pelaburan dilaksanakan dengan pertimbangan bijaksana dan semua risiko yang berkaitan diuruskan dengan sewajarnya. Di samping itu, kami komited untuk mendukung standard integriti dan tingkah laku beretika yang tertinggi dalam semua aktiviti perniagaan kami. Ini menyumbang kepada pengemaskinian Kod Etika Perniagaan dan Polisi Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah pada tahun 2020, yang terpakai bagi semua syarikat yang bernaung di bawah Kumpulan PNB.

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN CARA KERJA BAHARU

Antara beberapa inisiatif transformatif organisasi yang dilaksanakan sepanjang tahun ini ialah penggunaan teknologi dan digitalisasi yang lebih meluas. Ini meningkatkan keupayaan PNB untuk berfungsi dengan lebih berkesan dan efisien, terutamanya pada era pasca COVID-19. Inisiatif melaksanakan persekitaran kerja yang lebih banyak memanfaatkan teknologi membolehkan PNB menyesuaikan diri dengan Perniagaan seperti Biasa dalam persekitaran Perniagaan yang Bukan Biasa dengan pantas. Keselamatan dan kesejahteraan tenaga kerja juga diutamakan. Dalam beberapa bulan pertama pada tahun 2020, 97% kakitangan PNB bekerja dari rumah dan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilonggarkan pada bulan berikutnya, lebih kurang 25% kakitangan bekerja di pejabat. Walaupun majoriti kakitangan tiada di pejabat, lebih daripada 90% projek yang dijadualkan untuk tahun 2020 telah selesai atau sedang dalam proses untuk diselesaikan apabila menjelang akhir tahun.



TRANSFORMASI KE ARAH ORGANISASI BERASASKAN PENGETAHUAN



Teknologi digital juga dilihat sebagai penggerak utama untuk memudahkan keputusan dibuat dengan berkesan dan mempertingkatkan kecekapan demi memacu prestasi syarikat. Pada bulan Ogos 2020, Knowledge Hub, sebuah repositori pusat maklumat utama telah dibangunkan dan dilancarkan di SharePoint. Ini merupakan langkah pertama dalam perjalanan kami menjadi sebuah Organisasi Berasaskan Pengetahuan (KBO). Dalam tempoh berikutnya, halaman khusus yang memuatkan maklumat spesifik berkenaan jabatan yang penting ditambah untuk mewujudkan ekosistem yang lebih luas demi perkongsian ilmu pengetahuan dan pembelajaran di SharePoint.

MERINTIS JANGKAUAN KEWANGAN DIGITAL

Demi memanfaatkan teknologi, kami juga beralih ke arah menyediakan pengalaman pelanggan digital sepenuhnya bagi pemegang unit yang celik IT. Perkhidmatan dalam talian kepada pemegang unit kami pertama kali dilancarkan pada tahun 2017 dengan pengenalan portal myASNB, yang kemudiannya ditambah baik dengan aplikasi myASNB pada tahun 2019. Ini telah diterima baik oleh orang ramai. Bilangan pengguna berdaftar bagi portal dan aplikasi masing-masing meningkat sebanyak 20% dan 86% pada tahun 2020. Sepanjang tahun ini, pasukan di PNB pantas menyesuaikan diri untuk memindahkan acara fizikal ke platform digital, dan untuk berkomunikasi serta berkongsi maklumat terkini syarikat secara dalam talian kepada pihak berkepentingan kami. Pada bulan Mei 2020, PNB mengadakan taklimat media secara maya buat julung kalinya bagi mengumumkan Laporan Tahunan 2019 kami.

Produk digital baharu juga diperkenalkan. PNB mencatatkan satu lagi kejayaan penting dalam perjalanan transformasi digital apabila kami melancarkan aplikasi pelaburan mikro pertama di Malaysia yang dikenali sebagai Raiz Malaysia pada 23 Julai 2020. Aplikasi ini memanfaatkan kelebihan teknologi digital untuk menggalakkan keterangkuman produk kewangan. Aplikasi ini secara automatik melaburkan baki perbelanjaan pengguna daripada pembelian harian menggunakan kad debit ke dalam dana unit amanah harga berubah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Produk ini menggunakan pakai konsep “menyimpan sambil berbelanja”.

Melangkah ke hadapan, agenda jangkauan kewangan akan terus diperhebatkan di PNB. Ini bukan sahaja akan menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan ekonomi tetapi juga pembangunan negara secara menyeluruh, sekali gus menghasilkan pulangan pada skala yang lebih besar kepada syarikat. Untuk memastikan jangkauan ini berjaya dengan cemerlang, aspek ini disepadukan dalam setiap bahagian perniagaan kami. Bermula dengan memenuhi keperluan pelanggan dari segi inovasi produk untuk mencapai objektif kewangan mereka dan menyediakan pengalaman yang mudah dan cekap, agenda ini juga merangkumi penyediaan dan penempatan ekosistem demi mencapai objektif ini. Dalam membangunkan kemampuan institusi bagi jangkauan yang luas, saluran inovatif baharu, teknologi dan digitalisasi perlu dimanfaatkan dengan lebih banyak lagi bagi memperluas kebolehcapaian maklumat oleh pengguna. Literasi kewangan yang dipertingkatkan bakal memperkasakan pengguna untuk membuat keputusan kewangan yang lebih baik, memahami risiko yang berkaitan sekali gus menstabilkan jangkauan masing-masing. Isu keselamatan dan sekuriti juga sentiasa diutamakan untuk memastikan kepentingan pemegang unit dilindungi. Dalam usaha ini, PNB turut bekerjasama dengan entiti luar yang berkongsi agenda yang sama.

MEREVOLUSIKAN MINGGU SAHAM KEPADA PENGALAMAN DIGITAL

Akhir sekali, pencapaian digital yang paling dibanggakan pada tahun 2020 adalah transformasi Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang berusia 20 tahun kepada versi digital menjadi Minggu Saham Digital yang ditonton oleh berjuta rakyat Malaysia di seluruh negara. Ini telah memberi impak dalam memperluas capaian kami. Sebelum ini, secara purata lebih kurang 200,000 orang mengambil bahagian dalam acara yang diadakan selama seminggu di bandar dan pekan berbeza di seluruh Malaysia. Kini, ia menjadi berjuta apabila acara ini dianjurkan secara maya. Bermula dari 18 sehingga 24 November 2020, acara ini mendapat sambutan luar biasa yang melebihi jangkauan kami.

PERUTUSAN Pengerusi Kumpulan



Bertemakan #*LaburBersama*, Minggu Saham Digital memperoleh 7.5 juta capaian unik melalui halaman Facebook rasminya, 2.2 juta tontonan terkumpul di laman Facebook rasmi dan saluran YouTube manakala laman webnya mencatat sejumlah 11.5 juta teraan (*impression*). Kami akan terus mengukuhkan kejayaan ini dengan menyediakan pelbagai aktiviti yang lebih menarik pada tahun 2021.

MERDEKA 118: MENJELANG SIAPNYA PEMBINAAN

Merdeka 118 kini sudah mencapai tingkat 118 dan kerja-kerja mendirikan puncak menara (*spire*) sudah bermula. Bangunan ini dijangka siap untuk diduduki pada tahun 2022. Terletak di kawasan lama Kuala Lumpur, pelbagai usaha dilaksanakan untuk memulihara dan menyokong warisan dan kawasan di sekitarnya dan pada masa yang sama mencerminkan pemodenan dan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia. Binaan ini dianggap sebagai perintis bangunan pada masa hadapan. Merdeka 118 bakal menjadi bangunan pertama di negara ini yang memperoleh penarafan bangunan platinum hijau tiga serangkai, dengan pensijilan *Leadership in Energy and Environmental Design (LEED)*, *Green Real Estate (GreenRE)* dan Indeks Bangunan Hijau (GBI).

Bangunan ini memanfaatkan panel kaca yang menawarkan pemandangan 360° serta mengurangkan penggunaan tenaga kerana lebih banyak cahaya semula jadi digunakan. Penyaman udara dari bawah lantai akan menyebarkan udara dengan lebih berkesan, sekali gus menjimatkan tenaga. Sistem rawatan air yang cekap juga akan membantu menjimatkan air dan mengurangkan kos penyelenggaraan. Ini merupakan beberapa ciri yang menjadikan Merdeka 118 sebagai bangunan yang lebih mesra alam.

TRANSFORMASI PENGURUSAN MODAL INSAN

Selain modal kewangan, modal insan juga penting bagi mana-mana organisasi. Pelaburan modal insan sentiasa menjadi keutamaan PNB bagi mewujudkan aliran bekalan bakat. Pada tahun 2020, PNB menjalani transformasi besar-besaran dari segi pengurusan modal insan untuk menarik dan mengekalkan pasukan profesional kami yang berkaliber tinggi. Sepanjang tahun ini, tujuh kelas pekerjaan telah diperkenalkan dengan struktur dan faedah imbuhan yang baharu. Di samping itu, latihan wajib selama 8 hari yang diperkenalkan pada tahun 2019 bagi menggantikan latihan selama 2.5 hari sebelumnya, terus dilaksanakan untuk memastikan pembelajaran berterusan

organisasi dalam persekitaran yang sentiasa berubah ini. Transformasi ini disusuli dengan penjelasan dalam menghuraikan pekerjaan yang berkaitan, jangkakan prestasi yang dipadankan dengan petunjuk prestasi utama masing-masing dan sistem penilaian prestasi. Perubahan ini menyokong aspirasi kami untuk beralih ke sempadan perniagaan dan menjadi sebuah institusi pelaburan antarabangsa yang unggul.

MENYEPADUKAN AGENDA KELESTARIAN DALAM PELABURAN

Sebagai sebuah institusi pelaburan berorientasikan jangka panjang, PNB mementingkan penerapan agenda kelestarian yang memberi tumpuan kepada kesan pelaburan terhadap ekonomi, kesejahteraan masyarakat dan alam sekitar. Dengan pelbagai cabaran yang kini dihadapi dunia akibat perubahan iklim serta keperluan untuk mengurangkan jejak karbon dan kebimbangan yang kian meningkat tentang impak sosial daripada pelaburan, tumpuan global telah meletak keutamaan untuk menyepadukan aspek persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam proses pelaburan. Ini telah menjadi sebahagian daripada komitmen untuk merealisasikan agenda kelestarian.

Ia melibatkan penyatuan penilaian dan pandangan yang berkaitan kelestarian, sosial, persekitaran dan tadbir urus ke dalam pendekatan tradisional terhadap pelaburan. Pasti ini akan mempengaruhi pembangunan portfolio kami, perkembangan produk baharu dan penglibatan PNB dengan syarikat-syarikat berkaitan untuk meningkatkan nilai jangka panjang kepada pelanggan mereka. Paling penting kepada agenda ini adalah pengurusan risiko perlu mengambil kira semua risiko yang berkaitan. Secara keseluruhan, ini akan menjana penyelesaian pelaburan yang akan memperbaiki hasil kewangan jangka panjang. Menuju ke hadapan, PNB komited untuk menjadi sebahagian daripada agenda global bagi mendukung aspek kelestarian, dengan demikian memastikan implikasi sosial dan persekitaran pelaburan PNB tidak akan menjejaskan kelestarian pertumbuhan dan perkembangan pelaburan kami secara keseluruhan.

MENERAJUI PNB MENITI LEMBARAN BAHARU EVOLUSI

Pada bulan Julai 2020, PNB mengalu-alukan Ahmad Zulqarnain Onn sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) yang baharu. Ahmad Zulqarnain membawa pengalaman luas dari semua portfolio terdahulu beliau sebagai Timbalan Pengarah Urusan di Khazanah Nasional Berhad selama enam tahun. Sebelum itu, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Danajamin Nasional Berhad yang pertama dari tahun 2009 hingga 2014, antara jawatan penting yang beliau sandang dalam bidang Korporat Malaysia.

Bersama dengan Ahmad Zulqarnain, PNB berjaya mencatat beberapa pencapaian signifikan pada tahun 2020. PNB kini berada pada kedudukan yang baik untuk mencapai lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Ini juga merangkumi cara kerja baharu yang dirancang apabila berpindah ke ibu pejabat baharu pada tahun 2022.

Ahmad Zulqarnain mengambil alih pucuk pimpinan Abdul Jalil Abdul Rasheed, yang merupakan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB dari bulan Oktober 2019 sehingga Jun 2020. Kami ucapkan terima kasih kepada Jalil atas sumbangan beliau sepanjang berkhidmat dengan PNB.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli Lembaga Pengarah PNB, Tan Sri Ahmad Badri Mohd. Zahir yang bersara pada bulan Mei 2020 serta mengalu-alukan Dato' Asri Hamidin @ Hamidon yang menyertai Lembaga Pengarah pada bulan Julai 2020.

Dengan bimbingan Ahli Lembaga Pengarah serta kepakaran dan pengalaman Pasukan Kepemimpinan yang kini disokong oleh perubahan transformatif yang dilaksanakan sejak kebelakangan ini, PNB kini berada dalam posisi yang baik untuk mendepani cabaran baharu dan merebut peluang dalam persekitaran yang sentiasa berubah kini, demi menjana pulangan yang mampan untuk pemegang unit kami.



Menjadi tuan rumah bagi mesyuarat YPB di Menara PNB

PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Lembaga Pemegang Amanah di Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) atas kepercayaan kepada PNB dalam melaksanakan tugas kami dengan penuh tanggungjawab dan akauntabiliti yang paling tinggi.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada barisan Lembaga Pengarah PNB atas komitmen dan sokongan mereka semasa kami mempertimbang dan membincangkan hal-hal strategik, meskipun melalui sesi maya sepanjang tahun untuk mencapai kata sepakat dalam membuat keputusan yang terbaik dan paling berhemah demi kepentingan institusi.

Ucapan terima kasih juga kepada Ahli Lembaga Pengarah ASNB dan syarikat-syarikat kumpulan PNB, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa negeri-negeri di Malaysia, serta anggota Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan kakitangan Syarikat Strategik atas sokongan berterusan mereka kepada PNB dalam usaha melaksanakan mandat kami.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yayasan Ekuiti Nasional (YEN), yaysan amanah yang memiliki Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) atas dana sejumlah RM120 juta yang telah disampaikan kepada YPB pada bulan September 2020. Dengan RM200 juta yang telah diberikan pada tahun 2014, jumlah keseluruhan kini adalah sebanyak RM320 juta. Dana ini akan diagihkan dengan sewajarnya kepada para pemegang unit Bumiputera kami.

Kepada pasukan PNB, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada anda semua kerana telah menyesuaikan diri dengan tuntutan cara bekerja baharu dengan begitu baik sekali sepanjang tahun yang amat sukar ini, tanpa berkompromi dengan kualiti hasil kerja. Dengan ketabahan dan ketangkasan, anda telah memastikan bahawa kita dapat menutup tirai tahun 2020 dengan penuh keyakinan walaupun menghadapi rintangan yang tiada tandingannya. Insha-Allah, PNB kini lebih bersedia dan berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi tahun 2021.

Kepada pemegang unit, kami amat menghargai kepercayaan anda terhadap kami dan kesetiaan anda sepanjang kita mengharungi tahun 2020, iaitu tahun yang mungkin paling sukar dalam sejarah kami. PNB akan terus berusaha untuk memenuhi mandat kami dengan cara yang mampan dan berhemah dalam melindungi pelaburan demi kepentingan pemegang unit.

TAN SRI DR. ZETI AZIZ

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN



KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT,

Tahun 2020 merupakan tahun bersejarah. Saya pasti, tahun ini merupakan tahun yang paling mencabar di seluruh dunia dalam beberapa dekad, bertitik-tolak daripada perubahan mendadak dan tidak dijangka terhadap pekerjaan dan kehidupan peribadi. Tahun ini juga merupakan tahun di mana kami di PNB banyak belajar.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Izinkan saya untuk memulakan ulasan Tahun 2020 yang ternyata jauh berbeza daripada sebelum ini dan tidak pernah terbayang oleh mana-mana pihak.

Pada peringkat global, antaranya:

- Tahun ini bermula dengan kebakaran hutan yang terburuk pernah dialami Australia sejak bulan Disember 2019.
- United Kingdom (UK) secara rasmi menarik diri daripada Kesatuan Eropah setelah rundingan dijalankan selama beberapa bulan.
- Pandemik COVID-19 tercetus dan mengubah dunia selama-lamanya. Virus ini telah tersebar di seluruh dunia, menjangkiti lebih 127 juta orang, mengakibatkan sekurang-kurangnya 2.8 juta kematian, dan angka ini semakin meningkat.
- Dunia dikenakan sekatan pergerakan mulai Mac sehingga menyaksikan penutupan sekolah, pusat beli-belah, restoran, dan perniagaan kecil.
- Harga minyak mentah mencecah paras terendah sementara harga minyak sawit mentah mengalami penurunan sejak awal tahun ini.
- Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat menyaksikan Joe Biden memenangi jawatan Presiden.

Malaysia juga mengalami beberapa peristiwa penting:

- Kita menyaksikan perubahan dalam tampuk pemerintahan apabila Tan Sri Muhyiddin Yassin daripada parti Pribumi Bersatu Malaysia mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-8, mengambil alih kerajaan selepas peletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad.
- Seterusnya, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) turut bertukar. Kami menyambut baik pelantikan Perdana Menteri sebagai Pengerusi YPB dan Menteri Kewangan sebagai Timbalan Pengerusi.
- Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama dikenakan untuk mengekang penyebaran jangkitan COVID-19. Pembelian panik pada awal PKP, penjarakan fizikal dan bekerja dari rumah merupakan permulaan norma baharu kita.
- Bank Negara Malaysia mengurangkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak empat kali, menjadikan jumlah keseluruhan pengurangan OPR sebanyak 125 mata asas (bps) ke paras terendah iaitu 1.75%.
- Kita menutup tirai tahun ini dengan sedikit perkembangan positif kerana vaksin telah diluluskan untuk digunakan dalam jangka masa yang singkat.

Ia bukanlah tugas mudah untuk menguruskan keselamatan pekerja dan pada masa yang sama terus memberi pengalaman terbaik kepada 14.5 juta pemegang unit. Saya bersyukur meskipun tahun 2020 mungkin memperlahankan kami, ia sama sekali tidak menghentikan kami di PNB.

Ketika syarikat-syarikat menjalani perintah kawalan pergerakan pada bulan Mac 2020:

- 1,750 kakitangan PNB di seluruh negara beralih kepada pekerjaan jarak jauh, mencatatkan lebih daripada 208,000 jam mesyuarat melalui Microsoft Teams.
- Kami terpisah namun tidak berjauhan, kerana komunikasi terus-menerus di seluruh syarikat menghubungkan kami.
- Lebih RM23 juta disumbangkan oleh Kumpulan PNB dalam bentuk peralatan perubatan dan wang tunai untuk menyokong usaha memerangi COVID-19.
- Di peringkat dalaman, Kelab Sukan dan Rekreasi PNB melancarkan kempen #wargaPNBprihatin dengan kutipan sebanyak RM205,465 disalurkan kepada MERCY Malaysia.
- 6,600 bungkusan makanan telah disediakan oleh pasukan hospitaliti kami dari Attana Hotels & Resorts dan dihantar kepada petugas barisan hadapan kita yang cekal dan berani.

Dalam persekitaran ekonomi, sosial dan juga pekerjaan yang telah berubah secara drastik, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada pasukan PNB yang telah menyesuaikan diri dengan baik terhadap cabaran tahun 2020. Saya bangga dengan komitmen dan semangat keakraban yang ditunjukkan. Pasukan PNB bekerja kuat dan membuat yang terbaik dalam situasi tersebut.

Berkat usaha luar biasa mereka, kami terus melaksanakan misi kami. Hari ini, PNB tangkas seperti biasa dan pasukan ini telah menunjukkan betapa kuatnya kami sebagai sebuah syarikat untuk menghadapi apa jua cabaran.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada petugas profesional perubatan dan semua pekerja penting barisan hadapan. Kita akui, rasa bimbang ada di mana-mana. Namun, saya sangat menghargai komitmen mereka yang tidak berbelah bahagi dengan mempertaruhkan keselamatan diri untuk membantu dan berkhidmat demi rakyat Malaysia.

Akhir kata, kesemua ini tidak akan terjadi tanpa kepercayaan para pemegang unit yang berterusan diberikan kepada PNB. Kami sangat berbesar hati dapat bersama-sama anda dalam setiap langkah yang dilalui.

Alhamdulillah PNB tetap fokus dalam menunaikan mandat kepada pemegang unit kami. Saya berbesar hati membentangkan Laporan Tahunan PNB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (TK2020).

Sewaktu saya dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan pada bulan Julai, PNB telahpun melancarkan Pelan Strategik 2020-2022 baharu yang dikenali sebagai Focus 4 pada bulan Mei untuk memperkukuh hala tuju strategik institusi bagi tiga tahun yang akan datang.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Focus 4 menggariskan bidang berimpak tinggi seperti berikut:



Aset di Bawah Pengurusan (AUM) meningkat sebanyak **3.4%** daripada RM312.0 bilion pada TK2019 kepada **RM322.6 bilion**

Unit dalam Edaran (UIC) bagi kesemua 15 dana meningkat sebanyak **4.0%** sehingga mencapai **264.0 bilion unit**

Jumlah Pengagihan Pendapatan **RM11.1 bilion**

Jumlah Pengagihan Pendapatan Berkumpul **RM211.3 bilion** sejak dilancarkan

PENCAPAIAN UTAMA TAHUN 2020


Dengan fokus yang diperhalusi, sukacita saya melaporkan tiga pencapaian utama bagi TK2020. Pertama, kami berjaya menjana prestasi kewangan yang berdaya tahan dalam landskap pelaburan yang mencabar. Aset di Bawah Pengurusan (AUM) PNB meningkat sebanyak 3.4% daripada RM312.0 bilion pada TK2019 kepada RM322.6 bilion pada TK2020.

Daripada jumlah ini, RM273.0 bilion terhasil daripada pelaburan pemegang unit dalam 15 dana yang diuruskan oleh syarikat unit amanah milik penuh PNB, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Ini menyaksikan kenaikan 3.4% daripada RM264.2 bilion pada TK2019, yang mencerminkan kepercayaan berterusan pemegang unit terhadap PNB sebagai pengurus aset berhemah, dan produk unit amanah ASNB sebagai alat pelaburan selamat walaupun berhadapan situasi yang tidak menentu disebabkan pandemik yang melanda dunia.

Baki sebanyak RM49.6 bilion adalah dalam dana propertari PNB yang dikendalikan dan diuruskan secara berasingan daripada dana unit amanah.

Unit dalam Edaran (UIC) bagi semua 15 dana meningkat sebanyak 4.0% mencecah 264.0 bilion unit, seiring dengan penyertaan lebih daripada 200,000 pemegang unit baharu. Ini menjadikan jumlah akaun sebanyak 14.5 juta.

PNB juga terus memberikan pulangan kompetitif kepada pemegang unit pada TK2020, dengan jumlah pembayaran sebanyak RM11.1 bilion bagi semua dana. Pulangan dana harga tetap kami seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) masing-masing melangkaui penanda aras, menggambarkan keadaan ekonomi sukar di mana kami beroperasi. Sebagai contoh, dana utama kami, ASB menghasilkan pulangan positif dan mengatasi penanda arasnya iaitu kadar Deposit Tetap 12-bulan Maybank secara konsisten, walaupun FBM KLCI mencatat prestasi negatif dalam lima daripada tujuh tahun kebelakangan ini.




ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Ini menjadikan jumlah pengagihan pendapatan terkumpul PNB sejak penubuhannya sebanyak RM211.3 bilion, meningkat sebanyak 5.5% daripada jumlah terkumpul RM200.2 bilion yang diagihkan pada TK2019. Ini mencerminkan kepercayaan pelabur terhadap kemampuan kami untuk mengembangkan pelaburan mereka secara berhemah dan kami berhasrat akan terus melaksanakannya pada tahun-tahun akan datang.

Pendapatan kasar PNB bagi TK2020 menguncup sebanyak 5.0% kepada RM14.5 bilion daripada RM15.1 bilion yang dicatatkan pada TK2019. 66.4% portfolio kami dilaburkan dalam pasaran ekuiti domestik, yang mana 32.3% daripada jumlah ini dilaburkan di Syarikat-syarikat Strategik PNB. Prestasi keseluruhan Syarikat Strategik dan Teras terjejas dengan persekitaran pasaran yang mencabar pada TK2020 dan prestasi semua syarikat tersebut di FBM KLCI dalam tempoh ini kurang memuaskan.

Kami percaya ada peluang untuk kami mencipta atau meraih nilai syarikat-syarikat ini dan perkara inilah yang menjadi fokus utama kami di PNB pada tahun 2021. Pasukan kami akan terus bekerjasama rapat dengan syarikat kami untuk mencari peluang yang dapat memberikan pulangan baik kepada pemegang saham dan mengatasi tempoh prestasi rendah ini berbanding dengan pasaran yang lebih luas.


Namun demikian, usaha kepelbagaian PNB secara beransur-ansur sejak tahun 2018 telah membantu memperkukuh kewangan syarikat ketika PNB berkembang ke kelas aset lain di dalam dan di luar negara.



Kami mencapai kemajuan besar dalam melaksanakan strategi kepelbagaian pada tahun dalam tinjauan ini. Pelaburan ekuiti awam global PNB berkembang kepada 8.7% daripada portfolio kami pada TK2020 berbanding 5.9% pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, jumlah pendedahan global PNB dalam pelbagai kelas aset meningkat kepada 12% pada TK2020, peningkatan sekitar 3.5% berbanding dengan TK2019. Ia sesuatu yang sangat menggalakkan melihat bahagian kecil daripada portfolio kami ini memberi pulangan yang lebih besar. Contohnya, ekuiti awam antarabangsa kami menyumbang 25.5% kepada pendapatan kasar pada TK2020, berbanding dengan 11.6% pada TK2019. Mengembangkan pelaburan antarabangsa akan menjadi suatu proses yang akan mengambil masa beberapa tahun bagi PNB sementara kami memastikan kami mempunyai akses kepada peluang terbaik di seluruh dunia tetapi masih dalam lingkungan selera risiko kami.

SUMBANGAN KEPADA PENDAPATAN KASAR BERDASARKAN KELAS ASET



ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

EKUITI AWAM

Pelaburan ekuiti awam global PNB membentuk 8.7% daripada portfolio kami pada TK2020 berbanding dengan 5.9% pada tahun sebelumnya. Usaha kepelbagaian kami menunjukkan hasil positif, apabila pelaburan antarabangsa memberikan sumbangan yang lebih besar kepada Pendapatan Kasar pada tahun 2020. Ekuiti awam antarabangsa menyumbang 25.5% daripada jumlah keseluruhan pendapatan, meningkat daripada 11.6% pada tahun sebelumnya.

Selain itu, PNB telah mewujudkan rangka kerja Pengurus Dana Luaran untuk kami melibat urus dan bekerja bersama dengan pengurus dana berkualiti tinggi dalam mengatur strategi yang disasarkan di samping melalui proses pemindahan ilmu pengetahuan untuk membangunkan keupayaan dalaman PNB. Pada tahun 2020, PNB mengenal pasti dan memilih sembilan pengurus dana luaran berkaliber merentasi tiga strategi - ekuiti global, pasaran baharu muncul global dan kuantitatif global.

Dari segi ekuiti awam domestik, PNB mengakui cabaran bukan sahaja dihadapi oleh syarikat-syarikat pelaburan kami, tetapi juga syarikat-syarikat korporat Malaysia lain dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu dan mencabar ini. Walau bagaimanapun, kami meneruskan pelaksanaan pelan penciptaan nilai operasi dengan Syarikat-syarikat Strategik kami dan menjajarkan dengan jangkaan kewangan dari aspek pulangan mampan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengimbangkan semula portfolio, kami melupuskan kesemua 56.3% saham yang dipegang oleh PNB dan dana unit amanah kami dalam salah satu Syarikat Strategik kami iaitu Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM). Harga yang ditawarkan oleh pembeli, Batu Kawan Berhad, mewakili premium 69% harga purata pasaran jumlah dagangan CCM. Apabila pengambilalihan ini selesai pada bulan Disember 2020, PNB telah menerima hasil sebanyak RM292.8 juta.

Kami juga menerbitkan Rangka Kerja Pengawasan PNB untuk mendidik syarikat pelaburan kami mengenai falsafah dan jangkaan pengawasan pelaburan PNB yang merangkumi:

- i. Memperhalus dan menerbitkan Garis Panduan Pengundian PNB;
- ii. Menulis Surat Pemegang Saham kepada syarikat pelaburan yang menggariskan pandangan dan aspirasi kami;
- iii. Menubuhkan Majlis Pelaburan Strategik tahunan; dan
- iv. Menerbitkan Pernyataan Pematuhan PNB terhadap Kod Pelabur Institusi Malaysia.

Rangka Kerja Pengawasan PNB menggambarkan dengan jelas cara PNB ingin memenuhi peranan kami sebagai pelabur dan rakan niaga yang lebih terlibat, aktif serta menambah nilai kepada syarikat pelaburan kami. Melalui peranan ini, kami ingin memupuk pulangan mampan dengan memastikan kesihatan organisasi dari segi prestasi kewangan, amalan tadbir urus terbaik dan strategi bakat.

Ekuiti domestik kekal menjadi elemen utama portfolio PNB dan kami akan terus terlibat dengan Syarikat Strategik dan Teras kami bagi memperkukuh prestasi dan membuka nilai untuk pihak berkepentingan kami. Dengan lebih daripada 60% portfolio PNB dilaburkan dalam syarikat-syarikat ini, prestasi kolektif yang lebih kukuh oleh syarikat pelaburan kami akan memastikan PNB mampu menghasilkan pulangan berdaya saing seperti yang diharapkan oleh pemegang unit kami.

Tambahan pula, PNB komited untuk memainkan peranan secara proaktif dalam mengekalkan keyakinan masyarakat terhadap operasi pelaburan patuh Syariah kami - semua unit amanah ASNB dikelaskan sebagai dibenarkan atau 'Harus' menurut Majlis Fatwa Kebangsaan dan semua Majlis Fatwa Negeri.

HARTANAH

Dengan peruntukan yang lebih tinggi sebanyak 4.3% pada TK2020 berbanding 3.4% pada tahun sebelumnya, portfolio Hartanah kami terus melaburkan modal dalam dana hartanah global di pelbagai negara dan segmen seperti yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Pelaburan Hartanah PNB.

Kira-kira 14% kini dilabur di Amerika Utara, 58% di Eropah dan 28% di Asia Pasifik, tidak termasuk Malaysia, serta dalam pelbagai sektor hartanah termasuk logistik dan pejabat. Tahun 2020 juga membuka ruang baharu bagi kami dalam sektor kediaman, dengan PNB mempunyai pelaburan di Jepun, AS dan Eropah.

Di Malaysia, kami terus beroperasi dalam segmen amanah pelaburan hartanah (REIT), hospitaliti, bank tanah dan pajakan komersial. Kami juga fokus kepada usaha menyiapkan Merdeka 118.

Kini kami sedang membangunkan Fasa 1 yang merangkumi menara Merdeka 118 dan infrastruktur sekitarnya. Struktur teras konkrit telah mencapai ke puncaknya di Tingkat 118 dan bahagian luaran menara (pemasangan panel kaca) telah mencapai ke Tingkat 99. Setakat Mac 2021, menara Merdeka 118 telah siap 74%.

Bagi mematuhi syarat semasa PKP, tapak pembinaan Merdeka 118 ditutup semasa tiga fasa pertama PKP. Tapak pembinaan ini dibuka semula secara beransur-ansur dari 13 Mei dan seterusnya dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN



Sekiranya tiada apa-apa keadaan yang tidak diduga, kami menjangkakan Fasa 1 akan siap pada tahun 2022. Kami juga telah memulakan kerja bagi Fasa 2, merangkumi pusat beli-belah dan taman linear Merdeka Boulevard @ 118 seluas empat ekar.

Dalam pada kami menjalankan kerja pembinaan ini, kami berasa gembira apabila PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB), anak syarikat milik penuh PNB yang menyelia pembangunan Merdeka 118, telah mendapat pengiktirafan untuk amalan keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan daripada Kementerian Sumber Manusia semasa kunjungan Menteri Sumber Manusia ke Merdeka 118 pada bulan Ogos 2020. Keselamatan kekal menjadi keutamaan dalam pembangunan ini. Sehingga Disember 2020, menara Merdeka 118 telah merekodkan lebih 38 juta jam bekerja dengan selamat tanpa sebarang kecederaan masa hilang (LTI).

Anugerah "Pencegahan Prinsipal Melalui Reka Bentuk" diberikan kepada PMVSB bersempena dengan majlis anugerah yang dianjurkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) bagi program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Pengurusan Industri Pembinaan (OSCHIM).

Di UK, kerja pembinaan pada Fasa 2 Stesen Janakuasa Battersea (BPS), komponen komersial yang kami miliki bersama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengalami pemberhentian serupa disebabkan oleh penutupan dan sekatan COVID-19 di negara itu pada tahun 2020.

Sejak itu, langkah-langkah penting dilaksanakan untuk memastikan tapak ini terus beroperasi sepanjang gelombang kes COVID-19 yang berikutnya dan penutupan serta sekatan seluruh negara pada awal tahun 2021, untuk meminimumkan kesan terhadap pembangunan. Projek ini sedang berjalan dengan baik dan berada di landasan untuk siap pada tahun 2021.

BPS, secara keseluruhan, telah menjadi tempat tumpuan yang sibuk dengan komuniti pesat yang merangkumi kawasan kediaman, kedai, restoran, pejabat, ruang aktiviti budaya dan bersantai serta ruang awam seluas 19 ekar.

Fasa pertama yang dikenali sebagai Circus West Village, telah berkembang pesat sebagai destinasi di tepi sungai dan menjadi tempat tinggal lebih daripada 1,200 penduduk. Gabungan pelbagai jenis ruang seni, kuliner, keluarga dan kecergasan kini menarik lebih daripada tiga juta pengunjung setiap tahun.

Apabila Fasa 2 BPS ini siap, lebih 100 buah lagi kedai, restoran serta kafe, pengalaman menaiki lif cerobong unik dengan pemandangan panorama 360 darjah latar langit di London dan ruang acara yang memuatkan 2,000 orang akan menarik lebih ramai lagi pengunjung ke kawasan ini. Begitu juga pejabat baharu seluas 500,000 kaki persegi di London untuk jenama teknologi global Apple dan 253 buah apartmen lagi untuk didiami.

PNB meneruskan usaha untuk menyusun semula portfolio hartanah domestiknya dengan mencari peluang dalam segmen yang menjana nilai, seperti sektor perindustrian dan logistik yang menarik. Sepanjang tahun dalam tinjauan, PNB bersama Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Kumpulan Syarikat AREA, telah memeterai satu usaha sama melalui anak syarikat masing-masing bagi membangunkan tanah seluas 220 hektar menjadi taman perindustrian bersepadu di Kota Seri Langat, Banting, Selangor. Dikenali sebagai COMPASS @ Kota Seri Langat, taman perindustrian ini akan menawarkan kemudahan dan gudang perindustrian "dibina suai" dengan nilai pembangunan kasar melebihi RM1.4 bilion serta dijangka menjadi hab industri dan logistik terkemuka di Selangor memandangkan lokasinya yang strategik di sekitar pelabuhan-pelabuhan utama dan bersambung terus dengan Lebuh raya Pantai Barat.

Selain itu, PNB melalui anak syarikat milik penuhnya, Ombak Real Estate Sdn Bhd telah mengumumkan cadangan penukaran Amanah Harta Tanah PNB (AHP) kepada REIT tidak tersenarai melalui penebusan unit terpilih pada 18 September 2020. Objektif utama langkah ini adalah untuk menyeimbangkan semula dan mengembangkan portfolio hartanah AHP secara lebih cekap di bawah struktur REIT tidak tersenarai dengan menceburi segmen baharu, sambil memberi peluang pemegang unit yang layak untuk merealisasikan pelaburan mereka dengan harga premium pada harga pasaran semasa. Langkah ini selesai apabila AHP dinyah senarai daripada Bursa Malaysia pada 15 Februari 2021.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Sementara itu, untuk memaksimumkan pulangan portfolio, PNB juga mula mengurangkan pendedahan dalam pasaran yang mencabar. Sebagai contoh, dalam segmen pejabat komersial yang terlebih penawaran, PNB telah memuktamadkan jualan Menara MIDF di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur dengan harga RM141 juta pada bulan Disember 2020. Jualan itu membolehkan PNB mengoptimumkan nilai pelaburannya sambil mengitar semula modal untuk menyokong perkembangannya dalam sektor baru berkembang.

EKUITI PERSENDIRIAN

PNB telah membentuk Rangka Kerja Pelaburan Persendirian (PIF) pada tahun 2017, yang menggariskan struktur pelaburan dan strategi peruntukan aset lima tahun untuk dilaksanakan oleh bahagian Pasaran Persendirian kami. Sasarannya adalah untuk meningkatkan peruntukan ekuiti persendirian daripada 2.8% kepada 6% - 7% AUM jangka panjang melalui strategi dan peruntukan pelaburan berstruktur untuk meningkatkan pulangan keseluruhan PNB.

Daripada komitmen tahunan bersasar hampir US\$1 bilion, kira-kira 40% akan disalurkan melalui Program Pelaburan Langsung/Bersama sementara baki 60% akan disalurkan melalui komitmen dana dalam Program Pelaburan Dana Global (GFI).

Dari segi nilai pasaran, kira-kira 80% daripada portfolio pelaburan persendirian kami terdiri daripada pelaburan domestik pada TK2020, dengan majoriti pelaburan sedia ada dibuat sebelum pembentukan PIF. Selebihnya iaitu 20% dilabur melalui Program GFI, peningkatan daripada 14% pada TK2019, konsisten dengan usaha kami untuk mempelbagaikan pelaburan global.

Pada 15 April 2020, PNB berjaya melupuskan seluruh pegangan minoritinya sebanyak 23% dalam Unilever Malaysia Holdings (UMH), sebuah syarikat yang telah memberikan pulangan menarik sejak pertama kali kami memiliki kepentingan ini pada tahun 1981.

Satu peristiwa penting pada tahun ini termasuklah penyertaan PNB sebagai pelabur bersama dalam salah satu perjanjian pembelian terbesar di Eropah. Selain itu, PNB terus menilai peluang di Malaysia termasuk pelaburan dalam sebuah syarikat pengeluar kontrak produk makanan yang berpangkalan di Malaysia, iaitu salah satu pengeluar terbesar di dunia dalam segmen ini.

Semenjak pelaksanaan PIF, PNB telah terlibat dalam kira-kira 25 dana ekuiti persendirian global, termasuklah melalui Akaun Terurus Terpisah yang dikendalikan oleh firma ekuiti persendirian global terkemuka. Kebanyakan firma ekuiti persendirian berkualiti tinggi ini dikenal pasti oleh PNB sejak awal untuk menjalin dan membina hubungan yang kukuh dalam usaha mendapatkan kemungkinan peruntukan pelaburan dalam dana firma ini pada masa hadapan. Firma-firma ekuiti persendirian terbaik ini, dengan rekod prestasi cemerlang dan pulangan pelaburan berterusan, dikenali kerana sifat eksklusif mereka dalam memberi akses kepada pelabur baharu.

MEMENUHI KEPERLUAN PEMEGANG UNIT YANG SEMAKIN MENINGKAT

Dalam usaha PNB melangkah semakin maju menjadi firma pelaburan distinktif bertaraf dunia dengan kepelbagaian portfolio bagi memastikan pulangan yang mampan, kami kekal dengan asas kami di Malaysia. Pemegang akaun kami yang berjumlah 14.5 juta telah dan akan sentiasa menjadi keutamaan kami. Kami akan terus memperkenalkan perkhidmatan dengan nilai tambah yang lebih baik dan mantap untuk memberi pengalaman menyeluruh yang positif kepada anda.

TK2020 menandakan tahun ke-30 dana utama ASB kami telah membantu para pelabur dalam mencapai matlamat kewangan mereka. Untuk menzahirkan penghargaan kepada 10 juta pelabur ASB kami, ASNB mengadakan pelbagai peraduan dan aktiviti sepanjang tahun untuk para pelabur dan seluruh rakyat Malaysia.

Pada tahun ini, kami melancarkan dana unit amanah global kami yang pertama, dikenali sebagai ASN Imbang 3 Global. Dana global ini melabur sehingga 65% dalam pasaran kewangan global dan ditawarkan terutamanya kepada pelabur yang ingin memilih portfolio pelaburan yang lebih tertumpu pada portfolio antarabangsa. Kami telah melihat permintaan yang tinggi untuk dana ini, dengan AUM sebanyak RM646.7 juta pada akhir bulan Februari 2021 dan permintaan terus meningkat.

Inisiatif utama lain yang dilancarkan sepanjang tahun ini termasuk:



Kemudahan pengeluaran tunai dalam talian yang menawarkan fleksibiliti kepada pemegang unit untuk mengurus unit pelaburan dengan lebih baik



Perkhidmatan pengurusan hartanah patuh Syariah dalam talian



Pusat Khidmat Nasihat Pembiayaan ASB untuk membantu pemegang unit yang ingin mendapatkan nasihat dan bantuan berkenaan hal-ehwal pembiayaan ASB

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN



Kami bertuah kerana YB Menteri Kewangan sudi melancarkan dana baharu kami

Bagi menyesuaikan dengan norma baharu, cawangan-cawangan ASNB kami juga beroperasi dengan skala lebih kecil hampir sepanjang tahun 2020. Saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada cawangan dan petugas barisan hadapan kami di seluruh negara kerana mengambil semua langkah pencegahan yang perlu sewaktu memenuhi keperluan pemegang unit kami.

MEMANFATKAN INOVASI DIGITAL BAGI MENCAPAI AUDIENS YANG LEBIH MELUAS

Kami terutamanya amat gembira dengan kemajuan pelan digital PNB pada TK2020 dengan dua pencapaian bersejarah iaitu pelancaran Raiz Malaysia, aplikasi mudah alih pelaburan mikro yang pertama di negara ini, dan transformasi acara perdana tahunan kami Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) kepada Minggu Saham Digital (MSD).

Sebagai evolusi semula jadi strategi digital PNB, Raiz Malaysia membuka jalan kepada rakyat Malaysia untuk memulakan perjalanan menyimpan mereka dengan secara automatik menggenapkan dan melaburkan baki digital perbelanjaan mereka dalam dana unit amanah harga berubah ASNB. Dengan lebih daripada 90% populasi Malaysia menggunakan telefon bimbit dan peranti mudah alih, Raiz Malaysia merupakan suatu inisiatif untuk menyokong usaha Kerajaan dalam memupuk keterangkuman kewangan digital dalam kalangan masyarakat kita.

Hanya dalam enam bulan selepas inisiatif rintis ini dilancarkan, Raiz Malaysia berjaya menarik lebih daripada 160,000 pendaftaran dan hampir 45,000 akaun pelaburan pada akhir TK2020. Sementara itu, jumlah dana bawah pengurusan bagi Raiz Malaysia hampir mencecah RM10 juta. Pencapaian ini membanggakan kerana sumbernya hanyalah daripada wang baki perbelanjaan yang sebaliknya mungkin terbiar begitu sahaja.

Bagi program literasi kewangan yang berterusan, PNB sentiasa komited untuk menganjurkan acara tahunan perdana MSAM kami kerana ini merupakan kaedah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berkenaan rantaian nilai bagi dana pelaburan mereka yang kami uruskan.

Acara ini biasanya akan menampilkan syarikat-syarikat pelaburan PNB, serta rakan kongsi kami dari pihak kerajaan dan badan kawal selia. Semasa acara ini diadakan secara fizikal, ia menarik ratusan ribu pengunjung dari kawasan sekitar lokasi pameran. Namun demikian, MSD yang diadakan di platform maya berjaya memperluas jangkauan dengan menarik tujuh juta penyertaan bagi acara selama seminggu ini.

Sebagai perintis digital, sambutan MSD jauh melangkaui jangkauan dan kami benar-benar berterima kasih kepada rakyat Malaysia yang mengikut dan menjadikan acara ini suatu kejayaan yang luar biasa. Pasukan kami bersedia untuk menambah baik MSD dari segi kandungan dan memperluas jangkauan acara ini pada edisi tahun 2021.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Dengan mandat yang diberikan, Pasukan PNB mendukung tujuan yang jelas untuk memberikan pulangan kepada pemegang unit. Walaupun ada batasannya, lebih daripada 90% projek yang digariskan pada tahun 2020 telah selesai dilaksanakan atau sedang dalam proses pelaksanaan untuk disiapkan pada akhir tahun. Sesungguhnya saya amat berbangga kerana Pasukan PNB berjaya membuktikan ketangkasan dan kepantasan mereka untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu.

PASUKAN PNB

Pasukan yang terdiri daripada 1,750 tenaga kerja di PNB sesungguhnya telah bekerja keras untuk menyesuaikan diri dengan cara kerja norma baharu. Perkara yang mendorong mereka bertahan pada TK2020 ialah asas kukuh yang dimiliki sepanjang empat dekad lepas dan diperkukuhkan lagi dengan nilai korporat PNB sebelum ini dikenali sebagai CHIPP iaitu *Competence* (Kecekapan), *Humility* (Rendah Diri), *Integrity* (Integriti), *Prudence* (Cermat), dan *Passion* (Semangat).

Pada tahun 2020, sebagai sebahagian daripada Focus 4, PNB menerapkan nilai-nilai baharu, PACE, untuk melancarkan perjalanan transformasi kami. PACE - *Prudence* (Berhemah), *Adaptability* (Kebolehsuaian), *Collaboration* (Kerjasama) dan *Excellence* (Kecemerlangan) - dibina daripada asas kukuh CHIPP dan merupakan tunjang kepada kami untuk maju ke era digital baharu.

Pada waktu isu kesihatan global menuntut kita bekerja dengan cara baharu, pasukan PNB menyesuaikan diri dengan baik dan kekal produktif walaupun perlu beralih kepada kolaboratif maya melalui Microsoft Teams dari suasana selamat di rumah masing-masing. PNB telah melakukan pengambilan graduan dan kakitangan baharu secara maya pada tahun 2020. Kami juga sentiasa berhubung rapat dengan pelajar di bawah program biasiswa kami dan menyediakan bantuan yang diperlukan mereka sepanjang tempoh yang mencabar ini.

Dalam situasi yang semakin tidak menentu ini, ketelusan komunikasi adalah penting. Bahagian Modal Insan kami menyediakan maklumat harian berkenaan COVID-19 manakala komunikasi dalaman daripada Pasukan Kepimpinan terus dikekalkan. Saya percaya komunikasi secara berterusan ini membantu menjelaskan perkara semasa yang sedang berlaku dalam organisasi.

Kami juga mengaktifkan Pelan Kesenambungan Perniagaan PNB semasa PKP pertama serta pilihan Aturan Kerja Fleksibel (FWA) yang baharu. Untuk menjaga keselamatan tenaga kerja dan pelawat ke bangunan kami, perjumpaan maya digalakkan dan tidak lebih daripada 25% pasukan kami berada di premis PNB sepanjang tahun ini.

Satu inovasi yang lahir daripada PKP ini ialah Beacon oleh PNB. Ia merupakan satu aplikasi mudah alih yang disuaikan untuk membantu pasukan PNB menguruskan FWA mereka dengan lebih baik. Beacon membolehkan kakitangan mendaftar masuk untuk bekerja dan menyediakan maklumat semasa kepada pengurus untuk mengurus jadual pasukan dengan cekap.

Dengan mandat yang diberikan, Pasukan PNB mendukung tujuan yang jelas untuk memberikan pulangan kepada pemegang unit. Walaupun ada batasannya, lebih daripada 90% projek yang digariskan pada tahun 2020 telah selesai dilaksanakan atau sedang dalam proses pelaksanaan untuk disiapkan pada akhir tahun. Sesungguhnya saya amat berbangga kerana Pasukan PNB berjaya membuktikan ketangkasan dan kepantasan mereka untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu.

MELESTARIKAN TADBIR URUS DAN MENAMBAH BAIK PROSES

Pada tahun 2020, prosedur perolehan PNB mengguna pakai penyelesaian pengurusan perbelanjaan terkemuka berasaskan Cloud iaitu SAP Ariba dan Rangkaian Ariba. Pelaksanaan ini membolehkan kami, antaranya, untuk mengurangkan proses perolehan secara manual melalui automasi, mendigitalkan proses pengambilan pembekal kami, dan menggunakan analisis data untuk menilai prestasi pembekal. Ini dilaksanakan untuk mewujudkan fungsi perolehan yang lebih strategik seterusnya menjimatkan lebih banyak kos untuk PNB.

Kemunculan risiko daripada landskap pelaburan yang sering berubah ini menuntut PNB memperkukuh proses pengurusan risiko sedia ada untuk melindungi pihak berkepentingan kami, terutamanya pemegang unit. Tahun ini menyaksikan pembentukan Rangka Kerja Budaya Risiko (RCF) untuk menyokong usaha PNB dalam memupuk budaya risiko sihat merentasi organisasi.

Jawatankuasa Kecil Risiko *Transversal* (Pelaburan, Operasi dan Teknologi) dibentuk untuk bekerjasama dan memberi penyelesaian kepada risiko bersama dari awal, serta merumuskan saranan kepada Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko (RMSC) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC). Dari segi operasi, kami mengguna pakai sistem SAI360 sebagai salah satu langkah pendigitalan aliran kerja pengurusan risiko.

ULASAN PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN

Dalam mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dan standard etika yang tinggi, PNB berjaya mempertingkatkan Polisi Halangan Maklumat Kumpulan untuk memastikan segala urusan perniagaan mematuhi semua peraturan yang berkaitan sepenuhnya, terutamanya Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Dasar ini dibentuk untuk mengurus aliran maklumat sulit untuk mengelakkan konflik kepentingan.

Amalan audit PNB melalui Jabatan Asurans Dalaman (IAD) dipertingkatkan melalui pengenalan dua unit baharu. Unit Asurans Kualiti dan Projek Khas (QASP) bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti asurans kualiti di dalam jabatan menurut Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) serta melaksanakan projek-projek khas. Sementara itu, Audit Kualiti Dalaman (IQA) ditugaskan untuk memberikan penilaian dan asurans bebas terhadap entiti bertauliah dengan pensijilan dalam Kumpulan PNB.

Seperti pasukan lain di PNB, IAD mampu beralih kepada gabungan kaedah audit secara fizikal dan jarak jauh semasa PKP. Menjelang akhir tahun 2020, semua audit yang dirancang berjaya diselesaikan, sementara 79% item tertunggak telah disempurnakan.

BERPEGANG PADA JATI DIRI DALAM MENJANGKAU KE SERATA DUNIA

Dengan ketibaan tahun kewangan 2021, kami bertekad untuk membuat yang lebih baik demi manfaat Bumiputera dan rakyat Malaysia. PNB akan meneruskan strategi yang digariskan dalam pelan strategik Focus 4 kami untuk mengembangkan portfolio kami.

Pada masa yang sama, usaha kami memperkasa rakyat Malaysia dengan tahap literasi kewangan yang lebih tinggi akan diteruskan melalui kaedah konvensional dan juga platform maya baharu untuk melibatkan audiens yang lebih muda dan mahir teknologi.

Mempergiatkan usaha kepelbagaian portfolio merentasi kelas aset yang menjaga keuntungan, meneruskan libat urus secara aktif dengan syarikat pelaburan kami untuk lebih meningkatkan nilai mereka, serta mempercepatkan inisiatif transformasi digital kami akan menjadi tulang belakang operasi PNB pada TK2021 dan tahun-tahun seterusnya.



Dialog MOF dengan kepimpinan Syarikat Strategik PNB

Dengan prospek optimistik pemulihan ekonomi dan keadaan pasaran global akan bertambah baik berikutan pendedaran vaksin COVID-19 di seluruh dunia, PNB menjangkakan dapat merebut peluang komersial untuk membolehkan kami menghasilkan pulangan yang kami inginkan demi memenuhi objektif sosial kami, insya-Allah.

EKOSISTEM YANG MENYOKONG, PERSEKITARAN YANG KONDUSIF

Prestasi berdaya tahan PNB pada TK2020, iaitu tahun yang tidak pernah dialami sebelum ini, hanya boleh direalisasikan dengan sokongan ekosistem yang saling membantu. Kami di PNB sangat menghargai sokongan kuat yang terus kami terima daripada pihak Lembaga Pemegang Amanah di Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB).

Secara peribadi, saya berterima kasih atas kepercayaan mereka melantik saya sebagai Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) PNB pada bulan Julai 2020. Ia merupakan satu tanggungjawab besar untuk memimpin institusi ini, yang menjadi penjaga kepada kekayaan berjuta-juta rakyat Malaysia, dan saya bertekad untuk melaksanakan tanggungjawab saya dengan sebaik mungkin.

Untuk itu, saya sangat bertuah kerana menerima bimbingan daripada Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, yang terus menjadi inspirasi kepada semua yang

terlibat dalam dunia korporat dan kewangan. Saya juga sangat berterima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB yang membantu kami menghadapi tahun yang mencabar ini.


Kami juga berjaya berkembang maju atas sokongan dan kerjasama daripada pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan, badan kawal selia, majlis dan jawatankuasa Fatwa, serta barisan kepimpinan dan kakitangan syarikat-syarikat pelaburan kami.

Sesungguhnya pasukan PNB memainkan peranan penting dalam membantu saya semasa proses peralihan dan memastikan perniagaan serta operasi harian berjalan dengan lancar. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda semua, rakan-rakan sekerja saya, kerana sama-sama menempuh gelombang perubahan dan bertahan sepanjang tahun 2020.

Kepada pemegang unit yang setia bersama kami sepanjang tempoh yang sukar ini, kami mengucapkan terima kasih atas kepercayaan anda yang berterusan. Sejak penubuhan PNB, keutamaan kami adalah untuk menjaga kepentingan anda dalam apa jua keadaan.

AHMAD ZULQARNAIN ONN

JEJAK GLOBAL, FALSAFAH DAN PROSES PELABURAN




PNB, pada dasarnya, menggunakan falsafah pelaburan berasaskan nilai yang mengimbangi pelbagai jenis strategi pelaburan dalam kelas aset yang berbeza: daripada pegangan jangka panjang dalam syarikat berkualiti dengan hasil berulang yang stabil, kepada pelaburan yang didorong oleh momentum dengan keuntungan modal melalui aktiviti perdagangan.

Dalam usaha mencapai objektif, kami menggabungkan perspektif dari atas ke bawah, yang dimaklumkan melalui pandangan makro jangka panjang dan sasaran peruntukan aset optimum, dengan pendekatan yang didorong oleh asas-asas dari bawah ke atas dalam pemilihan aset untuk mencipta nilai.

Kepelbagaian merupakan aspek integral daripada strategi kami yang bertujuan untuk memperluaskan lagi campuran aset dan geografi portfolio kami. Secara keseluruhan, strategi ini membolehkan kami membina portfolio yang seimbang dan berdaya tahan dalam memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit kami tanpa menimbulkan risiko yang tidak wajar.



PENGESYORAN PELABURAN MELALUI PROSES TADBIR URUS BERBILANG LAPISAN



PROSES PELABURAN

Proses pelaburan hujung-ke-hujung yang kukuh di seluruh peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan




PERUMPUKAN ASET STRATEGIK

RANGKA KERJA PERUMPUKAN ASET STRATEGIK (SAA)

Rangka Kerja SAA PNB memberi panduan bagi proses membuat keputusan dalam menetapkan sasaran peruntukan modal jangka panjang yang optimum. Rangka kerja ini memainkan peranan penting dalam inisiatif PNB untuk mencapai kepelbagaian risiko yang lebih baik daripada portfolio pelaburannya merentasi kelas aset yang berlainan.

Sasaran optimum SAA untuk setiap dana masing-masing disesuaikan untuk mengambil kira selera risiko yang ditentukan, sasaran pulangan dan kekangan pelaburan dana di bawah pengurusan PNB. Ia seterusnya disokong oleh pandangan kami mengenai prospek jangka pendek dan jangka panjang, serta jangkaan tahap risiko dan pulangan di seluruh pasaran modal dan kelas aset yang kami laburkan.



PERUMPUKAN ASET STRATEGIK

Proses SAA PNB dibina dengan berkesan berdasarkan kepercayaan kuat kami dalam memupuk budaya kolaborasi silang dan akauntabiliti kolektif di seluruh organisasi. Proses ini penting dalam memastikan sumber dan kemahiran diselaraskan sepenuhnya dan ditumpukan untuk memenuhi objektif dana kami dan akhirnya jangkaan pemegang unit kami. Melalui pendekatan berstruktur dan inklusif ini, kami dapat terus mewujudkan pandangan lebih tepat dan terkini mengenai faktor-faktor dasar yang mendorong jangkaan risiko dan pulangan di semua kelas aset pelaburan kami, seterusnya membawa kepada keputusan perumpukan yang lebih baik.

Pada tahun 2019, kajian separuh penggal mengenai Pelan Strategik PNB telah dilakukan yang merangkumi kajian semula terhadap Rangka Kerja SAA yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB pada tahun 2017. Rangka Kerja SAA yang disemak semula menegaskan komitmen teguh kami dalam mencapai objektif dana kami melalui strategi kepelbagaian aset kami yang sedang berjalan. Ia termasuk meningkatkan pendedahan pendapatan tetap kami secara progresif dan meningkatkan pelaburan secara berhati-hati dalam aset global, untuk kumpulan semasa kami bagi satu dana propietari dan 15 unit amanah, seterusnya melengkapkan pegangan ekuiti domestik semasa kami.


Walaupun kami tetap menumpukan kepada pembinaan portfolio yang akan menjana pertumbuhan mampan dalam jangka masa panjang, kami juga terdedah kepada persekitaran global yang kompleks di mana dana kami beroperasi. Oleh itu, sasaran SAA jangka panjang kami ditambah baik dengan kecenderungan taktikal jangka sederhana dan jangka pendek masing-masing melalui Perumpukan Aset Dinamik dan Perumpukan Aset Taktikal, membolehkan fleksibiliti dalam anjakan berhati-hati dan penting tetapi yang bersifat sementara dalam julat perumpukan aset yang dibenarkan.

Di samping itu, semua aspek strategi pelaburan kami, termasuk pemilihan campuran aset dan pengurusan kecairan, disokong oleh pengurusan risiko proaktif, seterusnya memastikan ketahanan dan kecairan yang mencukupi pada setiap masa untuk memenuhi sebarang liabiliti dan mengejar peluang pelaburan yang sesuai.

Kami sentiasa menilai dan meninjau perjalanan penyaluran setiap dana, dan akan terus melakukannya ketika kami merancang perjalanan kepelbagaian portfolio kami dengan berhati-hati, di samping mengambil kira keadaan pasaran dan keperluan kecairan segera.

Secara umumnya ini membolehkan dana kami berada di kedudukan lebih baik bagi memaksimumkan manfaat kepelbagaian ke arah mencapai keseimbangan pulangan risiko optimum, seterusnya menetapkan tahap pulangan yang mampan bagi tahun-tahun akan datang.

PERUMPUKAN ASET KUMPULAN PNB MENGIKUT KELAS ASET & GEOGRAFI



PELABURAN STRATEGIK

Sebagai sebahagian daripada proses pelaburan kami, PNB melaksanakan tanggungjawab pengawasannya untuk memastikan syarikat pelaburan kami mengamalkan tadbir urus korporat yang baik untuk memberikan nilai jangka panjang yang mampan kepada pemegang saham. Sepanjang tahun laporan, kami menerbitkan Rangka Kerja Pengawasan PNB untuk berkongsi dan memberikan pemahaman mengenai falsafah dan harapan pengurusan PNB kepada syarikat pelaburan kami, masyarakat pelaburan dan pasaran umum.

Rangka Kerja Pengawasan PNB melengkapkan Rangka Kerja Pelaburan Strategik sedia ada yang memandu PNB memainkan peranannya sebagai pemegang saham yang aktif untuk menambah nilai dan mentransformasi prestasi syarikat pelaburan kami.

Sepanjang tahun ini, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab pengawasan kami, beberapa inisiatif telah dilakukan, antaranya:

Menghalusi dan menerbitkan “Garis Panduan Pengundian” PNB yang berfungsi sebagai panduan dalam melaksanakan hak pemegang saham kami pada mesyuarat agung syarikat-syarikat pelaburan kami. Garis Panduan Pengundian PNB meliputi hal-hal penting berkaitan pemegang saham termasuk pemilihan semula pengarah dan imbuhan mereka, penerbitan saham baharu, pembelian semula saham dan skim insentif saham, transaksi berulang pihak berkaitan, pelantikan semula dan pembayaran kepada juruaudit, dan kelulusan dividen.

Menulis Surat Pemegang Saham kepada syarikat pelaburan yang menggariskan pandangan dan aspirasi kami.

Penubuhan Majlis Pelaburan Strategik sebagai platform kepada PNB dan syarikat pelaburan utamanya untuk membincangkan pandangan dan cabaran bersama.

Menerbitkan Penyataan Pematuhan PNB dengan Kod Malaysia untuk Pelabur Institusi (MCII).

Sebagai sebahagian daripada strategi kepelbagaian aset untuk mengimbangkan semula portfolio kami, kami melupuskan keseluruhan pegangan saham kami dalam Chemical Company of Malaysia Berhad pada TK2020. Langkah ini selaras dengan usaha untuk terus meningkatkan nilai dan memberikan pulangan yang berterusan kepada pemegang unit kami.

Kami meneruskan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat pelaburan kami sebagai sebahagian daripada aktiviti pemantauan pelaburan kami. Sepanjang tahun ini, penglibatan kami dengan lembaga pengarah dan pengurusan syarikat pelaburan tertumpu kebanyakannya kepada peningkatan prestasi dan memastikan kemampanan, terutamanya dalam persekitaran operasi yang mencabar akibat daripada pandemik COVID-19.

Pengawas jangka panjang - tetapi bukan alasan untuk prestasi lemah

Jangkaan & KPI yang jelas, sejajar dengan imbuhan



Peruntukan modal yang berdisiplin



Akauntabiliti melalui ketelusan



Perakuan bagi pihak pelabur



Kepakaran pelengkap



Platform untuk memupuk pertukaran idea atau maklumat



Rakan kongsi/pelabur yang menambah nilai

RANGKA KERJA PENGAWASAN PNB

Perakuan dan jangkaan untuk syarikat pelaburan



PNB



Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Pelaburan



Pengurusan Syarikat Pelaburan

Pelabur yang terlibat

Hak-hak pelantikan dan perwakilan lembaga pengarah yang sesuai



Garis panduan pengundian yang jelas dan telus



Penilaian keberkesanan lembaga pengarah



Barisan bakat terpilih untuk peranan Lembaga Pengarah + CEO



Strategi Bakat



Penanda aras kekuatan organisasi



Pelabur yang menumpu kepada bakat



Penyaluran modal yang berdisiplin dengan jangkaan prestasi tinggi



Menginstitusikan tadbir urus amalan terbaik Lembaga Pengarah dengan libat urus susulan

Rakan kongsi yang menambah nilai kepada syarikat pelaburan & pelabur bersama



Menggalakkan pulangan mampan melalui kesejahteraan organisasi






PELABURAN STRATEGIK

SYARIKAT STRATEGIK

Syarikat-syarikat yang PNB mempunyai pegangan majoriti atau kepentingan yang mengawal ke atas syarikat tersebut.

PATAMI: Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti. Semua Permodalan Pasaran dan angka Pegangan Saham adalah setakat 31 Disember 2020.

 MALAYAN BANKING BERHAD TKB20 31 Disember	Pendapatan Operasi Bersih	RM24,763 juta	Permodalan Pasaran	RM95,102 juta
	PATAMI	RM6,481 juta	Pegangan Saham	49%
 SIME DARBY PLANTATION BERHAD TKB20 31 Disember (tidak diaudit)	Hasil	RM13,081 juta	Permodalan Pasaran	RM34,974 juta
	PATAMI	RM1,185 juta	Pegangan Saham	58%
 SIME DARBY BERHAD TKB20 30 Jun	Hasil	RM36,934 juta	Permodalan Pasaran	RM15,711 juta
	PATAMI	RM820 juta	Pegangan Saham	53%
 SIME DARBY PROPERTY BERHAD TKB20 31 Disember (tidak diaudit)	Hasil	RM2,063 juta	Permodalan Pasaran	RM4,520 juta
	PATAMI	(RM479) juta	Pegangan Saham	59%
 S P SETIA BERHAD TKB20 31 Disember (tidak diaudit)	Hasil	RM3,228 juta	Permodalan Pasaran	RM4,016 juta
	PATAMI	(RM321) juta	Pegangan Saham	63%
 UMW HOLDINGS BERHAD TKB20 31 Disember (tidak diaudit)	Hasil	RM9,555 juta	Permodalan Pasaran	RM3,972 juta
	PATAMI	RM205 juta	Pegangan Saham	63%

 VELESTO ENERGY BERHAD TKB20 31 Disember (tidak diaudit)	Hasil	RM547 juta	Permodalan Pasaran	RM1,140 juta
	PATAMI	(RM492) juta	Pegangan Saham	57%
 DUOPHARMA BIOTECH BERHAD TKB20 31 Disember (tidak diaudit)	Hasil	RM570 juta	Permodalan Pasaran	RM2,386 juta
	PATAMI	RM59 juta	Pegangan Saham	52%
 MNRB HOLDINGS BERHAD TKB20 31 Mac	Hasil	RM2,552 juta	Permodalan Pasaran	RM764 juta
	PATAMI	RM133 juta	Pegangan Saham	57%
 SAPURA ENERGY BERHAD TKB21 31 Januari (tidak diaudit 9 bulan tempoh berakhir 31 Oktober 2020)	Hasil	RM3,904 juta	Permodalan Pasaran	RM1,997 juta
	PATAMI	RM55 juta	Pegangan Saham	40%

Pegangan Saham Syarikat-syarikat Teras Terpilih

Syarikat yang mana PNB memiliki lebih daripada 10% pegangan saham atau pendedahan lebih daripada RM1 bilion.

21%



Telekom Malaysia Berhad

19%



Axiata Group Berhad

19%



IJM Corporation Berhad

18%



Tenaga Nasional Berhad

18%



Gamuda Berhad

17%



BIMB Holdings Berhad

12%



CIMB Group Holdings Berhad

11%



Digi.Com Berhad

11%



Maxis Berhad

9%






Petronas Gas Berhad


PELABURAN STRATEGIK

Meskipun dengan usaha mempelbagaikan pelaburan untuk berkembang ke pasaran global, PNB dan dana unit amanah di bawah pengurusan PNB mengekalkan pendedahan yang cukup besar dalam pasaran ekuiti domestik dan kekal sebagai pemain penting di Bursa Malaysia. Melalui pegangan saham kami di sektor utama dan strategik dalam ekonomi Malaysia, PNB dan dana unit amanahnya membolehkan semua rakyat Malaysia mengambil bahagian dalam pemilikan ekuiti korporat.

PERKHIDMATAN KEWANGAN		
 <ul style="list-style-type: none"> • Maybank ditubuhkan pada tahun 1960, dan hari ini merupakan syarikat terbesar mengikut permodalan pasaran di Bursa Malaysia. Ia menduduki tempat pertama dalam kalangan syarikat Malaysia yang tersenarai dan antara 500 syarikat teratas dalam syarikat terkemuka dunia Forbes Global 2000 • Kumpulan Maybank menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan komprehensif yang merangkumi perbankan komersial, perbankan pelaburan, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, pemajakan dan sewa beli, insurans, pemfaktoran, perkhidmatan pemegang amanah, pengurusan aset, pembrokeran saham, perkhidmatan penama, modal teroka dan perbankan internet • Misi Maybank adalah untuk menjadikan perkhidmatan kewangan lebih baik dan menarik kepada orang ramai dengan memberikan akses yang mudah kepada pembiayaan dalam persekitaran digital dan fizikal, menawarkan syarat dan harga yang adil, memberi nasihat kepada pelanggan berdasarkan keperluan mereka, mengutamakan pengalaman pelanggan dengan menggunakan teknologi digital generasi akan datang dan sentiasa berada di hati masyarakat 	 <ul style="list-style-type: none"> • MNRB Holdings Berhad (MNRB) ialah syarikat pemegang pelaburan, yang menyediakan produk dan perkhidmatan insurans semula, takaful dan takaful semula melalui anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya • Antara anak syarikat milik penuh MNRB ialah Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re), Takaful Ikhlas Family Berhad (Takaful IKHLAS Family), Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS General) dan Malaysian Re (Dubai) Ltd • Malaysian Re merupakan syarikat insurans semula terbesar negara mengikut aset di rantau Asia Tenggara • Takaful IKHLAS Family dan Takaful IKHLAS General memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada dua juta pemegang polisi 	 



KONGLOMERAT	
 <ul style="list-style-type: none"> • Sime Darby Berhad ialah rakan kongsi pilihan untuk beberapa jenama terbaik di dunia dalam sektor Perindustrian dan Permotoran, dengan operasi syarikatnya di 18 negara di Asia Pasifik • Sime Darby Industrial, sebuah anak syarikat, ialah pemain utama dalam sektor peralatan berat global. Ia bekerjasama dengan salah satu nama terbesar dalam industri ini iaitu Caterpillar selama lebih 90 tahun. Sime Darby Industrial juga dikaitkan dengan rangkaian produk pelengkap dan penyelesaian industri yang menyeluruh di seluruh Asia Pasifik • Sime Darby Motors, sebuah cabang automotif Sime Darby Berhad, terlibat dalam perniagaan runcit, pengedaran, dan pemasangan, di sembilan pasaran di seluruh rantau Asia Pasifik. Ia mewakili jenama-jenama mewah seperti BMW, Jaguar, Land Rover, Porsche dan Volvo, dan nama-nama lebih mewah seperti Rolls-Royce, Lamborghini, Ferrari dan McLaren serta jenama pasaran yang menarik seperti Ford dan Hyundai • Melalui syarikat usaha samanya, Ramsay Sime Darby Health Care, Sime Darby Berhad memberikan perkhidmatan kesihatan swasta yang memenangi anugerah di Malaysia dan Indonesia 	 <ul style="list-style-type: none"> • UMW Group ialah konglomerat terkemuka dengan kepentingan yang pelbagai dan global dalam industri automotif, peralatan, dan pembuatan & kejuruteraan. UMW Group membawa jenama utama termasuk Toyota, Komatsu dan Grantt - jenama pelincir buatan sendiri UMW Group - dan sebilangan besar jenama terkemuka lain

FARMASEUTIKAL
 <ul style="list-style-type: none"> • Salah satu penyedia ubat-ubatan generik dan belian kaunter terbesar negara

HARTANAH

Setia

- Disenaraikan sebagai pemaju No. 1 Malaysia sebanyak 13 kali yang belum pernah terjadi sebelum ini bagi Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik The Edge dan pemecah rekod sebagai pemaju tunggal di Malaysia yang menerima Anugerah FIABCI Prix d'Excellence Awards sebanyak 12 kali



Property


- Pemaju hartanah terbesar di Malaysia dari segi saiz bank tanah dengan rekod kejayaan pembinaan bandar dan pembangunan yang berjaya selama 48 tahun yang menyumbang kepada usaha pembinaan negara
- Sime Darby Property telah dianugerahkan Platinum di Anugerah Jenama Putra 2020 setelah memenangi Emas selama 10 tahun berturut-turut. Kumpulan ini juga disenaraikan sebagai Pemaju Hartanah Utama ke-2 di negara ini bagi Anugerah Pemaju Hartanah Terbaik The Edge 2020
- Sebagai peneraju dalam membangun komuniti lestari, Sime Darby Property telah membentuk Model Kelestariannya sendiri, Rangka Kerja Strategik Kelestarian dan Matlamat Kelestarian 2030 untuk memandu operasi perniagaannya dalam menyokong ekosistem yang lestari, berdasarkan pelbagai standard dan instrumen antarabangsa

PERLADANGAN



Plantation

- Syarikat ladang kelapa sawit terbesar dunia berdasarkan keluasan kawasan tanaman
- Pengeluar terbesar dunia untuk Certified Sustainable Palm Oil (CSPO)



MINYAK & GAS

VELESTO
energy

- Syarikat perkhidmatan yang berpusat di Malaysia dengan pengalaman beroperasi di bahagian lain Asia Tenggara, menyediakan perkhidmatan penggerudian, kerja pulih, medan minyak, dan perkhidmatan latihan dalam industri hulu minyak & gas
- Operator pelantar penggerudian 'jack-up' terbesar di Malaysia dan serantau dengan tujuh pelantar 'jack-up' premium yang masih baharu
- Penerima pelbagai anugerah prestasi pelantar terbaik daripada pelbagai syarikat minyak nasional dan antarabangsa



- Sapura Energy ialah penyedia perkhidmatan dan penyelesaian minyak dan gas bersepadu global yang beroperasi merentasi seluruh rantaian nilai hulu. Spektrum keupayaan Kumpulan ini meliputi penerokaan, pembangunan, pengeluaran, rejuvenasi, serta penutupan dan peninggalan
- Dengan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berkemampuan teknikal, aset bertaraf dunia yang strategik, dan kemampuan pengurusan projek yang kukuh, Kumpulan ini kini memberikan penyelesaian dan kepakaran bersepadu di lebih 20 negara
- Pada tahun 2019, Sapura Energy dinobatkan sebagai Syarikat Terbaik APAC untuk kategori Perkhidmatan Tenaga, Luar Pesisir dan Marin oleh Majlis Tenaga

TELEKOMUNIKASI



PEMBINAAN



INFRASTRUKTUR & UTILITI



PASARAN PERSENDIRIAN

Pada tahun 2020, PNB terus menyalurkan modal ke dalam kelas aset Ekuiti Persendirian, sejajar dengan strategi perumpukan aset kami untuk meningkatkan peruntukan Ekuiti Persendirian bagi AUM dalam tempoh lima tahun akan datang. Memasuki tahun ketiga pelaksanaan Rangka Kerja Pelaburan Persendirian, pasukan Pelaburan Langsung terus mengenal pasti pelaburan yang berdaya maju dan berpotensi mencipta nilai tambahan dalam syarikat yang menunjukkan asas kukuh, potensi pertumbuhan tinggi dan kedudukan pasaran yang jelas, dan disokong oleh pasukan pengurusan yang berpengalaman dan kompeten. Selain itu, PNB memanfaatkan rangkaian pengurus dana Ekuiti Persendirian global kami untuk meningkatkan pendedahan kami dalam Ekuiti Persendirian menerusi perjanjian pelaburan bersama global, sejajar dengan usaha kami untuk mempelbagaikan portfolio Pelaburan Langsung.

RANGKA KERJA PELABURAN PERSENDIRIAN




Sebagai sebuah Bahagian Pasaran Persendirian yang baharu disusun semula yang terdiri daripada dua jabatan baharu - Pelaburan Langsung dan Pelaburan Dana Global, kami terus meningkatkan fokus pelaburan kami dan membolehkan penerapan proses pelaburan terbaik yang khusus dan unik bagi kedua-dua jabatan ini. Sebagai sebahagian daripada penambahbaikan berterusan ini, sebuah unit dalam Bahagian Pasaran Persendirian telah diwujudkan pada tahun 2020 untuk mengurus dan memantau pengembangan portfolio kami dalam kelas aset Ekuiti Persendirian.

PELABURAN LANGSUNG

Pelaburan Berkawal Terpilih		
 Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)	 Projek Lintasan Kota Sdn Bhd (PROLINTAS)	
Pelaburan Minoriti Terpilih		
 Goodyear Malaysia Berhad	 Maybank Asset Management Group Sdn Bhd	 BOH Plantations Sendirian Bhd
 Rahim & Co International Sdn Bhd	 Akzo Nobel Paints (M) Sdn Bhd	 Ansell N. P. Sdn Bhd
 Lam Soon (M) Berhad	 Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd	 Aspac Lubricants (Malaysia) Sdn Bhd


PELABURAN DANA GLOBAL

Selain Pelaburan Langsung, Pasaran Persendirian kami juga menumpukan kepada penyumberan luar modal kepada pengurus dana Ekuiti Persendirian (EP) terkenal global yang kami telah kenal pasti berdasarkan proses dan kriteria pemilihan yang ketat.



PENDAPATAN TETAP


RANGKA KERJA PENDAPATAN TETAP GLOBAL (GFI)




HALUAN BEBAS RISIKO PANDEMIK

Wabak COVID-19 pada awal tahun 2020 menyebabkan penghentian mendadak aktiviti ekonomi global, seterusnya mencetuskan kemelesetan global. Pergeseran dalam kitaran ekonomi menaikkan harga aset bebas risiko seperti emas, Perbendaharaan AS (UST) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), manakala aset-aset berisiko yang merangkumi ekuiti dan minyak mentah mengalami kerugian.

Penyertaan PNB dan dana unit amanahnya (ETFs) ke dalam sekuriti pendapatan tetap global adalah sejajar dengan Pelan Strategik PNB untuk mempelbagaikan pelaburan di seluruh kawasan dan kelas aset. Peruntukan taktikal dalam kelas aset membolehkan PNB dan dana unit amanahnya melaksanakan pusingan pelaburan tepat pada masanya demi peningkatan pulangan dan memperoleh manfaat daripada permintaan yang lebih baik untuk instrumen cair dalam tempoh yang tidak menentu ini.



PRESTASI ASET BEBAS RISIKO 2020




Sumber: Bloomberg, BPAM. Tahap asas ditetapkan semula pada 100 pada permulaan tahun 2020 bagi semua indeks

Pelaburan dalam pendapatan tetap domestik jangka sederhana dan jangka panjang untuk suatu tempoh telah memantapkan campuran portfolio, dan bertindak sebagai penyangga kepada aset berisiko lain pada masa bergolak. Peruntukan PNB dan dana unit amanahnya dalam bon kerajaan mengekalkan keperluan kecairan dana, manakala pelaburan dalam bon korporat menawarkan kedudukan pendapatan yang stabil.

Secara strategiknya, pendekatan pelaburan adalah untuk kekal selektif dengan pendedahan tertumpu kepada instrumen pendapatan tetap yang berkualiti tinggi. Walaupun begitu, perlindungan modal, kestabilan pendapatan dan keperluan kecairan semasa menguruskan risiko jangka masa tetap menjadi keutamaan PNB dan dana unit amanahnya dalam jangkaan perubahan keadaan pasaran.

PECAHAN PORTFOLIO



HARTANAH

Tahun 2020 membawa suatu tahap cabaran yang berbeza kepada ekonomi global dan domestik ekoran pandemik COVID-19. Kesannya sangat besar terhadap perniagaan merentasi pelbagai industri, termasuk hartanah di mana ia jelas ketara dalam segmen perhotelan dan peruncitan disebabkan oleh sekatan pergerakan.

Walaupun pandemik COVID-19 melanda dunia, tahun 2020 menyaksikan kami meneruskan pelaburan ke dalam Dana Pelaburan Hartanah Global untuk dana unit amanah di bawah pengurusan PNB. Ini dilakukan melalui pendekatan yang sangat berstruktur dan disokong oleh rangka kerja penyaringan yang mantap. Kami secara beransur-ansur meneroka pelaburan kami ke seluruh dunia bagi mengimbangi pendedahan domestik agar dapat meningkatkan pulangan keseluruhan portfolio.

Di peringkat domestik, PNB menjalinkan usaha sama dengan KWEST Sdn Bhd dan Syarikat-syarikat Kumpulan AREA untuk pembangunan Compass @ Kota Seri Langat, sebuah hab perindustrian dan logistik bersepadu pegangan bebas di Selangor pada tahun 2020. PNB juga telah melengkapkan penswastan Amanah Harta Tanah PNB (AHP) melalui Penebusan Unit Terpilih untuk memudahkan penyusunan dan pengimbangan semula portfolio hartanah AHP di samping memberi peluang kepada pemegang unit untuk merealisasikan pelaburan mereka pada kadar premium berbanding harga pasaran semasa.


Bagi tahun kewangan dalam kajian, kepelbagaian portfolio hartanah PNB merentasi 10 kelas sub-aset merangkumi keseluruhan rantaian nilai hartanah. Melangkah ke hadapan, meskipun berdepan dengan banyak perubahan dan cabaran pada tahun ini, kami tetap bertekad untuk mencapai tujuan dan aspirasi pertumbuhan portfolio, ketahanan dan kepelbagaian.

RANGKA KERJA PELABURAN HARTANAH


OBJEKTIF

Mencapai pulangan dan kepelbagaian pelarasan risiko yang menarik tanpa menjejaskan pulangan tunai

STRATEGI RISIKO



GEOGRAFI



KEPELBAGAIAN

Dasar Tahunan Vintaj

Dasar Firma Pelaburan

Dasar Transaksi Langsung

ANTARABANGSA

12 PELABURAN
HARTANAH

13 DANA
HARTANAH



Stesen Janakuasa Battersea, London

DOMESTIK

32 PELABURAN
HARTANAH

HOSPITALITI

Diuruskan oleh



7 HOTEL & TEMPAT
PERANGINAN

3 PADANG
GOLF

BANK TANAH

>9,000 EKAR TANAH
SELURUH MALAYSIA

PERKEMBANGAN KEMAJUAN PROJEK MERDEKA 118

TEMPAT LAUNGAN KERAMAT

Stadium Merdeka mempunyai nilai sejarah yang signifikan kepada negara 64 tahun yang lalu ketika ia menjadi tempat pengisytiharan kemerdekaan Malaysia yang berlangsung pada 31 Ogos 1957. Perdana Menteri pertama kita, Tunku Abdul Rahman, menyatukan semua rakyat Malaysia untuk mengungkapkan laungan keramat bersejarah beliau di Stadium Merdeka.

Beberapa dekad selepas detik bersejarah itu, Merdeka 118 bersedia membawa Stadium Merdeka dan kawasan sekitarnya ke langkah seterusnya dalam evolusinya sebagai presint yang menawarkan visi tunggal bagi tempat kerja, perniagaan, kediaman dan tempat awam. Kawasan yang kaya dengan sejarah dan budaya ini bakal menjadi sebuah destinasi baharu untuk Kuala Lumpur.

Selesai pembinaan kelak, Merdeka 118 akan menjadi bukti kepada semua rakyat Malaysia bahawa masa hadapan boleh wujud bersama-sama dengan masa lampau. Puncak menara itu melambangkan tangan Tunku Abdul Rahman yang dijulung ke atas sambil melaungkan kemerdekaan Malaysia begitulah juga aspirasi PNB dan semua rakyat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju yang boleh dibanggakan dalam kalangan negara-negara terkemuka di Asia.

Meliputi kawasan seluas 40 ekar, presint Merdeka 118 memiliki banyak ciri unik, yang bakal menonjol adalah kafe 'Look at 118'. Berada di sudut paling hujung 'Merdeka Boulevard at 118', bangunan ini direka untuk para pengunjung menikmati secawan kopi serta mengambil swafoto diri sendiri atau bersama orang lain di sebuah pelantar pemandangan khas di atas bumbung.

'Muzium Tekstil Merdeka' yang terletak di dalam kafe "Look at 118" pula bakal menjanjikan pengunjung suatu perjalanan visual interaktif dan mendalam mengenai tekstil dan warisan dunia Melayu. Ciri-ciri baharu yang lain termasuk 'Masjid Merdeka' dan 'Little M - sebuah Pusat Penjagaan Kanak-Kanak PNB'.

LAPORAN KEMAJUAN

Pada Mac 2021, tapak lantai telah mencapai Tingkat 118, dengan fakad menara pula di Tingkat 99. Kemajuan menara berada pada tahap 74%, menuruti sasaran rancangan tempoh siap dibina yang dijangkakan pada suku kedua tahun 2022.



▲ Pemandangan menara Merdeka 118 dan kawasan sekitarnya dari udara pada 24 Disember 2020

MERAIKAN KOMUNITI

Kerjasama bersama Think City

Pada bulan Mei 2020, PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB), anak syarikat milik penuh PNB, yang juga merupakan pembina dan pemilik Merdeka 118, telah bekerjasama dengan Think City dalam mewujudkan rangka kerja inisiatif bagi memupuk integrasi dengan komuniti sedia ada di sekitar presint.

Think City ialah sebuah organisasi bermatlamatkan sosial yang menumpukan terhadap rejuvenasi bandar dan berperanan dalam mewujudkan bandar yang mesra rakyat dengan menjadi pemangkin perubahan dalam cara bandar dirancang, disusun, dibangunkan dan diraikan.

Kerjasama ini merupakan satu pendekatan serampang dua mata dengan objektif berikut:

Untuk berinteraksi dengan komuniti setempat di sekitar pembangunan Merdeka 118 dan membangunkan satu rancangan untuk menyatu dengan komuniti.

Untuk menonjolkan aset warisan dalam kejiranan Merdeka 118 dan menunjukkan usaha pemuliharaan Stadium Merdeka kepada orang ramai.

Melalui kerjasama dengan Think City, beberapa siri sesi interaksi telah diadakan antara PMVSB dan komuniti di sekitar presint Merdeka 118. Ini termasuklah perbincangan Kumpulan Fokus, temu bual secara bersemuka dan tinjauan dalam talian yang diadakan dari bulan Ogos hingga Oktober 2020. Inisiatif ini sejajar dengan usaha PMVSB untuk membuka saluran komunikasi dengan komuniti, memudahkan hubungan bermakna dan memahami kejiranan sekitar Merdeka 118 dengan lebih baik.



▲ Perbincangan Kumpulan Fokus dengan Young Women's Christian Association (YWCA) Kuala Lumpur



▲ Perbincangan Kumpulan Fokus dengan Komuniti Sukan di Majlis Olimpik Malaysia (MOM)

Sesi Dialog Terbuka Stadium Merdeka



▲ Para peserta Dialog Terbuka di Stadium Merdeka

Pada 19 September 2020, PMVSB menganjurkan sesi dialog terbuka yang diadakan di Stadium Merdeka dengan pakar dan pihak berkepentingan daripada industri pemuliharaan, kesenian, budaya dan hartanah.

Sesi interaksi ini membantu dalam pertukaran idea mengenai cara yang lebih baik untuk mengintegrasikan Merdeka 118 dengan komuniti dan menunjukkan bahawa Stadium Merdeka telah dipulihkan kepada keadaan asalnya seperti pada tahun 1957, bagi membuktikan komitmen PNB terhadap usaha pemuliharaan.

TRANSFORMASI UNIT AMANAH

Tahun 2020 menandakan tahun ketiga pelaksanaan Pelan Strategik ASNB 2018-2022 dengan tumpuan berterusan dalam memberikan produk yang tepat kepada pelanggan dan meningkatkan pengalaman pemegang unit.

PELAN STRATEGIK ASNB 2018-2022

Memberikan Produk Yang Tepat kepada Pelanggan

- Pelancaran dana ASN Imbang 3 Global

Teras
1

Transformasi Pemasaran, Jualan dan Pengedaran

- Pengenalan Pusat Khidmat Nasihat Pembiayaan ASB

Teras
2

Mengembangkan Capaian menerusi Digitalisasi

- Pelancaran aplikasi mudah alih Raiz Malaysia

Teras
4

Memperkayakan Pengalaman Pelanggan

- Pengenalan kemudahan pengeluaran atas talian melalui portal dan aplikasi mudah alih myASNB
- Semakan ke atas kelayakan dan hak untuk Skim Khairat
- Pengenalan Prapendaftaran Hibah Amanah & Pengisytiharan Amanah menerusi myASNB

Teras
3

Inisiatif-Inisiatif ASB yang Lain Pada Tahun 2020

- Sambutan Ulang Tahun ke-30 ASB
- Program Literasi Kewangan Berterusan

MEMBERIKAN PRODUK YANG TEPAT KEPADA PELANGGAN

PELANCARAN DANA ASN IMBANG 3 GLOBAL



ASN Imbang 3 Global

- ASN Imbang 3 Global ialah produk unit amanah pertama ASNB dengan penumpuan global.
- Ia merupakan dana aset campuran seimbang yang bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal dan pendapatan kepada pelabur melalui pelaburan dalam satu portfolio yang pelbagai, terdiri terutamanya daripada ekuiti global dan sekuriti pendapatan tetap domestik dan instrumen pasaran wang.

Tarikh Pelancaran:

16 September 2020

Jenis Dana:

Pertumbuhan & Pendapatan

Kategori Dana:

Aset Campuran Seimbang

Objektif Pelaburan

Untuk menjana tahap peningkatan modal dan pengagihan pendapatan yang munasabah kepada pemegang unit dengan melabur dalam portfolio pelaburan yang seimbang.

Perumpukan Aset

- 35% - 65% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dana dalam ekuiti
- Minimum 35% dalam sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset cair

Penanda Aras Prestasi

50% MSCI ACWI: 50% Deposit Tetap 12 Bulan Maybank

TRANSFORMASI PEMASARAN, JUALAN DAN PENGEDARAN



03-7730 8899

PENGENALAN PUSAT KHIDMAT NASIHAT PEMBIAYAAN ASB

- Pusat Khidmat Nasihat Pembiayaan ASB diperkenalkan untuk membantu pemegang unit yang melabur dalam dana ASB menerusi skim pembiayaan ASB, bagi mengkaji struktur pembiayaan mereka dari segi kadar pembiayaan atau tempoh pinjaman ekoran pengurangan dalam dasar kadar semalaman sepanjang tahun.
- Pusat Khidmat Nasihat Pembiayaan ASB boleh dihubungi melalui Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di 03-7730 8899.

MEMPERKAYAKAN PENGALAMAN PELANGGAN

PENGENALAN KEPADA KEMUDAHAN PENGELUARAN DALAM TALIAN DI PORTAL DAN APLIKASI MUDAH ALIH MYASNB

- Berkuatkuasa mulai 20 April 2020, pemegang unit ASNB boleh melakukan transaksi pengeluaran dalam talian melalui portal myASNB, dengan amaun minimum RM100 setiap transaksi dan maksimum RM500 sebulan. Untuk membantu pemegang unit menguruskan pelaburan mereka, jumlah transaksi yang dibenarkan adalah terhad kepada tiga kali sebulan.
- Perkhidmatan pengeluaran dalam talian tersedia untuk semua dana ASNB, kecuali dana harga berubah dengan ciri harga hadapan.
- Tiada yuran perkhidmatan dan jumlah yang dikeluarkan akan dipindahkan terus ke akaun bank berdaftar milik pemegang unit pada hari bekerja berikutnya.
- Mulai 27 April 2020, ASNB telah meluaskan perkhidmatan yang sama untuk aplikasi mudah alih myASNB. Tanpa kontak fizikal, pemegang unit kini dapat menikmati pengalaman transaksi yang cepat dan selamat dengan ASNB.

SEMAKAN KE ATAS KELAYAKAN DAN HAK UNTUK SKIM KHAIRAT

SKIM KHAIRAT LAMA		SKIM KHAIRAT BAHARU	
Pegangan (Unit)	Tempoh Pegangan	Pegangan (Unit)	Manfaat Khairat
0-4,999	t/b	0-999	RM200
5,000-9,999	1 tahun	1,000 atau lebih	RM500
10,000 atau lebih	1 tahun		
Tempoh Pendaftaran	Manfaat Khairat		
t/b	RM200		
3 tahun	RM1,000		
3 tahun	RM2,000		

- Manfaat khairat asas (kematian) dikekalkan pada kadar RM200 untuk semua pemegang unit.
- Pemegang unit dengan pegangan minimum 1,000 unit kini berhak mendapat tambahan RM300 menjadikan jumlah manfaat khairat sebanyak RM500.
- Kriteria kelayakan telah dipermudahkan dari 3 tahap kumpulan pegangan menjadi 2 tahap, manakala syarat minimum untuk tempoh pegangan dan tempoh pendaftaran telah dihapuskan.

PRA PENDAFTARAN HIBAH AMANAH (HA) & PENGISYTIHARAN AMANAH (PA)

- Pemegang unit yang didaftarkan sebagai pengguna portal myASNB boleh membuat pra pendaftaran HA/PA mereka dan mengemukakan permohonan mereka di portal. Mereka hanya perlu mengisi butiran berikut:
 - Dana unit amanah bagi tujuan hibah/amanah;
 - Maklumat penerima hibah atau maklumat penjaga berdaftar untuk penerima hibah di bawah umur; dan
 - Peraturan pengagihan untuk setiap penerima hibah.
- Selepas mengemukakan pra pendaftaran, pemegang unit mempunyai 90 hari untuk mengunjungi mana-mana cawangan ASNB atau Maybank (pada masa ini hanya Maybank sahaja) dengan membawa dokumen yang diperlukan untuk menandatangani surat ikatan berkenaan.
- Penyerahan semula di portal diperlukan setelah tempoh 90 hari tamat.

TRANSFORMASI UNIT AMANAH

MENGEMBANGKAN CAPAIAN MENERUSI DIGITALISASI

PELANCARAN APLIKASI MUDAH ALIH RAIZ MALAYSIA



- Raiz Malaysia merupakan aplikasi mudah alih pelaburan mikro yang memanfaatkan jumlah baki wang maya pengguna daripada penggenapan pembelian setiap hari untuk dilaburkan secara proaktif ke dalam dana harga berubah ASNB berdasarkan portfolio pelaburan pilihan.
- Pengenalan Raiz Malaysia ialah suatu inisiatif lain yang memanfaatkan platform digital untuk menggalakkan rakyat Malaysia melabur secara konsisten.

Pelancaran Awal kepada Umum:

1 Jun 2020

Pelancaran Rasmi:

23 Julai 2020

Jumlah muat turun setakat
31 Disember 2020:

162,813

Aset Di Bawah Pengurusan setakat
31 Disember 2020:

RM9.6 juta

INISIATIF-INISIATIF ASNB YANG LAIN PADA TAHUN 2020

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-30 ASB



- Dana unit amanah utama ASNB, Amanah Saham Bumiputera (ASB), meraikan ulang tahun ke-30 pada tahun 2020. Dana ini kekal sebagai dana unit amanah terbesar di negara ini dengan 10.2 juta pemegang unit.
- Untuk meraikan pencapaian ini, satu logo khas "Trusting 30" dicipta untuk melambangkan kepercayaan lebih daripada 10 juta pemegang unit ASB selama 30 tahun, bersama dengan slogan "Aspirasi Anda, Amanah Kami".
- ASNB menyambut acara tersebut dengan mengadakan sambutan ulang tahun selama setahun melalui penganjuran beberapa pertandingan dan aktiviti yang terbuka kepada pelabur ASB dan seluruh rakyat Malaysia.
- Bersempena dengan ulang tahun ke-30 ASB, PNB juga mengumumkan peruntukan EHSAN khas sebanyak 0.75 sen seunit bagi pegangan 30,000 unit pertama kepada semua pemegang unit ASB. Ini merupakan jumlah tambahan kepada pengagihan pendapatan sebanyak 3.50 sen seunit dan bonus 0.75 sen seunit untuk ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.
- Sambutan Ulang Tahun ke-30 ASB bertujuan untuk:
 - i. Memperkukuhkan jenama ASB sebagai produk unit amanah Malaysia yang dipercayai dan pilihan untuk instrumen simpanan;
 - ii. Menggalakkan lebih ramai orang untuk mendaftar sebagai pemegang unit baharu menerusi pelbagai kempen; dan
 - iii. Memanfaatkan digitalisasi perkhidmatan ASNB, untuk menggalakkan lebih banyak transaksi dilakukan dalam talian menerusi pelbagai kempen.

INISIATIF-INISIATIF ASNB YANG LAIN PADA TAHUN 2020 (SAMBUNGAN)

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-30 ASB (SAMBUNGAN)

PERTANDINGAN Video Pendek ASB

Pertandingan Video Pendek

- Cerita Labur Si Cilik: 3-6 tahun
- Cerita Labur Adik: 7-12 tahun
- Detik Indah ASB: 18 tahun & ke atas
- *Lights, Camera, Action!*: Penciptaan kandungan dalam YouTube

Tempoh: **1 Julai - 30 Sep**

Jumlah Penyertaan:

200 video



Kumpul & Menang

Kumpul & Menang

- Terbuka kepada semua pemegang unit ASB yang melanggan unit tambahan sama ada di kaunter atau dalam talian.
- Untuk setiap pelaburan bernilai RM30, pemegang unit akan menerima satu penyertaan.

Tempoh: **1 Ogos - 17 Dis***

Jumlah Penyertaan:

1.3 juta Pemegang Unit

Penglibatan Digital:

4.0 juta

Jom Auto Labur @myASNB

Jom Auto Labur

- Terbuka kepada semua pemegang unit yang mendaftar sebagai pengguna Auto Labur.
- Dengan potongan minimum bulanan sebanyak RM30, pemegang unit layak untuk bertanding.

Tempoh: **1 Ogos - 17 Dis***

Jumlah Penyertaan:

Lebih daripada **8,000** Pemegang Unit

* Disember tidak dianggap sebagai sebulan penuh kerana penangguhan ASB pada bulan tersebut bagi pengiraan dividen.

PROGRAM LITERASI KEWANGAN BERTERUSAN

Seminar 360



75

SEMINAR**
diadakan pada
tahun 2020

5,778

peserta

Kuiz Pelaburan PNB



173,980

peserta
pada tahun 2020

764,346

peserta
sejak dimulakan

Kelab Pelaburan Bijak PNB



300

peserta

160

penyertaan video

20

video dipilih sebagai
pemenang hadiah utama

Webinar - Sembang-Sembang ASNB



154

WEBINAR

diadakan pada tahun 2020


9,956

peserta

** Seminar hanya dilaksanakan sehingga Mac 2020 kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara.

KERJASAMA

Kami memupuk budaya yang berpaksikan kerjasama, saling menghormati dan pemeraksanaan dalam mencapai aspirasi bersama.





KEUPAYAAN ORGANISASI

Statistik Utama: Modal Insan	70
Aturan Kerja Fleksibel	71
Latihan & Pembangunan	72
Pengurusan Projek	75

OBJEKTIF SOSIAL

Laporan Tanggungjawab Sosial Korporat	76
- Pendidikan	
- Literasi Kewangan	
• <i>Rencana Khas Minggu Saham Digital</i>	
- Peningkatan Taraf Hidup Masyarakat	
- Inisiatif Perkongsian Ilmu	
Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Bumiputera	93

TADBIR URUS KORPORAT

Penyata Tadbir Urus Korporat	94
Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman	103
Penyata Pematuhan Korporat dan Integriti	112
Laporan Jawatankuasa Audit	116
Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah	119



Turn on captions



Present now



STATISTIK UTAMA: MODAL INSAN

Jumlah Kakitangan:

1,750




Mengikut Jantina

Lelaki (L)
50.9%
891

Perempuan (P)
49.1%
859



Kumpulan Umur
2020
%



● <30 ● 30 hingga 40 ● 40 hingga 50 ● >50

Komposisi Kakitangan

Pengurusan Kanan (G18-G24)	L 59 (71.1%) P 24 (28.9%)	83
Pengurusan Pertengahan (G15-G17)	L 243 (51.3%) P 231 (48.7%)	474
Pengurusan Rendah (G10-G13)	L 392 (43.2%) P 516 (56.8%)	908
Bukan Eksekutif (G6-G9)	L 197 (69.1%) P 88 (30.9%)	285

● Pengurusan Kanan

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan, Timbalan Presiden, Naib Presiden Eksekutif, Naib Presiden Kanan dan Naib Presiden

● Pengurusan Pertengahan

Penolong Naib Presiden, Pengurus

● Pengurusan Rendah

Pengurus Bersekutu, Bersekutu/Penganalisis, Eksekutif dan Jurujaga Jentera

● Bukan Eksekutif

Penyelia, Kerani Kanan, Kerani, Pembantu Pentadbiran, Pembantu Perkhidmatan, Pemandu, Juruteknik, Polis Bantuan, dsb.

ATURAN KERJA FLEKSIBEL (FWA)

Berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada bulan Mac 2020 ekoran peningkatan kes COVID-19 di negara ini, PNB telah mengaktifkan sepenuhnya Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) untuk melindungi kesejahteraan semua kakitangannya di samping memastikan kesinambungan operasi perniagaannya.



CARA BEKERJA BAHARU

Infographic illustrating the new way of working (FWA) at PNB, featuring a team of diverse professionals working together in a modern office setting. Below the illustration are icons for various digital tools and services used by PNB:

- Microsoft Teams
- OneDrive
- SharePoint
- Tandatangan Digital
- PNBFLEXES
- KNOWLEDGE Hub
- PNB Beacon
- Aturan Kerja Fleksibel

Untuk mencapai tujuan ini, PNB memperkukuhkan pengurusan risiko COVID-19 dengan menerapkan dasar Bekerja dalam Keadaan Tidak Hadir untuk semua peranan kritikal bagi memastikan keutamaan tahap tertinggi PNB dan objektif kesinambungan perniagaan yang minimum dapat dikekalkan dalam sebarang kemungkinan sepanjang penularan pandemik COVID-19. Berkuat kuasa pada 18 Mac 2020, semua kakitangan bekerja dari rumah, melainkan mereka yang mempunyai fungsi teras kritikal tertentu yang beroperasi antara pejabat utama PNB, tempat kerja alternatif dan rumah secara penggiliran.

Seterusnya, berkuat kuasa dari 1 Mei 2020 semasa PKP Bersyarat (PKPB), PNB memperkenalkan dasar Aturan Kerja Fleksibel (FWA) yang memberikan kakitangan pilihan untuk bekerja dari rumah (BDR) secara *ad hoc* atau giliran dalam mengimbangi komitmen kerja dan peribadi mereka.

Kejayaan pelaksanaan dasar ini bergantung kepada kepercayaan antara pihak atasan dan semua kakitangan kerana mereka diharapkan dapat menggunakan fleksibiliti ini sambil mengekalkan standard tertinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Namun yang lebih penting, dasar ini menekankan sasaran hasil dan output oleh pasukan yang memerlukan mereka mengekalkan kekerapan komunikasi dengan penyelia dan rakan-rakan sekerja mereka, sama ada secara maya atau secara bersemuka.

Ketua-ketua Bahagian dan Jabatan memainkan peranan penting dalam peralihan dasar ini kerana mereka merupakan pemudah cara untuk perubahan budaya ini yang memerlukan mereka menilai prestasi pekerja bawahan mereka menerusi hasilnya dan bukannya lagi berdasarkan jumlah jam bekerja di pejabat. Memupuk persekitaran yang menyokong dan saling percaya-memercayai adalah penting untuk menjadikan fleksibiliti ini berfungsi secara berkesan dan maklum balas terhadap FWA ini adalah menggalakkan sejak diperkenalkan. Ini sememangnya merupakan sebahagian daripada proses transformasi PNB untuk menjadi lebih tangkas apabila pasukan menggunakan cara-cara bekerja baharu menjelang perpindahan berjangka ke Merdeka 118.

LATIHAN & PEMBANGUNAN

Modal insan memacu organisasi ke hadapan ketika ia bergerak menuju ke masa akan datang. Untuk mendekatkannya dengan aspirasi transformasi organisasi, perancangan dan pembangunan modal insan telah dikenal pasti sebagai elemen penting untuk mencapai keberkesanan dan kecemerlangan institusi yang lebih tinggi. Aspirasi Transformasi Organisasi PNB telah menetapkan 10 elemen yang dikelompokkan menjadi empat bidang yang saling berkaitan: Warga & Budaya, Tadbir Urus & Proses, Digital, dan Struktur & KPI.

Pembangunan modal insan yang berada di bawah tonggak Warga & Budaya, menekankan pengambilan bakat, pengembangan dan pengekalan bakat menerusi persekitaran kerja dan program pengurusan bakat yang sangat kondusif untuk menggalakkan kesejahteraan dan perkembangan kerjaya, di samping menyemai budaya yang lebih terbuka dengan komunikasi dan inisiatif capaian yang dipertingkatkan.

Pada akhirnya, PNB bermatlamat untuk menjadi majikan pilihan dengan tenaga kerja yang berprestasi tinggi, sangat mudah disesuaikan dan fleksibel, berkembang dalam persekitaran kerja yang memanfaatkan teknologi digital dan alatan tercanggih untuk menjana hasil yang terbaik.

Program Pelatih Pengurusan (MT)

Objektif utama program ini adalah untuk mempersiapkan kakitangan baharu dengan peranan eksekutif, mengembangkan kemahiran pelaburan penting dan menyediakan pengetahuan umum mengenai operasi syarikat yang berkaitan dengan kerjaya mereka di PNB. Laluan Pembangunan MT adalah seperti berikut:




Latihan Kakitangan

Untuk berjaya dalam persaingan, PNB perlu menarik, mengembang dan mengekalkan bakat yang berkemahiran tinggi berlandaskan prestasi dengan penetapan minda untuk cemerlang dan menang walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Matlamat PNB untuk mencapai hasrat ini adalah menerusi program pengembangan bakat berstruktur yang disasarkan untuk memperkukuhkan set kemahiran profesional dan peribadi melalui tiga kecekapan utama seperti di bawah:

- Kecekapan Teras - Diperlukan untuk prestasi cemerlang dalam semua peringkat dan fungsi.
- Kecekapan Teknikal - Faktor kejayaan yang membezakan fungsi kumpulan.
- Kecekapan Kepimpinan - Faktor kejayaan yang membezakan prestasi merentasi peringkat atau fungsi.

Walaupun berdepan dengan penularan pandemik COVID-19, PNB telah berjaya menerap dan beralih kepada latihan dalam talian untuk semua kakitangannya.

KURSUS BERKAITAN KECEKAPAN YANG DIADAKAN



Purata jam latihan untuk kakitangan PNB pada tahun 2020 ialah **109 jam**, dengan **95.8%** kakitangan PNB telah memenuhi syarat minimum waktu latihan sebanyak 64 jam

Pelesenan

Dua aktiviti utama di PNB memerlukan warga kerjanya beroleh lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) dan Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM). Lesen ini membolehkan kakitangan PNB yang dilantik untuk menjalankan kerja pengurusan dana yang berkaitan dengan pengurusan portfolio, serta pemasaran dan pengedaran produk unit amanah.

CMSRL
137 Pengurus Dana


FIMM
793 Perunding Unit Amanah

Pensijilan Profesional

Pensijilan Profesional adalah penting kepada PNB dalam usaha untuk membangunkan kakitangan yang lebih mahir, bertenaga dan berprestasi tinggi serta mampu mencapai matlamat organisasi. PNB memberikan Elaun Kelayakan Profesional kepada kakitangan yang telah memperoleh sijil terpilih yang menambah nilai kepada organisasi.

Jumlah **535** Kakitangan mengikut Pensijilan Profesional

JUMLAH KAKITANGAN MENGIKUT PENSIJILAN PROFESIONAL



Program Biasiswa Pendidikan Kakitangan

Sebagai sebahagian daripada usaha syarikat untuk meningkatkan tahap pendidikan dan peningkatan kerjaya kakitangannya, PNB menaja kakitangannya untuk melanjutkan pengajian atau meningkatkan kelayakan mereka. Pada tahun 2020, PNB telah menganugerahkan biasiswa kepada kakitangannya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma, ijazah dan sarjana, serta kelayakan profesional di dalam dan luar negara seperti berikut:

5 biasiswa penuh untuk Sarjana Pentadbiran Perniagaan untuk Profesional Bekerja di Asia School of Business (ASB), Kuala Lumpur

12 biasiswa separa untuk kakitangan yang mengikuti program ijazah sarjana muda dan sarjana

41 biasiswa penuh untuk program kelayakan profesional seperti Penganalisis Kewangan Bertauliah dan Akauntan Bertauliah Profesional

Pembangunan Kepimpinan

Pada tahun 2020, PNB bekerjasama dengan Asia School of Business (ASB) dalam penganjuran Program Pengurusan & Genesis Semula Kepimpinan PNB untuk pasukan Pengurusan. Seramai 70 orang Ketua daripada pelbagai bahagian/jabatan terlibat dalam program ini. Program ini dirancang untuk menyemarakkan semula semangat mereka dan meningkatkan keupayaan kepimpinan mereka untuk menyokong evolusi PNB ke tahap berikutnya. Ia menumpukan pada topik-topik yang merangkumi konsep pengembangan kepimpinan, keupayaan pengurusan dan tadbir urus. Topik-topiknya adalah seperti berikut:

- Organisasi Kalis Budaya dalam Era Digital** - memberi tumpuan kepada budaya, kepimpinan dan bakat sebagai elemen tidak ketara yang mempengaruhi penilaian syarikat.
- Menguruskan Pihak Berkepentingan** - sebagai kunci untuk rundingan, perubahan, transformasi dan pengurusan pasukan yang berjaya. Ia membentuk kemahiran kritikal yang mesti dimiliki oleh pemimpin dan pasukan untuk mencapai kelancaran organisasi berprestasi tinggi.
- Inovasi Dalam ke Luar** - mencabar kepercayaan status quo bahawa inovasi dan kreativiti merupakan satu-satunya domain untuk inovasi dan penyelidikan dalam sesebuah syarikat. Ia merupakan fungsi seorang pemimpin dan ketua pasukan yang baik untuk mampu memacu inovasi setiap hari agar amalan perniagaan dan pengurusan dapat ditingkatkan dan berkembang.

70 Ketua daripada pelbagai bahagian/jabatan yang menyertai

292 Pengurus peringkat pertengahan yang menyertai

Di samping itu, 292 kakitangan peringkat pengurus pertengahan menyertai modul kepimpinan yang bertajuk:

Modul 1	Modul 2
Memanfaatkan Keupayaan Bimbingan PNB: Dari Potensi hingga Prestasi Puncak	Matriks Ketangkasan Minda & Kemahiran PNB - Kepimpinan Berasaskan Akal - Inisiatif Akal

Objektif program ini ialah untuk melengkapkan pengurus pertengahan PNB tentang cara untuk memaksimumkan potensi dan keyakinan diri dalam memenuhi tuntutan organisasi, dengan menumpukan pada peranan akal dalam mempengaruhi kepimpinan.

Oleh kerana ASB menggunakan pedagogi khas dari MIT Sloan dalam projek berasaskan Pembelajaran Tindakan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran, pelbagai latihan diserapkan ke dalam reka bentuk pembelajaran program, yang meliputi dimensi kognitif dan taktikal, bagi memastikan pembelajaran dan penerapan konsep yang optimum.

LATIHAN & PEMBANGUNAN

Skim Mobiliti Ke Atas (UMS)

Objektif UMS ialah untuk membantu kakitangan melalui peralihan yang lancar daripada jawatan Bukan Eksekutif kepada Eksekutif. Program ini bertujuan untuk membina kecerdasan teknikal dan mengembangkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai kemahiran organisasi dan perniagaan. Untuk memenuhi objektif ini, PNB bekerjasama dengan universiti tempatan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK) untuk modul latihan.

2020

32

Telah lulus penilaian myTalentQ yang melayakkan mereka dinaikkan pangkat daripada jawatan Bukan Eksekutif kepada jawatan Eksekutif.

2019

42

Dijangka tamat Diploma Profesional dalam Pentadbiran Perniagaan di UTM pada bulan Julai 2021.

31

Menamatkan pengajian Sijil Profesional dalam Pentadbiran Perniagaan di UTM pada Disember 2020.

5

Mendaftar untuk Diploma Profesional dalam Pengurusan Kemudahan yang dianjurkan oleh UNIRAZAK dan dijangka tamat pada bulan Julai 2021.

Pra-persaraan

PNB menyediakan peluang kepada kakitangannya untuk menghadiri program latihan pra-persaraan kepada mereka yang menghampiri usia persaraan. Peluang ini diberikan kepada semua kakitangan yang telah berkhidmat dengan syarikat untuk sekurang-kurangnya lima tahun. Objektif utamanya ialah untuk menolong mereka menyesuaikan diri dengan peralihan daripada kehidupan bekerja kepada persaraan serta membolehkan mereka memperoleh kemahiran dan alatan baharu yang dapat digunakan apabila mereka bersara.

Pada tahun 2020,

15

kakitangan mengikuti pelbagai latihan pra-persaraan mengikut bidang minat mereka.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN UNTUK NEGARA

Latihan Amali

Program latihan amali ini dirancang untuk memudahkan perkembangan peribadi dan membangunkan kemahiran mahasiswa daripada pelbagai bidang seperti Perakaunan, Kewangan, Pemasaran, Teknologi Maklumat dan bidang lain yang berkaitan untuk mendapatkan pengalaman kerja sebenar dalam pelbagai lapangan selain memberikan pengetahuan yang berharga tentang peranan dan operasi harian pelbagai jabatan di PNB.

4,368

pelatih amali sejak tahun 2005

Program Felo Korporat (CFP)

PNB mengambil bahagian dalam Program Felo Korporat di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Program ini menyediakan graduan muda dan pelatih amali daripada universiti awam dan swasta di Malaysia atau luar negara peluang untuk melibatkan diri dan dibimbing oleh industri.

1

felo dari Universiti Malaya (UM) yang dilatih oleh PNB Research Institute Sdn. Berhad untuk jangka masa 3 bulan

Program Pelatih Eksekutif Lulusan Ijazah PNB (PNB GET)

Program Pelatih Eksekutif Lulusan Ijazah PNB (PNB GET) bertujuan untuk merapatkan jurang kemahiran antara kelayakan akademik dan keperluan industri. Program ini meliputi latihan pembangunan intensif selama dua bulan dan latihan di tempat kerja selama enam bulan.

2,914

graduan telah dilatih sejak program ini diperkenalkan pada tahun 2011

PENGURUSAN PROJEK

Projek merangkumi semangat untuk menggunakan strategi dan operasi baharu ketika organisasi berusaha menuju transformasi dan penambahbaikan jangka panjang. Pada tahun 2020, terdapat lebih daripada 100 projek merentasi pelbagai fungsi perniagaan, setiap satunya sejajar dengan Pelan Strategik PNB untuk 2020-2022, juga dikenali sebagai Focus 4.

Melihat pada keseluruhan projek ini, Pejabat Pengurusan Projek (PMO) PNB memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan mandat semua projek tepat pada waktunya dan berkesan bagi menyokong dan mencapai objektif keseluruhan organisasi. Asas bagi mengukuhkan perkara ini ialah mekanisme pengurusan projek yang memastikan bahawa semua projek ini dikendalikan dan dilaksanakan secara standard, berkesan dan cekap.

Satu daripada empat bidang berimpak tinggi dalam Focus 4, iaitu Transformasi Organisasi, menekankan pengembangan warga PNB dan keupayaan mereka, dan ini dicerminkan dalam beberapa projek penting. Satu Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan yang sistematik dibangunkan dengan tujuan untuk mentransformasi PNB menjadi organisasi berasaskan pengetahuan, dengan dimensi-dimensi dasar terdiri daripada Kandungan, Proses, Budaya, Organisasi dan Teknologi.

SEKARANG KITA BERSIARAN SECARA LANGSUNG!

KINI ANDA BOLEH MENGAKSES PNB

KNOWLEDGE Hub

Hab pusat dengan maklumat terkini di hujung jari anda!

- 1

Hanya dengan satu klik sahaja (klik di sini)

Sebagai alternatif, sila pergi ke: mypnb.sharepoint.com/sites/PNBKM_Sharepoint
- 2

Layari dan teroka

Baharu dengan Knowledge Hub? Ya, kami memahami anda! Rujuk pada panduan pengguna Knowledge Hub untuk membantu anda.
- 3

Tandakan halaman Knowledge Hub untuk akses yang pantas!

Dapatkan maklumat terkini PNB di mana sahaja anda berada melalui komputer peribadi atau peranti mudah alih anda.

www.pnb.com.my

Pada bulan Ogos 2020, *Knowledge Hub* dilancarkan untuk menggalakkan budaya perkongsian pengetahuan dan memudahkan akses maklumat kepada semua kakitangan. *Knowledge Hub*, suatu platform berpusat yang menyimpan data dan maklumat organisasi utama, menyediakan maklumat terkini mengenai acara dan peristiwa, dan membolehkan akses pantas kepada pautan/laman web penting lain yang menyokong kakitangan PNB dalam kerja harian mereka. Ia merupakan langkah pertama dalam perjalanan pengurusan pengetahuan PNB secara keseluruhan untuk memupuk budaya berkongsi dan menyediakan kandungan yang tepat untuk warganya.

Move@118 adalah satu lagi projek kritikal yang tertumpu pada transformasi organisasi, melibatkan perancangan dan pelaksanaan penempatan semula secara teliti ke kediaman baharu PNB di Merdeka 118. Dengan menggabungkan pelbagai elemen seperti reka bentuk, perancangan ruang, kesejahteraan (WELL) dan teknologi, Move@118 merupakan transformasi tempat kerja holistik yang berusaha menerapkan cara-cara bekerja baharu bagi kakitangan kami selaras dengan nilai-nilai teras kami iaitu **Berhemah, Kebolehsesuaian, Kerjasama dan Kecemerlangan**. Sokongan kepada usaha ini ialah pengurusan perubahan dan pelan komunikasi yang komprehensif untuk memastikan peralihan yang lancar bagi warga kami.

PMO akan terus memainkan peranannya untuk memberikan sokongan yang diperlukan bagi memastikan kejayaan menyempurnakan semua projek, sebagai sebahagian daripada usaha PNB membangunkan kemampuan keupayaan organisasi dalam usaha untuk menjadi sebuah firma pelaburan distinktif bertaraf dunia.

LAPORAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Sejak penubuhan PNB pada 43 tahun lalu, kami telah menjadi rakan pembangunan negara yang signifikan dalam transformasi sosioekonomi di Malaysia apabila melaksanakan mandat kami untuk memberikan pulangan jangka panjang yang mampan kepada pemegang unit kami.



Sumbangan kami kepada negara dan masyarakat disusun dan disampaikan melalui agenda Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PNB. Program CSR kami dirancang untuk memberikan manfaat nyata dan ketara kepada pihak berkepentingan kami ketika menangani keperluan masyarakat.

Inisiatif dan program CSR PNB terdiri daripada empat teras:

PENDIDIKAN



Dalam teras ini, kami ingin mewujudkan generasi profesional berkaliber tinggi dan berbakat untuk negara kita. Program dan inisiatif kami menyumbang ke arah pengembangan modal insan dan bakat dengan menyediakan peluang pendidikan kepada generasi muda, yang bakal menjadi tenaga kerja berkemahiran tinggi pada masa depan.

Sila rujuk halaman 78

PENINGKATAN TARAF HIDUP MASYARAKAT



Dalam teras ini, sumbangan dermawan kami disalurkan kepada organisasi dan inisiatif yang memberikan sokongan sosial dan meningkatkan kehidupan masyarakat di seluruh negara.

Sila rujuk halaman 86

LITERASI KEWANGAN



Program dan inisiatif dalam teras ini bertujuan untuk mewujudkan masyarakat celik kewangan yang mampu membuat simpanan dan melabur ke arah mencapai matlamat kehidupan mereka. Dengan memperkasakan masyarakat dalam membuat keputusan yang bijak dari segi kewangan, mereka mampu memperbaiki taraf hidup dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Sila rujuk halaman 81

INISIATIF PERKONGSIAN PENGETAHUAN



Kami berusaha untuk menyelaraskan pembangunan dan pertumbuhan negara yang mampan dengan menyediakan platform perkongsian pengetahuan yang menggalakkan inovasi, kolaborasi sinergi dan pembangunan mampan. Program dalam teras ini juga bertujuan untuk meningkatkan asas pengetahuan negara, terutamanya dalam bidang pelaburan, ekonomi dan kepimpinan.

Sila rujuk halaman 91

BAGAIMANA KAMI MENGENDALIKAN PROGRAM CSR KAMI

Program CSR kami dikendalikan secara dalaman oleh PNB dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh kami. Kakitangan kami merupakan barisan hadapan program ini, yang juga berfungsi sebagai platform penglibatan untuk berhubung dengan ekosistem pihak berkepentingan kami seperti pemegang unit kami, komuniti, badan Kerajaan, perniagaan dan organisasi bukan kerajaan.

Melalui jalinan kolaborasi dan perkongsian dengan entiti Kerajaan, agensi dan syarikat serta penyertaan daripada Syarikat Strategik kami, kami memanfaatkan pelbagai sinergi dan kemahiran untuk menjana hasil terbaik buat para penerima program-program kami. Dengan bekerja sebagai satu pasukan, kami membangunkan penyelesaian-penyelesaian bermakna yang membawa perubahan positif dalam memberikan sumbangan yang berkesan terhadap usaha Kerajaan untuk menangani cabaran sosioekonomi di negara ini.

LAPORAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



PENDIDIKAN



Jumlah penajaan sejak program bermula

RM324.7
Juta

Pelajar sejak program bermula

5,069

Pelajar aktif

1,333

Pendidikan merupakan teras utama dalam usaha CSR PNB selama bertahun-tahun. Motivasi utama kami di sebalik teras ini ialah untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan yang mampan di negara ini. Keupayaan kewangan kami disalurkan menerusi pemberian biasiswa kepada para pelajar Malaysia yang layak serta bertekad untuk mencapai matlamat pendidikan dan memenuhi cita-cita mereka.

Asas usaha kami ini adalah bersandarkan hasrat yang kuat untuk menyediakan bekalan barisan pemimpin masa depan untuk PNB dan negara. Program biasiswa kami bertujuan untuk menyumbang ke arah pembangunan modal insan yang mampan, iaitu kumpulan bakat dengan kemahiran dan kemampuan yang tepat untuk negara.

Setelah tamat pengajian, para graduan PNB akan memulakan kerjaya korporat mereka bersama kami dan mengambil bahagian dalam usaha mencipta kekayaan yang saksama dan inklusif.

Malah, ramai graduan PNB berjaya memajukan kerjaya mereka di dalam syarikat ini dan kini memegang jawatan kanan dengan peranan penting dalam memacu usaha penciptaan nilai kami. Graduan lain memilih untuk memajukan kerjaya mereka di syarikat lain dan memberikan sumbangan yang bermakna kepada majikan mereka. Kami berpuas hati kerana dapat memainkan peranan dalam mengembangkan kemampuan dan potensi mereka, dan kini mereka mampu menyumbang kepada pembangunan keseluruhan Korporat Malaysia.

Pada akhir tahun 2020, PNB telah menyumbang sejumlah RM324.7 juta untuk membiayai semua program biasiswa dalam teras ini. Jumlah tersebut membantu sejumlah 5,069 anak muda Malaysia yang layak dengan memberikan peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia sejak tahun 1996.

ANUGERAH BIASISWA LUAR NEGARA PNB DAN ANUGERAH BIASISWA PERDANA YAYASAN TUN ISMAIL (YTI)



Sejak dimulakan 20 tahun lalu, Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB dan Anugerah Biasiswa Perdana Yayasan Tun Ismail dianggap sebagai antara biasiswa paling berprestij di negara ini. Anugerah biasiswa ini memberi peluang kepada pelajar, yang menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan peperiksaan asas seperti A-Level, International Baccalaureate (IB) dan yang setaraf dengannya, untuk melanjutkan pendidikan tinggi mereka dalam bidang akademik terpilih di beberapa universiti terbaik di seluruh dunia. Para penerima biasiswa kami dibenarkan untuk mengikuti semua kursus pengajian yang berkaitan dengan perniagaan teras PNB kecuali perubatan, pergajian, farmasi, muzik, fesyen dan teologi. Pada akhir tahun 2020, sejumlah 425 biasiswa telah dianugerahkan sejak program ini diperkenalkan.

425 biasiswa dianugerahkan sejak bermula program biasiswa ini

Kursus-kursus yang layak:

Perakaunan	Undang-Undang	Kewangan
Matematik	Sains Aktuari	Kejuruteraan

Universiti-universiti Terbaik Dunia di bawah Senarai yang Diluluskan oleh PNB



United Kingdom



Amerika Syarikat



Australia



LAPORAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

INISIATIF AKAUNTAN BERTAULIAH PNB (PCA)

Peralihan Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju didorong oleh pertumbuhan pesat pelbagai industri dan sektor. Perniagaan adalah teras pertumbuhan ekonomi negara dan akauntan memainkan peranan penting dalam syarikat-syarikat ini. Permintaan untuk akauntan bertauliah telah meningkat secara mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kami juga menyedari keperluan untuk memastikan kepelbagaian kumpulan bakat Malaysia yang saksama dan berusaha untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera yang lebih banyak dalam kalangan akauntan profesional.

Sejak bulan Oktober 2016, PNB telah menjalin kerjasama dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), Kolej Pendidikan INTEC dan Ernst&Young Malaysia untuk melahirkan lebih ramai akauntan Bumiputera bertauliah menjelang tahun 2022 melalui Insentif Akauntan Bertauliah (PCA). PCA menyediakan biasiswa kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian perakaunan mereka di Kolej Pendidikan INTEC, Pusat Kecemerlangan Perakaunan Sunway TES dan Kolej SENTRAL Pulau Pinang. Pada akhir tahun 2020, sejumlah 1,025 biasiswa telah dianugerahkan sejak program ini diperkenalkan.

ANUGERAH BIASISWA UNTUK ANAK-ANAK KAKITANGAN PNB DAN PROGRAM BIASISWA PNB-KOLEJ ILMU

PNB telah menawarkan biasiswa kepada anak-anak kakitangan PNB untuk menyambung pengajian di peringkat asas, program diploma atau ijazah sarjana muda di universiti awam tempatan dan universiti swasta terpilih di Malaysia sejak tahun 1998. Sebagai majikan yang prihatin, matlamat kami ialah untuk menyokong kakitangan kami dalam memenuhi aspirasi anak-anak mereka. Setiap kakitangan layak mendapat dua biasiswa untuk anak-anak mereka.

Kami juga telah menawarkan sokongan kewangan dan pendidikan kepada bekas pelajar Kolej Ilmu PNB untuk melanjutkan pelajaran di universiti terpilih sejak tahun 2005. Pelajar-pelajar ini kebanyakannya berasal dari keluarga yang kurang bernasib baik di Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan. Setakat hujung tahun 2020, sejumlah 1,051 graduan muda telah memperoleh manfaat menerusi dua program ini.

Anugerah Biasiswa untuk Anak-Anak Kakitangan PNB

Program Biasiswa PNB-Kolej Ilmu

697

Pemegang biasiswa sejak dimulakan

354

Pemegang biasiswa sejak dimulakan

Universiti Tempatan

21

Universiti awam

16

Universiti swasta

205

Akauntan Ahli
Gabungan/
Tamat
Pengajian

582

Pelajar Aktif

Kelayakan ditawarkan:

Juruteknik Perakaunan Bertauliah (CAT)	Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
Sijil Kewangan, Perakaunan dan Perniagaan (CFAB-ICAEW)	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

BANTUAN UNTUK PENDIDIKAN (BUDI)

Pada tahun 2019, PNB melancarkan sebuah program geran pendidikan, Bantuan Untuk Pendidikan (BUDI), khusus untuk kanak-kanak dari isi rumah kumpulan pendapatan B40 (Bawah 40%). Inisiatif ini sangat selari dengan inisiatif Kerajaan untuk membantu kumpulan B40 dan merapatkan jurang pendapatan.

Melalui program ini, kami membiayai pendidikan pelajar Asnaf (penerima zakat yang layak) dari keluarga berpendapatan rendah. Mereka diberikan peluang untuk melanjutkan pendidikan menengah mereka di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di seluruh negara. Dana untuk para pelajar di MRSM disalurkan menerusi program BUDI PNB MRSM. Program ini disediakan untuk pelajar Tingkatan Satu, yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh PNB. Program lain di bawah BUDI ialah BUDI PNB-UNIRAZAK, disediakan kepada pelajar yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan akreditasi Akauntan Pengamal Bertauliah (CPA) Australia di Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh PNB.

200

Pelajar di bawah BUDI PNB - MRSM sejak permulaan program ini

100

Pelajar di bawah BUDI PNB - UNIRAZAK sejak permulaan program ini



LITERASI KEWANGAN



Celik kewangan membolehkan individu untuk membuat keputusan pelaburan yang bijak ke arah mencapai matlamat kehidupan mereka dan meningkatkan taraf kehidupan untuk diri dan keluarga mereka. Namun begitu, literasi kewangan memerlukan pengetahuan dan kemahiran khusus yang masih belum dapat dikuasai oleh ramai rakyat Malaysia.

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 diperkenalkan Kerajaan bertujuan untuk mewujudkan ekosistem pengagihan kekayaan yang saksama di negara ini dan PNB komited untuk menyebarkan pengetahuan kami sebagai institusi pelaburan utama negara. PNB telah berkembang sejak pengenalan dana pertama kami, Amanah Saham Nasional yang dilancarkan pada tahun 1981, untuk menjadi sebuah firma pelaburan berprestij dan berwibawa dengan rangkaian 15 produk dana unit amanah termasuk satu dana aset campuranimbang global yang dilancarkan pada tahun 2020.

Syarikat pengurusan unit amanah milik penuh kami, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang menguruskan dana unit amanah kami telah melaksanakan inisiatif literasi kewangan PNB selama lebih dari 40 tahun. ASNB berada di barisan depan dalam mendidik masyarakat sasaran kami mengenai unit amanah sebagai wahana pelaburan dan usaha mereka menyumbang ke arah pembangunan masyarakat yang celik dari segi kewangan. Malah, ASNB memupuk kesedaran yang lebih besar mengenai bagaimana keputusan pelaburan berhemah mampu menjaga kadar pulangan lebih tinggi berbanding akaun simpanan, terutamanya jika pulangan ini kekal dikompaun untuk suatu jangka masa yang panjang.

PNB terus melaksanakan program pendidikan kewangan berstruktur kami pada tahun 2020, walaupun pandemik COVID-19 melanda seluruh dunia, dengan memanfaatkan platform maya untuk berhubung dengan semua peringkat

umur dan lapisan masyarakat. Program literasi kewangan kami merangkumi Minggu Saham Digital, Seminar Pelaburan 360 Hari, Webinar Sembang-Sembang ASNB, Kuiz Pelaburan PNB dan Kelab Pelaburan Bijak PNB.

Selain itu, PNB merupakan anggota Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN), satu platform antara agensi yang ditubuhkan pada tahun 2019, terdiri daripada institusi dan agensi yang komited untuk meningkatkan literasi kewangan rakyat Malaysia. Sebagai anggota pengasas platform ini, PNB akan terus memperluas dan mengembangkan inisiatif literasi kewangan kami untuk merangkumi program-program yang meningkatkan kemampuan literasi kewangan digital masyarakat kita. Usaha ini sejajar dengan hasrat Bank Negara Malaysia bagi mengembangkan satu sistem kewangan yang inklusif menerusi penggunaan teknologi kewangan (FinTech).

Peruntukan perkhidmatan kewangan yang sesuai, berpatutan dan berkualiti kepada semua segmen masyarakat akan menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi yang mampan. Melangkah ke hadapan, PNB akan terus berkolaborasi dengan anggota FEN yang lain dalam menyumbang ke arah pemeraksanaan kewangan digital mampan bagi masyarakat, seiring dengan digitalisasi pantas dalam masyarakat.

LAPORAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

MINGGU SAHAM DIGITAL



Pada tahun 2020, program literasi kewangan tahunan PNB yang terkenal, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) telah dijenamakan semula sebagai Minggu Saham Digital (MSD). MSD yang pertama telah mencatat kejayaan luar biasa dengan berjuta rakyat Malaysia di seluruh negara menyertai acara dalam talian selama tujuh hari itu. Sila ke halaman 84 hingga 85 untuk maklumat lanjut mengenai MSD.

SEMINAR PELABURAN 360

Inisiatif lain yang meningkatkan tahap literasi kewangan di seluruh Malaysia ialah seminar harian yang dikendalikan oleh perancang kewangan yang diperakui - ASNB. Inisiatif yang dikenali sebagai Seminar Pelaburan 360 Hari, diadakan di seluruh negara dan menyasarkan semua lapisan masyarakat.

Objektifnya adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan perancangan kewangan; menyediakan kaedah yang komprehensif kepada para peserta dalam menyusun haluan pelan kewangan bagi mencapai matlamat kewangan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang mereka; mendidik orang ramai mengenai kepentingan perancangan kewangan untuk persaraan dan pendidikan anak-anak mereka; menggalakkan perancangan kewangan sebagai satu cara untuk menyediakan persaraan yang selesa; dan membantu para peserta untuk mencapai ketenangan fikiran dan kebebasan kewangan.

Seminar Pelaburan 360 Hari juga memperkenalkan dana unit amanah ASNB sebagai wahana pelaburan kompetitif yang boleh membentuk asas rancangan kewangan.

Pada tahun 2020, sejumlah 75 seminar berjaya diadakan sehingga pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) pertama pada bulan Mac.


**Seminar Pelaburan 360 Hari
pada tahun 2020**

75 Seminar diadakan sebelum PKP pada bulan Mac 2020

5,778 Peserta

Sejak dimulakan

7,595 Seminar diadakan

718,035
Peserta

WEBINAR SEMBANG-SEMBANG ASNB

Apabila PKP dilaksanakan, kami menukar sesi fizikal Seminar Pelaburan 360 di seluruh negara menjadi sesi platform maya. Objektif Sesi Siaran Langsung Webinar Langsung dengan ASNB kekal sama dengan Seminar Pelaburan 360, dengan tumpuan khusus diberikan terhadap perancangan kewangan, pelaburan, hubungan risiko/pulangan, kesan pengkompaunan ke atas pulangan dalam jangka panjang dan topik-topik lain yang berkaitan.

KUIZ PELABURAN PNB



Kuiz Pelaburan PNB pada tahun 2020

Sejak dimulakan

Pada tahun 2020, Kuiz Pelaburan PNB dianjurkan bersempena dengan Sambutan Hari Merdeka/Malaysia dan perasmian Minggu Saham Digital (MSD) PNB. Ekoran pandemik COVID-19 dan kawalan pergerakan di seluruh negara, semua pertandingan dilaksanakan menerusi format digital baharu.

Antara bulan September dan November, ASNB menerbitkan lima artikel mengenai literasi kewangan dan enam kuiz pelaburan di dalam dua surat khabar harian selama lima hari berturut-turut. Jawapan untuk semua soalan dalam kuiz ini boleh didapati di dalam artikel-artikel ini. Para peserta juga perlu mengenal pasti lima kata kunci dari setiap artikel untuk setiap soalan yang keenam.

Penghantaran untuk setiap kuiz dibuat melalui laman web ASNB di www.asnb.com.my. Semua artikel yang diterbitkan juga disediakan di laman web ini sehingga tarikh tutup bagi setiap kategori. Objektif program ini ialah untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai pelaburan.

KELAB PELABURAN BIJAK PNB



Kelab Pelaburan Bijak PNB pada tahun 2020

Semua aktiviti fizikal untuk Kelab Pelaburan Bijak PNB adalah terbatas semasa PKP dan PKP Bersyarat. Walaupun begitu, ASNB berjaya menganjurkan Pertandingan Video Pelaburan. Kesemua 155 sekolah menengah yang merupakan anggota Kelab Pelaburan Bijak PNB menyertai pertandingan ini. KPBPNB bertujuan untuk mendedahkan para anggotanya kepada pengetahuan literasi kewangan dan memupuk tabiat menyimpan bermula pada usia yang lebih muda.

MINGGU SAHAM DIGITAL (MSD) YANG PERTAMA

Rasmi

facebook

7.5 juta
capaian unik



Memperoleh lebih daripada

540,000

penyertaan daripada lebih
27,000 peserta

Rasmi

facebook YouTube

2.2 juta
tontonan terkumpul



3,000

penyertaan lebih 23 sesi

Laman Web Rasmi MSD

1.3 juta
pengunjung

98,000
pengguna



Lebih dari

87,000

tontonan

Sejajar dengan usaha transformasi digital yang dilaksanakan, PNB menganjurkan acara maya sepenuhnya buat kali pertama, Minggu Saham Digital (MSD) yang berlangsung antara 18 hingga 24 November 2020. Program mesra keluarga disiarkan setiap hari sepanjang minggu, bermula dari pukul 12.30 tengah hari sehingga 10.30 malam, di beberapa platform dalam talian seperti Facebook, YouTube dan Instagram. MSD mempunyai tapak mikro web yang khusus iaitu www.minggusahamdigital.com.my.

Meneruskan objektif Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), MSD memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk mengenali PNB dan syarikat pelaburannya melalui program siaran langsung MSD yang unik dan bermaklumat mengenai literasi kewangan, kulinari, eksperimen sains, pemilikan rumah malah penafian mitos berkaitan perubatan.

Dengan kandungan yang bertemakan #LaburBersama, rakyat Malaysia dari semua peringkat umur menyertai pelbagai program hiburan didik, daripada rangkaian webinar bermaklumat yang memberi tumpuan kepada kepentingan melabur dan perancangan kewangan, kepada segmen yang lebih menghiburkan seperti konsert maya mega dan rancangan bual santai yang menampilkan beberapa selebriti. Melalui strim langsung



digital, penonton dapat mengambil bahagian dengan bersaing dalam e-Sukan dengan pemain-pemain terkenal Malaysia dan juga berpeluang memenangi hadiah menarik dalam siri pertandingan seperti permainan trivia langsung setiap hari yang memerlukan peserta untuk menjawab soalan-soalan kuiz mengenai syarikat atau peraduan utama 'Eh, Mana Kod?', yang memerlukan peserta untuk mengumpulkan kod yang tersembunyi dalam semua program MSD.

RAKAN UTAMA



RAKAN PREMIER



RAKAN



Lepak Je! ialah segmen santai lewat malam bersama selebriti dan tokoh berpengaruh melakukan cabaran yang menyeronokkan sementara menjawab soalan daripada penonton.

Untuk peminat e-Sukan, **GG Bro!** menawarkan peluang kepada para penonton untuk bersaing dengan pemain teratas Malaysia dalam liga fantasi FIFA 21.

Hos program membongkar sejarah syarikat dan meneroka pelbagai fungsi perniagaan dalam **My Cerita**.

Pemenang hadiah utama untuk **Say What?** semasa PasstheMic, Iffah Sorfina Mohamad Naim, memenangi sebuah Perodua Aruz.

Pemenang hadiah utama **Eh, Mana Kod?** Linclon Sengalang Anak Juing, memenangi sebuah kenderaan FordRanger 2.0L XLT Plus 4WD.



MINGGU SAHAM DIGITAL



Betul Ke, Doc? menampilkan profesional bidang perubatan bagi membetulkan mitos yang selalu diperkatakan berkaitan kesihatan.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn mengumumkan para pemenang untuk peraduan utama **semasa majlis penutup maya MSD**.

Abdul Kabir Hoyaeli muncul sebagai pemenang tempat ketiga untuk **Eh, Mana Kod?**, dan membawa pulang sebuah motorsikal superbike Yamaha R25.

Naib juara **Eh, Mana Kod?** adalah MohammadAliff Abd Rahman yang memenangi sebuah kereta ToyotaVios 1.5G (AT).

Menteri Kewangan dan Timbalan Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB), YB Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, merasmikan MSD dalam sebuah majlis pelancaran maya yang disiarkan secara langsung menerusi **laman Facebook MSD dan saluran YouTube**.

Semasa pelancaran, PNB juga memperkenalkan dana harga berubah baharu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), **ASN Imbang 3 Global**, produk unit amanah pertama yang melabur dalam pasaran kewangan luar negara dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia.

Cikgu CEO, satu siri yang mudah diikuti apabila CEO mendidik minda anak muda mengenai literasi kewangan menerusi kelas webinar, yang disampaikan oleh CEO PNB, Maybank dan UMW Holdings Berhad.

Program **Makan Dulu** ialah rancangan bual bicara santai yang membincangkan topik-topik seperti kewangan, keusahawanan dan ekonomi dengan para pemimpin industri, dalam suasana kedai kopi yang santai.

Satu siri lawatan hartanah dan kediaman untuk projek-projek hartanah baharu yang menarik seperti Setia Alamsari dan Serini Melawati dalam program **Selesa**.



Dengan kerjasama Asia School of Business, **ASB-Iclif MBA Masterclass Series** menampilkan penceramah bertaraf dunia yang membentangkan topik ekonomi, kewangan dan keusahawanan.

Satu sesi persendirian selama **30 minit** dengan perunding dari ASNB, AmBank (M) Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Bank Berhad dan RHB Bank Berhad melalui *Penasihat 1 dengan 1*.

Sembang-sembang ASNB menampilkan pakar-pakar industri yang berkongsi petua dan nasihat mereka mengenai kewangan dan pelaburan dalam perbincangan yang menarik dan mesra.

Jumpa di 118, tertumpu pada bangunan pencakar langit **Merdeka 118** yang ikonik, bakal menjadi menara tertinggi di Malaysia dan Asia Tenggara serta kedua tertinggi di dunia selepas siap dibina.

Konsert maya mega, **Pass the Mic**, menarik lebih dari 87,000 tontonan melalui strim langsung Facebook rasmi MSD.

Dunia Kimia memaparkan eksperimen luar biasa dan fakta kimia dengan cara yang menyeronokkan dan menarik.

Live T rancangan yang berfokuskan MSD d

Hos program bersama tamu mereka membincangkan mengenai kereta terkini dan industri automotif di dalam segmen **Kereta Kita**.

Para selebriti mencuba untuk memasak masakan tempatan Malaysia menggunakan *Minyak Masak Sayuran Alif* dengan cara mendengar arahan ibu mereka secara dalam talian melalui program **Masak Macam Mak**.

Lepak Je! ialah segmen santai lewat malam bersama selebriti dan tokoh berpengaruh melakukan cabaran yang menyeronokkan sementara menjawab soalan daripada penonton.

Untuk peminat e-Sukan, **GG Bro!** menawarkan peluang kepada para penonton untuk bersaing dengan pemain teratas Malaysia dalam liga fantasi FIFA 21.

Hos program membongkar sejarah syarikat dan meneroka pelbagai fungsi perniagaan dalam **My Cerita**.

Pemenang hadiah utama untuk **Say What?** semasa PasstheMic, Iffah Sorfina Mohamad Naim, memenangi sebuah Perodua Aruz.

Pemenang hadiah utama **Eh, Mana Kod?** Linclon Sengalang Anak Juing, memenangi sebuah kenderaan FordRanger 2.0L XLT Plus 4WD.



Live Trivia dan **Live Trivia Bonanza** ialah permainan harian selama 15 minit bersiaran langsung di laman Facebook dengan menawarkan hadiah e-baucar yang luar biasa untuk dimenangi.

Sesi perkongsian pengetahuan mengenai topik kewangan Islam semasa dalam **Forum Kewangan Syariah**.

Betul Ke, Doc? menampilkan profesional bidang perubatan bagi membetulkan mitos yang selalu diperkatakan berkaitan kesihatan.

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn mengumumkan para pemenang untuk peraduan utama **semasa majlis penutup maya MSD**.

Abdul Kabir Hoyaeli muncul sebagai pemenang tempat ketiga untuk **Eh, Mana Kod?**, dan membawa pulang sebuah motorsikal superbike Yamaha R25.

Naib juara **Eh, Mana Kod?** adalah MohammadAliff Abd Rahman yang memenangi sebuah kereta ToyotaVios 1.5G (AT).

PENINGKATAN TARAF HIDUP MASYARAKAT



Teras ini merangkumi sokongan dan sumbangan kewangan kami kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan/bukan kerajaan yang memberikan perkhidmatan untuk memperkasakan masyarakat. Kami juga menyokong inisiatif alam sekitar dan sosial yang mewujudkan kesan positif dan membangunkan komuniti yang mantap.

PNB tetap komited untuk mengimbangi keuntungan dan kemamparan sosial melalui satu kitaran yang melaburkan semula keuntungan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat. Semua program ini dilaksanakan melalui program peningkatan taraf hidup masyarakat berpandukan sasaran dan skala yang dinilai dengan teliti, dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik kami, dan dipantau secara sistematik demi penambahbaikan berterusan bagi memastikan ia memberikan kesan positif kepada masyarakat.

Sumbangan kami diperuntukkan kepada tiga bidang utama: pembangunan penjagaan kesihatan, masyarakat dan pembangunan pendidikan. Dana disalurkan kepada organisasi sosial dan kebajikan serta rakan kongsi dengan program yang terbukti memperkasa dan meningkatkan kesejahteraan sosial, terutama dalam kalangan masyarakat yang menghadapi banyak cabaran dan kesukaran dalam kehidupan mereka. Pada tahun 2020, PNB telah menyumbang lebih daripada RM17.9 juta untuk sumbangan sosial dalam tiga kategori:

Pembangunan
Penjagaan Kesihatan

97.93%

Pembangunan Masyarakat

1.83%

Pembangunan Pendidikan

0.24%

PEMBANGUNAN PENJAGAAN KESIHATAN

Pada tahun 2020, penyebaran dan korban pandemik global COVID-19 memberi kesan buruk kepada ekonomi, kesihatan awam dan kesejahteraan sosial negara pada suatu tahap yang belum pernah terjadi sebelum ini. Pandemik kesihatan ini menyebabkan banyak komuniti menjadi tidak stabil dan memberi kesan yang besar kepada kehidupan berjuta rakyat Malaysia.

Di PNB, kami dengan rendah hati memainkan peranan dengan menyokong kerajaan dalam memerangi pandemik COVID-19 menerusi pelbagai bantuan kewangan dan program yang berjumlah RM3.2 juta untuk tahun ini. Sumbangan utama kami merangkumi:

RM2.30 juta



GLC Disaster Response Network

Bekalan perubatan, peralatan pelindung diri (PPE) dan mesin ventilator

Penerima: Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Rangkaian Tindak Balas Bencana (GDRN) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC)

RM637,560

Empat mesin ventilator

Penerima: Hospital Sultan Ismail Petra di Kuala Krai, Kelantan



RM97,500

13 unit respirator pembersih udara

Penerima: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah



RM170,076

Peralatan komputer

Penerima: Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kementerian Kesihatan (KKM)

RM20,000

Sumbangan kewangan

Penerima:



LAPORAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

PEMBANGUNAN PENJAGAAN KESIHATAN

Prasarana kesihatan awam yang teguh dapat menyokong kehidupan yang sihat dan meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia. Sebagai sebuah entiti korporat yang bertanggungjawab, PNB berikrar untuk memberi komitmen dalam memenuhi keperluan kesihatan awam melalui sumbangan dalam teras ini. Bagi meningkatkan akses kepada rawatan perubatan, terutamanya di kawasan ramai rakyat Malaysia terkesan dengan masalah kesihatan, kami menerusi bantuan kewangan menyokong pembelian beberapa peralatan perubatan untuk masalah perubatan berkaitan kardiologi, oftalmologi dan nefrologi.

Dalam kolaborasi dengan Bahagian Pembangunan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PNB telah menyumbang sebanyak RM11.16 juta bagi membeli peralatan perubatan untuk 23 hospital kerajaan di seluruh negara. Sumbangan kami adalah seperti berikut:

RM4.96 juta

Peralatan kardiologi seperti mesin penjimat bateri, mesin anestetik canggih dan perentak sementara dua kamar jantung

Penerima: Hospital Queen Elizabeth II, Pusat Jantung Sarawak, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Hospital Serdang dan Hospital Pulau Pinang



RM4.2 juta

Peralatan Oftalmologi seperti "phacoemulsification" (peralatan pembedahan katarak), lampu celah, autoklaf atas meja dan meja OT

Penerima: Hospital Tawau, Hospital Umum Sarawak, Hospital Miri, Hospital Sibul, Hospital Sultan Ismail Petra, Hospital Besut, Hospital Jitra, Hospital Melaka, Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah

RM2 juta

Peralatan nefrologi seperti mesin hemodialisis, mesin pemprosesan semula dan sistem osmosis terbalik

Penerima: Hospital Duchess of Kent, Hospital Beluran, Hospital Kinabatangan, Hospital Lahad Datu, Hospital Beaufort, Hospital Semporna, Hospital Betong dan Hospital Lundu

Penularan virus korona mendedahkan kerentanan negara terhadap pandemik dan penyakit pada masa depan. Di atas keprihatinan ini, PNB mengenal pasti imunologi dan virologi sebagai bidang perubatan penting yang memerlukan perhatian dan sokongan. Kami telah menyumbang peralatan makmal kepada Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), berjumlah RM3.1 juta untuk membantu usaha dalam meningkatkan prasarana kesihatan awam negara.

RM2.55 juta

Pelbagai peralatan makmal seperti mikroskop pendarfluor, LABSan 3D multipleks, pengitar terma, pemekat sentrifuj, pengaduk magnet plat panas digital dan lain-lain

Penerima: Pusat Penyelidikan Alergi dan Imunologi (AIRC)

RM550,000

Peralatan makmal termasuk kabinet keselamatan bio, mikroskop songsang dan vorteks penggancang

Penerima: Unit Virologi, Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit (IDRC)



PEMBANGUNAN MASYARAKAT

Pada tahun 2020, PNB juga menyokong banyak program lain yang menjangkau pelbagai komuniti, dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan mereka. Sumbangan diberikan kepada misi-misi penting seperti Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) dan Majlis Kebajikan dan Pembangunan Kebangsaan Malaysia (MAKPEM). Peluang juga diberikan kepada kakitangan untuk melibatkan diri dalam projek-projek ini melalui program sukarelawan kakitangan kami. Usaha ini bertujuan memupuk rasa kasih sayang dan menggalakkan semangat sukarelawan dalam kalangan kakitangan PNB.

Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), terletak di Taman Salut Perdana, Kota Kinabalu, Sabah

Kami membiayai program yang melengkapkan seramai

22 orang kanak-kanak autistik

dengan kemahiran bagi memasuki sekolah arus perdana.

Hari Bebas Karbon dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat, Johor

Kami menyokong program ini agar memberi kesedaran dan memupuk rasa tanggungjawab ke arah

mengurangi jejak karbon kita.

Orang Kelainan Upaya (OKU) anjuran Majlis Kebajikan dan Pembangunan Kebangsaan Malaysia (MAKPEM)

PNB menyediakan sokongan kewangan kepada

10 orang peserta

dalam program pemerikasaan ekonomi untuk OKU. Mereka menerima modal permulaan untuk memulakan perniagaan.



Komuniti Orang Asli Semai di Perumahan Teratak Semai, Tapah, Perak

Kakitangan PNB, bekerjasama dengan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina di Universiti Putra Malaysia,

membina rumah untuk komuniti ini.

LAPORAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

PROGRAM PENGAGIHAN ZAKAT CSR PNB


Pada tahun 2020, PNB telah menyumbang sejumlah RM17.2 juta melalui Program Pengagihan Zakat CSR PNB yang dikendalikan oleh Jabatan Pengurusan Syariah. Peruntukan zakat adalah selaras dengan Rangka Kerja Zakat CSR PNB, seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB.

PNB terus membantu kehidupan golongan Asnaf yang kurang bernasib baik melalui program pengagihan zakat kami ke arah mempromosikan penjagaan kesihatan yang lebih baik, meningkatkan pendidikan dan memberikan sokongan kewangan dan sosial. Selain memberi bantuan kewangan kepada golongan Asnaf, kami turut menyumbang menerusi pembelian sebuah van untuk sekolah, kenderaan jenazah untuk masjid dan pemulihan rumah kebajikan, masjid dan sekolah.

RM17.2 juta — jumlah pengagihan
65.6 ribu — penerima manfaat



Sebagai tindak balas terhadap pandemik COVID-19, peruntukan zakat kami juga disumbangkan kepada tabung bantuan kerajaan untuk COVID-19 seperti berikut:



JUMLAH PENERIMA MANFAAT PENGAGIHAN ZAKAT CSR PNB MENGIKUT NEGERI



1 PERLIS • Pendidikan : 450 • Penjagaan Kesihatan : 988	4 SELANGOR • Pendidikan : 1,770 • Penjagaan Kesihatan : 800 • Masyarakat : 1,425	7 KEDAH • Pendidikan : 2,305 • Penjagaan Kesihatan : 330 • Masyarakat : 3,473	10 PAHANG • Pendidikan : 893 • Penjagaan Kesihatan : 1,000 • Masyarakat : 205	13 SABAH • Pendidikan : 988 • Penjagaan Kesihatan : 5,493 • Masyarakat : 1,541
2 PULAU PINANG • Pendidikan : 677 • Penjagaan Kesihatan : 600 • Masyarakat : 1,200	5 WILAYAH PERSEKUTUAN • Pendidikan : 725 • Penjagaan Kesihatan : 998 • Masyarakat : 645	8 KELANTAN • Pendidikan : 2,923 • Penjagaan Kesihatan : 3,454 • Masyarakat : 2,470	11 JOHOR • Pendidikan : 907 • Penjagaan Kesihatan : 1,500 • Masyarakat : 40	14 SARAWAK • Pendidikan : 320 • Penjagaan Kesihatan : 2,972 • Masyarakat : 2,607
3 PERAK • Pendidikan : 3,652 • Masyarakat : 100	6 NEGERI SEMBILAN • Pendidikan : 661 • Penjagaan Kesihatan : 981 • Masyarakat : 65	9 TERENGGANU • Penjagaan Kesihatan : 988	12 MELAKA • Pendidikan : 2,473 • Penjagaan Kesihatan : 1,595	• Lain-Lain : 11,458



INISIATIF PERKONGSIAN PENGETAHUAN

Inisiatif perkongsian pengetahuan PNB mencari penyelesaian yang boleh diambil tindakan dan kolaboratif yang menangani isu-isu penting negara. Kami berusaha mendorong perbincangan dan pertimbangan antara sektor dalam kalangan pemimpin pemikiran dalam pelbagai bidang kepakaran.

FORUM INISIATIF PERKONGSIAN PENGETAHUAN PNB



Forum tahunan Inisiatif Perkongsian Pengetahuan PNB (KSI) yang dianjurkan oleh Institut Penyelidikan PNB, menyatukan ahli-ahli rangkaian PNB dan pihak berkepentingan bidang Korporat Malaysia, termasuk pengamal industri, ahli ekonomi, pembuat dasar, pengawal selia, pakar teknologi dan pelabur institusi.

Tahun 2020 merupakan tahun kali pertama penganjuran forum ini secara maya. Dianjurkan pada 26 November 2020 dengan tajuk 'Malaysia dan ASEAN: Mengemudi Hubungan AS-China pada Abad ke-21', forum tersebut

membincangkan peranan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain berikutan kemunculan kuasa negara China.

Dengan jumlah penduduk meningkat sehingga 650 juta orang, ASEAN muncul sebagai satu kuasa yang perlu diambil kira dan cara untuk mengemudi hubungan AS-China dalam abad ke-21 oleh rantau ini menjadi perkara yang terpenting.

Masa depan adalah Asia, dan negara-negara Asia bergerak ke arah integrasi yang lebih besar di sebalik ketegangan hubungan AS-China.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Kumpulan kami, Tan Sri Dr. Zeti Aziz menekankan keperluan untuk membincangkan masalah ekonomi dan kewangan yang berkaitan dengan bidang Korporat Malaysia. Forum tersebut menampilkan ahli-ahli panel terkemuka seperti Richard Record dari Kumpulan Bank Dunia, Profesor Danny Quah dari Universiti Nasional Singapura dan Kishore Mahbubani dari Institut Penyelidikan Asia (Asia Research Institute). Melisa Idris dari Astro Awani pula merupakan moderator untuk forum berkenaan.

SYARAHAN PERINGATAN YAYASAN TUN ISMAIL MOHAMED ALI TAHUN 2020

Yayasan Tun Ismail Mohamed Ali (YTI) melaksanakan inisiatif dan program yang memupuk nilai-nilai yang diyakini penting oleh pengerusi pertama PNB, Tun Ismail Mohamed Ali dalam pembangunan bidang Korporat Malaysia yang mampan.

Pada 2 Disember 2020, yayasan ini menganjurkan edisi maya pertama untuk Syarahan Peringatan YTI. Program ini merupakan usaha sama antara PNB dan Institut Penyelidikan PNB dan telah berjaya menarik lebih daripada 400 orang peserta termasuk pemimpin pemikir, ahli profesional, ahli akademik dan pelajar.



Syarahan Peringatan YTI 2020 bertajuk "*How Safe Are the Safe Haven Assets in Malaysia - Lessons From COVID-19 Pandemic*", menjadi satu isu yang berkaitan memandangkan ketidakpastian yang tinggi dalam pasaran kewangan yang berterusan ekoran pandemik kesihatan global serta faktor-faktor yang lain seperti peningkatan ketegangan perdagangan. Syarahan ini memberi pandangan mengenai aset lindungan semasa pandemik COVID-19 dan membandingkan persekitaran semasa ini dengan Krisis Kewangan Global pada tahun 2008.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi Kumpulan kami, Tan Sri Dr. Zeti Aziz menerangkan mengenai pelan strategik PNB yang mempelbagaikan portfolio pelaburannya dan membina daya tahan yang diperlukan untuk berkembang maju dalam apa jua keadaan.

Profesor Dr. Robert Faff, Pengerusi Kerusi YTI dalam Kewangan dan Pelaburan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Profesor Kewangan di University of Queensland, Australia, menjadi pembentang untuk syarahan ini. Beliau berkongsi beberapa penemuan dan kajian yang relevan mengenai landskap pelaburan Malaysia dan menyimpulkan syarahannya dengan sesi Soal Jawab. Sesi ini dimudahcara oleh Encik Mohd Redza bin Abdul Rahman, Ketua Analisis Pelaburan dan Pegawai Bertugas untuk PNB Research Institute.

LAPORAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

AKTIVITI YTI SEJAK PENUBUHAN DAN SOROTAN AKTIVITI TAHUN 2020

PROGRAM KERUSI PROFESOR YTI



Sejak Dimulakan

13

Pemegang Kerusi

4

Universiti Tempatan di Malaysia

2020

1

Pemegang Kerusi

Universiti Kebangsaan Malaysia (Kewangan & Pelaburan)

Universiti Malaya (Undang-Undang Korporat, Sekuriti & Kewangan) - Sejak Tahun 2000	Universiti Kebangsaan Malaysia (Kewangan & Pelaburan) - Sejak Tahun 2000	Universiti Sains Islam Malaysia (Kewangan & Perbankan Islam) - Sejak Tahun 2012	Universiti Tun Abdul Razak (Kepimpinan) - Sejak Tahun 2012
<ul style="list-style-type: none"> Prof. Dr. John H. Farrar (2007) Prof. Tuan Razeen Sappideen (2011-2013) 2 penggal 	<ul style="list-style-type: none"> Prof. Dr. Abdul Mansur Mohammed Masih (2004) Prof. Dr. S. Ghon Rhee (2005) Prof. Dr. Erik S. Reinert (2013) 	<ul style="list-style-type: none"> Prof. Dr. Ben Jacobson (2015) Prof. Robert William Faff (2019-2020) 	<ul style="list-style-type: none"> Dr. Zamir Iqbal (2012-2013) Prof. Dr. Mohamed Obaidullah (2015) Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (2017-Feb 2019) 2 penggal
<ul style="list-style-type: none"> Prof. Dr. Erik van de Loo (2013-2015) 2 penggal Prof. Dr. Nicholas H. Barker (2016-2017) 2 penggal Prof. Catarina Tully (2017-Aug 2019) 			


PENGETAHUAN & KEPAKARAN

13
2

Buku Diterbitkan oleh Pemegang Kerusi YTI

Sejak Dimulakan

2020



The Theory of Wealth Circulation and the Risk Sharing in Islamic Finance (Siri Syarahan YTI Vol. 5)

- Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (USIM) 2020



Islamic Finance in Digital Economy (Siri Syarahan YTI Vol. 6)

- Penyunting: Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar, Dr. Safeza Mohd Sapian, Dr. Muhammad Ridhwan Ab. Aziz (USIM) 2020

2013	(Buku Kecil Ceramah) Board Leadership and Integrity - Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK)
2015	Managing Philanthropy for Social Security and Economic Empowerment - Prof. Dr. Mohamed Obaidullah (USIM)
	The Shaking Foundations of Finance - Prof. Dr. Ben Jacobson (UKM)
	Corporate Governance and Boards - Prof. Dr. Erik van de Loo (UNIRAZAK)
2016	Critical Readings in Islamic Social Finance - Prof. Dr. Mohamed Obaidullah & Dr. Nurul Aini Muhamed (USIM)
2017	(Buku Kecil Syarahan) Critical Success and Failure Factors in the Islamic Financial Industry in the 21 st Century - Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (USIM)
2018	Extending the Boundaries in Islamic Finance - Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (USIM)
	Mainstreaming Islamic Finance Unveiling Critical Success & Failure Factors: An Insider and Global Perspective - Datuk Dr. Mohd. Daud Bakar (USIM)
2019	Crisis Leadership & Resilience - Prof. Dr. Nicholas H. Barker (UNIRAZAK)
	Entrepreneurial Leaders: Shaping the Malaysian Entrepreneurship Ecosystem - Prof. Dr. Nicholas H. Barker (UNIRAZAK)
	Rethinking Higher Education in Malaysia - Strategic Foresight - Prof. Dr. Catarina Tully (UNIRAZAK)

MENINGKATKAN TARAF HIDUP MASYARAKAT BUMIPUTERA



Sejak awal penubuhan kami, PNB sentiasa berusaha untuk memperluas dan meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam Korporat Malaysia. Ini berdasarkan mandat kami untuk meningkatkan kehidupan Bumiputera secara menyeluruh dan berusaha untuk mencapainya melalui inisiatif penciptaan kekayaan kewangan yang menangani perbezaan pendapatan, memberi peluang pendidikan, memupuk pembangunan modal insan dan menggalakkan keusahawanan. Tugas kami dalam bidang-bidang ini membentuk kepentingan usaha membangun negara kita ke arah merealisasikan visi negara untuk memperkasakan Bumiputera.

KEKAYAAN



RM269.9 billion

aset di bawah pengurusan untuk pegangan Bumiputera



RM21.5 billion

nilai pegangan hartanah termasuk hartanah di luar negara dan di Malaysia

MODAL INSAN

>90%

Kakitangan Bumiputera, Pengarah Nomini, CEO/Pengarah Urusan Syarikat Strategik dan Kawalan PNB

KEUSAHAWANAN

>55%

- Mencorak komitmen vendor Bumiputera untuk projek-projek mega PNB
- Peruntukan perolehan untuk vendor Bumiputera

PENDIDIKAN & PEMBANGUNAN MODAL INSAN



118 biasiswa baharu bernilai

RM29.5 juta



371

Pelatih Eksekutif Siswazah di PNB (PNB GET)

LITERASI KEWANGAN



5,778

peserta acara fizikal pada tahun 2020

**"SEMBANG-SEMBANG"
ASNB**

154

webinar pada tahun 2020

9,956

peserta



173,980

peserta daripada badan beruniform, Institut Pendidikan Guru (IPG), Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan sekolah menengah pada tahun 2020



14,392

pelajar sekolah menengah

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PNB percaya bahawa budaya ketelusan, akauntabiliti dan integriti adalah amat penting dalam memastikan komitmennya untuk menjadi sebuah Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia. Dalam suasana pasaran semasa yang tidak menentu lagi mencabar ketika ini, adalah penting bagi PNB untuk memastikan pematuhan kepada standard Tadbir Urus Korporat yang tertinggi menerusi perumusan dan penerapan dasar dan proses dalamannya secara efektif. Sehubungan dengan itu, walaupun PNB bukan sebuah syarikat tersenarai awam, ia tetap berusaha untuk mencapai hasil yang disasarkan bagi tiga prinsip utama tadbir urus korporat baik yang membentuk asas kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Kod):

PRINSIP UTAMA TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Kelestarian dan pertumbuhan PNB sentiasa bergantung kepada pelaksanaan peranan asas Lembaga Pengarah yang termasuk:

- Menetapkan dan memantau objektif perniagaan strategik Kumpulan;
- Mengkaji semula dasar dan prosedur untuk memastikan perlakuan korporat selari dengan prinsip integriti dan akauntabiliti;
- Mengkaji semula kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan, sistem maklumat pengurusan dan pematuhan terhadap undang-undang yang berkenaan;
- Memantau prestasi pengurusan dan menyemak semula pelan penggantian; dan
- Menilai pelaksanaan sistem pengurusan risiko.

Selain itu, Lembaga Pengarah mengambil perhatian terhadap penguatkuasaan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM) yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020. PNB, sebagai salah satu syarikat pengurusan dana terbesar, berada di barisan hadapan dalam memastikan bahawa semua prosedur memadai dalam pencegahan rasuah.

Pelbagai inisiatif telah dilakukan dalam memberi kesedaran mengenai peruntukan baharu ini dengan menganjurkan ceramah dan seminar oleh penceramah tempatan dan antarabangsa kepada ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan kakitangan. PNB juga telah mewujudkan Dasar Pemberi Maklumat, dan Piagam dan Rangka Kerja Integriti. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusannya dalam memastikan kepatuhan sepenuhnya terhadap peruntukan ini di bawah Akta SPRM, PNB memperkukuhkan polisi dan prosedurnya, antaranya melibatkan Sistem Pengurusan Pencegahan Sogokan, Pengurusan Risiko Rasuah dan Kod Etika Perniagaan.

PIAGAM DAN RANGKA KERJA INTEGRITI KUMPULAN PNB



PRINSIP UTAMA A

**KEPIMPINAN DAN
KEBERKESANAN LEMBAGA
PENGARAH**

PRINSIP UTAMA B

**PENGURUSAN AUDIT DAN
RISIKO YANG BERKESAN**

PRINSIP UTAMA C

**INTEGRITI DALAM PELAPORAN
KORPORAT DAN HUBUNGAN
BAIK DENGAN PIHAK
BERKEPENTINGAN**

RANGKA KERJA INTEGRITI**Penilaian Risiko Rasuah**

- Menilai risiko rasuah dan tanggungjawab berkaitan integriti secara proaktif
- Menilai semula tahap risiko rasuah secara berterusan berdasarkan:
 - Aktiviti, produk atau perkhidmatan yang baharu atau berubah
 - Tanggungjawab yang baharu atau disemak semula
 - Penemuan daripada semakan audit yang dilakukan secara dalaman atau oleh pengawal selia

1

Pengurusan Risiko Rasuah

- Mewujudkan dan memastikan terdapat polisi, proses, dan kawalan dalaman yang berkesan untuk mengurangkan risiko rasuah
- Menyampaikan maklumat tentang polisi dan prosedur kepada kakitangan

2

Pemantauan Risiko Rasuah

- Memantau dan memastikan kawalan berjalan dengan berkesan
- Menilai keberkesanan program integriti secara berkala dan menentukan bidang yang perlu diperbaiki sekiranya perlu

3

Pelaporan Integriti

- Memastikan laporan yang diperlukan dihantar tepat dan pada masanya
- Memastikan tindakan pembetulan yang tepat diambil untuk menyelesaikan isu ketidakpatuhan tepat pada masanya

4

Tadbir Urus Integriti

- Menilai risiko kritikal rasuah dan tanggungjawab berkaitan integriti secara proaktif
- Memberi nasihat mengenai kesan risiko amalan rasuah dan tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkannya

5

LEMBAGA PENGARAH

Budaya Lembaga Pengarah yang sihat menggalakkan dan mengekalkan amalan tadbir urus yang baik memastikan kepentingan pihak berkepentingan dan mandat daripada kerajaan dilindungi. Amat penting bagi Lembaga Pengarah mempunyai pemahaman yang jelas tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Lembaga Pengarah dipimpin oleh Pengerusi dan disokong oleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) bersama-sama dengan ahli Lembaga Pengarah yang lain yang mempunyai pelbagai kepakaran. Pengerusi bertanggungjawab untuk menerapkan amalan tadbir urus, kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah yang baik. Tanggungjawab setiap Pengerusi dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE) serta Lembaga Pengarah, Jawatankuasa dan pihak pengurusan jelas dinyatakan dalam Piagam Lembaga Pengarah.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Ketika ini, Lembaga Pengarah terdiri daripada lapan (8) ahli yang merupakan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas, seorang (1) Pengarah Eksekutif Bukan Bebas, dan enam (6) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Komposisi semasa Lembaga Pengarah memberikan gabungan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mencukupi, dan kewujudan majoriti Pengarah Bebas Bukan Eksekutif menyediakan semakan danimbangan yang berkesan kepada Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan. Ahli Lembaga Pengarah dapat melaksanakan tugas mereka dan memberikan pertimbangan bebas yang tidak terikat dan tidak berat sebelah bagi menggalakkan tadbir urus korporat yang baik.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PELANTIKAN PENGARAH

Jawatankuasa Penamaan & Imbuan (NRC) bertanggungjawab terhadap calon-calon pengarah. Pemilihan individu yang memiliki gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan adalah amat penting agar Lembaga Pengarah dapat memberikan kepimpinan yang jelas dan berkesan sambil memupuk amalan tadbir urus yang baik. Calon yang berpotensi dipilih daripada pelbagai latar belakang bagi memastikan hanya mereka yang mempunyai gabungan keupayaan, kemahiran dan pengalaman yang tepat akan dipilih. Komposisi Lembaga Pengarah turut dikaji secara berkala untuk memastikan sumbangan yang berkesan dalam setiap pertimbangan oleh Lembaga Pengarah.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk membantu melaksanakan fungsi pengawasannya dan memastikan terdapat semakan dan imbalan dalam urusan fungsi atau bidang tertentu.



Jawatankuasa-jawatankuasa ini mempunyai terma rujukan bertulis yang terpisah dan ditentukan, yang memperincikan skop bidang kuasa dan tanggungjawab mereka yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengerusi setiap jawatankuasa melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dan tindakan yang diambil dalam mesyuarat mereka selepas setiap mesyuarat. Setiap jawatankuasa menyemak tugas dan fungsi masing-masing dan bekerjasama dengan Lembaga Pengarah untuk membuat pelarasan yang diperlukan. Lembaga Pengarah boleh, dari semasa ke semasa, menubuhkan dan mengekalkan jawatankuasa tambahan sekiranya perlu. Namun begitu, tanggungjawab utama untuk membuat keputusan tetap terletak pada Lembaga Pengarah.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan, Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat setiap suku tahunan. Mesyuarat tambahan khas diadakan sekiranya perlu, untuk meluluskan cadangan korporat, pelan perniagaan strategik, dan hala tuju atau hal-hal lain yang memerlukan keputusan Lembaga Pengarah. Untuk perkara-perkara yang memerlukan keputusan dan persetujuan segera Lembaga Pengarah dalam selang waktu antara mesyuarat Lembaga Pengarah, keputusan pekeliling diserahkan kepada Pengarah-pengarah bersama semua maklumat dan penjelasan relevan yang diperlukan agar keputusan yang tepat dapat dibuat.

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

PNB mengamalkan penilaian Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya untuk mengekalkan piawaian tadbir urus korporat tertinggi, sesuai dengan saranan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Pada 5 Disember 2020, Ahli Lembaga Pengarah PNB telah menyetujui pelaksanaan penilaian dalaman terhadap Lembaga Pengarah/Jawatankuasa Lembaga bagi memastikan peranan dan tanggungjawab mereka dilaksanakan dengan berkesan.

PENGENDALIAN MESYUARAT

Pada setiap mesyuarat, Pengerusi Lembaga Pengarah dan setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah masing-masing memberikan penerangan dan menggariskan agenda mesyuarat. Ahli-ahli Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan pada masa sama, menilai kebolehlaksanaan cadangan korporat dan risiko utama yang mungkin memberi kesan ketara terhadap perniagaan PNB atau kedudukan kewangannya, serta faktor-faktor untuk mengurangkan risikonya.

PENGAGIHAN BAHAN-BAHAN MESYUARAT

Pada masa ini, mesyuarat Lembaga Pengarah mengamalkan sistem tanpa kertas dengan penggunaan Sistem

BoardPac. Sistem ini membolehkan Setiausaha Syarikat memberi akses segera kepada bahan-bahan mesyuarat bagi Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Sistem tanpa kertas ini membolehkan mesyuarat Lembaga Pengarah dikendalikan dengan cekap dan ahli-ahli Lembaga Pengarah segera diberi maklumat terkini jika terdapat sebarang pindaan kepada mana-mana kertas kerja mesyuarat.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN NASIHAT

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya mempunyai akses tanpa sekatan untuk khidmat nasihat dan perkhidmatan dalam melaksanakan tugas dan memenuhi kewajipan mereka, kepada pegawai dan kakitangan PNB dan mungkin juga melibatkan pihak ketiga yang bebas sekiranya perlu yang mana perbelanjaannya akan ditanggung oleh Kumpulan.

PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa telah mendedahkan kepada Lembaga Pengarah/Jawatankuasa (melalui Setiausaha Syarikat) apa-apa percanggahan kepentingan yang sebenar atau berpotensi dalam menjadi pengarah atau mempunyai pegangan saham dan sewajarnya menyekat/mengecualikan diri daripada mengundi jika berkenaan.

SETIAUSAHA SYARIKAT KUMPULAN

Setiausaha Syarikat Kumpulan seharusnya berkelayakan dan cekap untuk menyokong Lembaga Pengarah dalam menyediakan nasihat tadbir urus yang bernas, memastikan pematuhan kepada peraturan dan prosedur serta menyokong amalan terbaik tadbir urus korporat.

KEHADIRAN MESYUARAT

Butiran Mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang TK2020 dinyatakan di bawah:

Tarikh	Bilangan Ahli Lembaga Pengarah	Kehadiran Ahli Lembaga Pengarah
15 Januari 2020	8	7/8
5 Mac 2020	8	7/8
14 Mei 2020	7	7/7
15 Jun 2020	7	6/7
25 Ogos 2020	8	8/8
19 Oktober 2020	8	8/8
18 November 2020	8	8/8
4 Disember 2020	8	8/8
7 Disember 2020	8	7/8

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN

Rekod kehadiran Pengarah pada mesyuarat Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti yang berikut:

Ahli Lembaga Pengarah	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	Pengerusi Kumpulan/ Bukan Bebas Bukan Eksekutif	9/9
Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed <i>(Meletak jawatan berkuat kuasa pada 16 Jun 2020)</i>	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan/ Eksekutif Bukan Bebas	3/4
Encik Ahmad Zulqarnain Onn <i>(Dilantik berkuat kuasa dari 1 Julai 2020)</i>	Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan/ Eksekutif Bukan Bebas	5/5
Dato' Asri bin Hamidin @ Hamidon <i>(Dilantik berkuat kuasa dari 23 Julai 2020)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	3/5
Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd. Zahir <i>(Meletak jawatan berkuat kuasa pada 1 Mei 2020)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	0/2
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali	Bebas Bukan Eksekutif	9/9
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari	Bebas Bukan Eksekutif	9/9
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif	9/9
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	9/9
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif	9/9

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Fungsi utama setiap jawatankuasa serta keahlian dan kehadiran dalam mesyuarat semasa TK2020 dinyatakan seperti di bawah.

JAWATANKUASA PENAMAAN & IMBUHAN

Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk menganggotai Lembaga Pengarah PNB dan Syarikat Subsidiari yang Beroperasi, begitu juga Syarikat Strategik, Teras, Kawalan dan Syarikat Pelaburan Minoriti. Jawatankuasa ini turut mengenal pasti dan mengesyorkan calon yang sesuai untuk pelantikan sebagai Presiden/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif di PNB, Syarikat Subsidiari Beroperasi, Syarikat Strategik dan Syarikat Kawalan Pelaburan serta pengurusan utama PNB. Dalam pemilihan calon-calon, Jawatankuasa ini mengikut dasar dan proses yang telah ditetapkan, antara lain ia akan mengambil kira faktor integriti, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman calon.

Di samping itu, Jawatankuasa membantu Lembaga Pengarah untuk memastikan bahawa imbuhan Pengarah dan pengurusan kanan PNB serta Syarikat Subsidiari Beroperasi adalah adil dan berdaya saing. Sambil memberi perhatian sewajarnya terhadap kepentingan semua pihak yang berkepentingan. Jawatankuasa ini juga memastikan bahawa polisi-polisi perlu mengenai pelantikan dan imbuhan bagi para Pengarah dan kakitangan PNB dan Syarikat Subsidiari Beroperasi dipatuhi.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	Pengerusi Kumpulan/ Bukan Bebas Bukan Eksekutif	7/7
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif	7/7
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif	7/7

JAWATANKUASA PELABURAN

Jawatankuasa ini membantu Lembaga Pengarah untuk merangka pelan dan strategi serta membantu pemilihan pelaburan untuk portfolio pelaburan PNB dan dana unit amanahnya, tertakluk kepada had kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini turut mempertimbangkan sebarang cadangan untuk penggabungan dan pengambilalihan.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)	Bukan Bebas Bukan Eksekutif	12/12
Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed (Meletak jawatan berkuat kuasa pada 16 Jun 2020)	Eksekutif Bukan Bebas	3/3
Encik Ahmad Zulqarnain Onn (Dilantik berkuat kuasa dari 6 Julai 2020)	Eksekutif Bukan Bebas	7/7
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	11/12
Datuk Dr. Mohd. Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif	11/12
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif	12/12

JAWATANKUASA AUDIT

Fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk menyemak kualiti dan keberkesanan keseluruhan sistem perakaunan dan kawalan dalaman. Jawatankuasa ini mengkaji kecukupan dan integriti penglibatan audit oleh juruaudit luaran dan dalaman pada setiap tahun kewangan. Dasar perakaunan yang diterima pakai oleh pengurusan dan diterima oleh juruaudit luaran akan disemak secara berkala untuk memastikan pematuhan kepada Standard Perakaunan yang berkenaan. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan aktiviti Jawatankuasa Audit ini dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit pada muka surat 116 hingga 118 dalam Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa ini menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai falsafah pengurusan risiko, polisi dan strategi pengurangan risiko seperti yang dicadangkan oleh pengurusan untuk menguruskan risiko utama Kumpulan PNB. Di samping itu mengawasi dan menyetujui pembangunan dan penyelenggaraan rangka kerja bersepadu pengurusan risiko Kumpulan PNB. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan kehadiran ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dinyatakan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 103 hingga 111 dalam Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PEMATUHAN

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menentukan, meluluskan, menyemak dan memantau Pelan Kerja Pematuhan dan Integriti di Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap suku tahunan untuk menilai dan menyemak hasil penemuan laporan pematuhan dan membuat saranan tentang perkara yang berkenaan. Struktur keseluruhan fungsi pematuhan Kumpulan PNB disemak mengikut keperluan. Maklumat lanjut mengenai komposisi dan kehadiran Jawatankuasa Pematuhan dan Program Pematuhan PNB dinyatakan dalam Penyata Pematuhan dan Integriti Korporat pada muka surat 112 hingga 115 dalam Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA TENDER

Jawatankuasa Tender membantu Lembaga Pengarah untuk mempertimbangkan mengenai tender dan sebut harga untuk setiap aset, bekalan dan perkhidmatan bagi Kumpulan PNB yang bernilai melebihi RM2 juta.

Ahli	Status	Kehadiran
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	3/3
Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed (Meletak jawatan berkuat kuasa pada 16 Jun 2020)	Eksekutif Bukan Bebas	1/1
Encik Ahmad Zulqarnain Onn (Dilantik berkuatkuasa dari 25 Ogos 2020)	Eksekutif Bukan Bebas	2/2
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	3/3

JAWATANKUASA PELABURAN HARTANAH

Matlamat utama Jawatankuasa ini adalah untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab tertentu yang diberikan oleh Lembaga Pengarah berkaitan aktiviti pelaburan hartanah dan bertindak sebagai badan pengawas kepada Lembaga Pengarah. Ini untuk memastikan bahawa pelaburan dibuat adalah mengikut mandat pelaburan dan selari dengan semua peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)	Bukan Bebas Bukan Eksekutif	10/10
Encik Abdul Jalil bin Abdul Rasheed (Meletak jawatan berkuat kuasa pada 16 Jun 2020)	Eksekutif Bukan Bebas	3/3
Encik Ahmad Zulqarnain Onn (Dilantik berkuat kuasa dari 6 Julai 2020)	Eksekutif Bukan Bebas	6/6
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	10/10
Datuk Dr. Mohd. Daud bin Bakar	Bebas Bukan Eksekutif	9/10
Dato' Johan bin Ariffin	Bebas Bukan Eksekutif	10/10

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA RAYUAN

Fungsi Jawatankuasa Rayuan adalah untuk mendengar rayuan kakitangan yang didapati bersalah berikutan salah laku dan untuk menentukan sama ada hukuman yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib setimpal dengan salah laku berkenaan. Jawatankuasa ini turut menimbang rayuan daripada kakitangan yang berkenaan tentang penentuan gaji dan kenaikan pangkat mereka.

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	1/1
Tan Sri Ahmad Badri bin Mohd. Zahir <i>(Meletak jawatan berkuat kuasa dari 1 Mei 2020)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	-
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood <i>(Dilantik berkuat kuasa dari 7 Disember 2020)</i>	Bebas Bukan Eksekutif	1/1
Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Johari	Bebas Bukan Eksekutif	1/1
Datu Haji Soedirman bin Haji Aini	Bebas Bukan Eksekutif	1/1

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk memberi nasihat di samping pandangan dan panduan mengenai perkara berkaitan pematuhan isu-isu Syariah terhadap pelaburan yang dibuat oleh PNB. Jawatankuasa ini juga membantu PNB untuk sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

Ahli	Status	Kehadiran
Datuk Dr. Mohd. Daud bin Bakar (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	Bebas Bukan Eksekutif	0/4*
Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Dato' As-Sheikh Haji Nooh bin Gadot	Bebas Bukan Eksekutif	3/4
Professor Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Abdul Majid	Bebas Bukan Eksekutif	3/4
Dato' Idris bin Kechot	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Dr. Aida binti Othman	Bebas Bukan Eksekutif	4/4

* Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria tidak dapat menjalankan tugasnya.

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Lembaga Pengarah menyedari pentingnya memastikan bahawa pihak berkepentingannya dimaklumkan dan diberi maklumat terkini mengenai perkembangan Kumpulan. PNB melaporkan maklumat terkini aktiviti pelaburannya setiap suku tahun, termasuk keseluruhan peruntukan aset, aset di bawah pengurusan, pendapatan proforma yang digabungkan serentak dan perkembangan berkaitan pelaksanaan Pelan Strategiknya. Menerusi laman web rasmi www.pnb.com.my, orang awam juga boleh memperoleh maklumat terkini mengenai PNB.

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang boleh dipercayai untuk melindungi kepentingan PNB dan pemegang unitnya. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini dinyatakan pada muka surat 103 hingga 111 dalam Laporan Tahunan ini.

POLISI PEMBERI MAKLUMAT DAN POLISI HALANGAN MAKLUMAT

Selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010, dan amalan tadbir urus korporat yang baik, PNB menggalakkan semua pihak yang berkenaan untuk menyetujui sebarang perlakuan tidak wajar tanpa rasa takut terhadap tindakan yang akan dikenakan, menjadi mangsa atau layanan diskriminasi untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang

lebih tinggi. Polisi Pemberitahuan Maklumat PNB memudahkan pendedahan perlakuan tidak wajar yang berkaitan salah laku, penyelewengan, urus niaga haram, tingkah laku tidak senonoh, tidak berdisiplin, pelanggaran amalan atau prosedur yang telah ditetapkan, atau sebarang tindakan yang memudaratkan reputasi dan kepentingan PNB.

Polisi Halangan Maklumat bertujuan antara lain untuk melindungi dan menghalang Kumpulan daripada melakukan kesalahan perdagangan orang dalam. Justeru, adalah penting aturan kerahsiaan dilaksanakan menerusi Dasar Halangan Maklumat. Pengarah, Ahli Jawatankuasa Pelaburan dan semua kakitangan Kumpulan PNB dikehendaki untuk menandatangani Pengisytiharan Kepentingan berkenaan dengan pengambilalihan/pembelian/penjualan sekuriti-sekuriti syarikat dalam borang Pengisytiharan Kepentingan.

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui pentingnya Pengarah-pengarah mendapatkan pendidikan berterusan bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi mereka dan memenuhi cabaran industri tertentu. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah terus menilai keperluan latihan untuk setiap Pengarah. Dalam tahun kewangan ini, semua ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel tentang pelbagai isu semasa yang relevan dengan PNB untuk mengemaskini pengetahuan mereka mengenai perkembangan undang-undang dan peraturan baharu.

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri oleh Pengarah-pengarah dalam TK2020 adalah seperti berikut:

Kategori	Program Latihan Yang Dihadiri
Perbankan	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan tentang Bank Pusat: Kebebasan Bank Pusat, anjuran Asia School of Business • Perbankan Pusat dalam Era COVID-19 - Kecairan Global dan Pemberi Pinjaman Terakhir, anjuran Columbia University • Perbincangan tentang Bank Pusat - Membina Daya Tahan dan Rangka Kerja Dasar, anjuran Asia School of Business • Perbincangan tentang Bank Pusat - Mengurus Krisis Kewangan Makro, anjuran Asia School of Business
Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> • Lembaga Pengarah dan Kepimpinan Lestari untuk Dekad Tindakan, anjuran Sime Darby Property Berhad
Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembiayaan untuk Pembangunan dalam Era COVID-19 dan Seterusnya, anjuran Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Asia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCAP) • Forum Maya Bilik Lembaga Pengarah Global Financial Times: Membentuk Pemulihan anjuran FT Global • Perbincangan Meja Bulat Hutang Global dan Kestabilan Kewangan IIF 2020, anjuran Institut Kewangan Antarabangsa
Pengurusan Korporat	<ul style="list-style-type: none"> • Webinar tentang Apa Selepas COVID-19: Dilema Perniagaan - Bagaimana Menukar Cabaran kepada Peluang, anjuran Majlis Produktiviti Malaysia
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Perbingangan Meja Bulat WIEF tentang Rejuvenasi Ekonomi: Laluan Ke Arah Pertumbuhan, anjuran Yayasan Forum Ekonomi Islam Dunia • Bengkel tentang Hala Tuju Gas Asli untuk Rancangan Malaysia ke-12, anjuran Kementerian Hal Ehwal Ekonomi • Bank Pusat: Mengemudi dalam Masa Sukar, "Komunikasi ketika Tempoh Krisis", anjuran Asia School of Business-Iclif Executive Education Center

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kategori	Program Latihan Yang Dihadiri
Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> • Memikirkan Semula Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam Pasca Era Pandemik, anjuran Institut Bank Indonesia • Mengemudi Pandemi: Pemulihan Pelbagai Kelajuan dalam Perbincangan Meja Bulat Maya Asia, anjuran Tabung Kewangan Antarabangsa • Memahami Kepentingan Pembiayaan dalam Konteks COVID-19 Pemulihan Asia Tenggara dan Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestaria, anjuran UNESCAP • Perbualan tentang Perbankan Pusat - Bagaimanakah Rangka Kerja Bersepadu Memberi Manfaat kepada Ekonomi Membangun?, anjuran Asia School of Business • Keadaan Ekonomi di Malaysia - Mengharungi Ribut oleh Bank Dunia, anjuran Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) • Keadaan Ekonomi di Malaysia: Pemulihan Ekonomi Malaysia oleh Bank Negara Malaysia, anjuran PIDM • Malaysia dan ASEAN: Mengemudi hubungan A.S.-China dalam Abad ke-21, anjuran PNB Research Institute Sdn. Berhad. • Prospek Industri Hartanah: Perbincangan Panel: COVID-19 - Apakah Realiti untuk Industri Hartanah Malaysia, anjuran Sime Darby Property Berhad • Strategi & Transformasi dalam Hartanah: Trend Yang Memberi Kesan Pada Ruang Hartanah Global, anjuran Sime Darby Property Berhad • Prospek Makroekonomi: Impak Pandemi terhadap Ekonomi Malaysia dan Perjalanan Kita ke arah Pemulihan, anjuran Sime Darby Property Berhad • Pemulihan Ekonomi: Merenung Semula Krisis Kewangan 1997, anjuran Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) • Panel Dialog Kerjasama BFA Asia-Eropah: Dapatkah Globalisasi Mengharungi COVID-19?, anjuran Boao Forum for Asia & Reinventing Bretton Woods Committee • Sidang Kemuncak Ekonomi AMEU 2020, anjuran Persatuan Siswazah Ekonomi Malaysia • Syarahan Peringatan YTI 2020 - "How Safe Are the Safe Haven Assets in Malaysia - Lessons From COVID-19 Pandemic", anjuran PNB
Pengurusan Krisis	<ul style="list-style-type: none"> • Mengurus Risiko Penipuan: Adakah Anda Melakukan Secukupnya?, anjuran PwC Malaysia • Sokongan Kewangan dalam Masa Krisis oleh Prof. Hans Genberg, anjuran Asia School of Business-Iclif Executive Education Center • Dilema Bank Pusat pada Masa Krisis: Bebas, Tunduk atau Bergantung Bersama dengan Kerajaan?, anjuran Asia School of Business-Iclif Executive Education Center • AIBB pada tahun 2021 dan Seterusnya: Peralihan daripada Tindak Balas Krisis kepada Pemulihan Mampan, anjuran Bank Pelaburan Infrastruktur Asia
Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggaran Data - Adakah Anda Bersedia?, anjuran Securities Industry Development Corporation (SIDC) • Latihan Privasi Data, anjuran Axiata, Zul Rafique and Partners, dan Herbert Smith Freehills
Pengurusan Risiko	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Landskap Risiko 2020, anjuran Etiqa Insurance & Takaful • Bengkel Risiko Lembaga Pengarah Tahunan 2020, anjuran Maybank Berhad • Seminar Pengurusan Aset dan Risiko Ulang Tahun OMFIF ke-10, anjuran Official Monetary and Financial Institutions Forum (OMFIF)
Audit	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan Meja Bulat Maya Institut Jawatankuasa Audit 2020, anjuran KPMG
Tadbir Urus Korporat	<ul style="list-style-type: none"> • Pengarah Bebas: Forum Maya Teka Teki Yang Hilang, anjuran SIDC dan Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (Brunei) • Transformasi Senyap Tadbir Urus Korporat, anjuran Sime Darby Property Berhad
Undang-undang & Pematuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan Pertahanan: Seksyen 17A, Akta SPRM, anjuran Asia School of Business • Seksyen 934 - Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan & Liabiliti Korporat di bawah Akta SPRM, anjuran Nature of Life Training • Program Pengarah Pasaran Modal, anjuran SIDC • Taklimat Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, anjuran Etiqa Insurance & Takaful • Bengkel Pematuhan 2020, anjuran Etiqa Insurance & Takaful • Latihan Kesedaran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, anjuran Mitraland Groups

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

1.0 PENYATA PENGURUSAN RISIKO

SOROTAN

Kejadian-kejadian di peringkat global pada tahun 2020 telah secara signifikan menghambat kemajuan dan pertumbuhan ekonomi dunia, sehingga hampir terhenti sepanjang tahun. Tahap ketidakpastian tinggi yang disebabkan oleh faktor-faktor mendesak seperti pandemik COVID-19, ketegangan geopolitik dan turun naik pasaran yang tidak menentu telah menyebabkan perubahan struktur kepada ekonomi dan sektor kewangan. Seterusnya, risiko yang timbul daripada landskap yang mencabar ini menuntut keperluan mengukuhkan proses pengurusan risiko sedia ada dalam menjaga kepentingan para pemegang kepentingan PNB, khususnya pemegang unit.

Sepanjang tahun ini, Kumpulan PNB telah mengaktifkan Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) yang merupakan sebahagian daripada rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM), untuk memastikan semua fungsi perniagaan penting dapat meneruskan operasinya sepanjang pandemik COVID-19. Pada masa yang sama, syarikat terus membina dan meningkatkan daya tahan operasinya dengan mengukuhkan struktur tadbir urusnya melalui semakan berterusan dan memperhalusi rangka kerja ERM syarikat

untuk memastikannya selaras dengan strategi perniagaan, keperluan peraturan dan amalan terbaik PNB.

Kebebasan fungsi pengurusan risiko dan penyelarasan yang dekat dengan perniagaan memastikan pengawasan risiko yang konsisten dan berkesan melalui:

- Sistem pengurusan risiko kukuh yang relevan dan berdaya tahan dalam menangani landskap risiko yang sentiasa berubah, memastikan bahawa risiko diuruskan dengan berkesan dalam organisasi;
- Proses pengurusan risiko menyeluruh yang menyediakan rangka kerja untuk membina daya tahan organisasi dalam memastikan fungsi perniagaan kritikal dapat terus beroperasi semasa waktu yang mencabar; dan
- Budaya risiko proaktif yang diterapkan dalam Kumpulan, dengan set kemahiran dan kelayakan yang sesuai.

2.0 STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO

PNB telah menetapkan garis tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas untuk proses pengurusan risiko dengan menggunakan Model Tiga Barisan Pertahanan seperti yang ditunjukkan di bawah.



Gambar Rajah 1: Model Tiga Barisan Pertahanan Kumpulan PNB

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

2.1 PEMANTAUAN PENGURUSAN KANAN

2.1.1 Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menetapkan matlamat dan polisi pengurusan risiko serta menentukan rentak pengurusan kanan dalam memupuk persekitaran pengurusan risiko dan fungsi pengurusan risiko yang kukuh, berpengaruh dan dihormati. Lembaga Pengarah akan memastikan sistem pengurusan risiko dalam Kumpulan adalah cukup mantap untuk bertindak balas terhadap perubahan dalam persekitaran perniagaan dan menyokong PNB dalam mencapai matlamatnya.

Lembaga Pengarah telah menugaskan tanggungjawab mereka kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC) yang dibantu oleh Jawatankuasa Pemanduan Pengurusan Risiko (RMSC). Namun begitu, Lembaga Pengarah mengiktiraf tanggungjawab keseluruhannya bagi pewujudan dan pemantauan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) PNB.

2.1.2 Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC bertanggungjawab untuk membantu Lembaga Pengarah dengan mengawasi dan meluluskan pembangunan serta semua rangka kerja dan aktiviti pengurusan risiko yang sedang berjalan. RMC diberikan tanggungjawab untuk menilai, mengenal pasti, mengukur dan memantau keseluruhan pendedahan risiko Kumpulan dan memastikan tahap pengurangan risiko yang mencukupi disediakan.

Komposisi dan Kehadiran

RMC hendaklah terdiri daripada maksimum lima ahli atau minimum tiga ahli Lembaga Pengarah Kumpulan PNB, yang kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dengan nisbah minimum Pengarah Bebas Bukan Eksekutif ditetapkan pada satu pertiga daripada bilangan ahli Jawatankuasa. Pada masa ini, Jawatankuasa ini terdiri daripada tiga ahli, dan kesemuanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Jawatankuasa ini bermesyuarat seberapa kerap yang dirasakan perlu dan/atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah, tetapi tidak kurang daripada empat kali setahun, yang mana akan diadakan sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa. Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah empat mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun kajian.

Komposisi RMC dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Datuk Mohd. Anwar bin Yahya	Bebas Bukan Eksekutif	4/4

2.1.3 Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko (RMSC)

RMSC merupakan jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan (PGCE). Ia bertanggungjawab secara langsung untuk menyokong, menyelaras dan memantau semua program pengurusan risiko Kumpulan, seperti yang ditugaskan oleh RMC. RMSC turut mengemukakan sebarang cadangan kepada Lembaga Pengarah menerusi RMC bagi setiap perkara berkaitan aktiviti pengurusan risiko di bawah bidang kuasanya atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah.

Dalam meningkatkan usaha ke arah menanam budaya risiko yang sihat dan amalan pengurusan risiko bersepadu di seluruh syarikat, RMSC turut dibantu oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil Pengurusan Risiko. Jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini ditubuhkan dalam kalangan peringkat kumpulan kerja bagi mengenal pasti, membincangkan dan/atau menilai hal-hal yang berkaitan dengan risiko dan untuk menyediakan penyelesaian yang merangkumi seluruh jabatan atau unit perniagaan. Hal-hal yang berkaitan dengan risiko diserahkan kepada RMSC untuk pertimbangan lebih lanjut.

3.0 RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PERNIAGAAN PNB (ERM)


Rangka kerja ERM menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan mengurus risiko dalam Kumpulan PNB. Ia memastikan PNB mengoptimalkan pulangnya daripada aktiviti pengambilan risiko dalam tahap selera risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

3.1 Proses Pengurusan Risiko

Elemen utama ERM yang berkesan adalah seperti berikut:

- Proses Penilaian Risiko: Proses keseluruhan yang merangkumi mengenal pasti, analisis dan penilaian risiko seperti yang didokumenkan dalam Daftar Risiko.
- Pemantauan dan Semakan Risiko: Daftar Risiko dan Petunjuk Risiko Utama (KRI) digunakan oleh pihak pengurusan sebagai alat untuk memantau dan mengurus perubahan dalam pendedahan risiko dari semasa ke semasa.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN




Gambar Rajah 2: Proses Pengurusan Risiko PNB

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

3.2 Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Objektif utama penubuhan rangka kerja ERM yang berstruktur dan bersepadu ini dinyatakan seperti berikut:

- Mengetahui pasti, menganalisis dan memahami setiap risiko material di semua peringkat dalam Kumpulan;
- Memastikan risiko diuruskan sejajar dengan Kesanggupan Mengambil Risiko PNB;
- Menerapkan pengurusan risiko dalam membuat keputusan harian;
- Memastikan strategi, polisi, kawalan operasi yang berkesan dan tindakan pengurangan lain yang bersesuaian serta beroperasi dengan berkesan; dan
- Memudahkan budaya risiko proaktif.



Gambar Rajah 3: Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi PNB

Rangka kerja ini menyediakan persekitaran kawalan yang kukuh menerusi pelaksanaan sistem dan proses penilaian risiko yang sesuai untuk mengawal risiko sejajar dengan garis panduan yang utama dan relevan seperti:

- Garis Panduan Dana Unit Amanah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) 31000: 2018 Pengurusan Risiko;
- Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) 22301: 2012 untuk Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan; dan
- Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia.

3.3 Rangka Kerja Selera Risiko PNB

Selera risiko ialah tahap dan jenis risiko yang sedia ditanggung oleh PNB dalam usahanya mencapai objektif perniagaannya. Rangka kerja ini digunakan untuk menerangkan dengan jelas Penyata Selera Risiko (RAS) PNB dengan langkah dan metodologi yang disarankan. Selanjutnya, langkah-langkah RAS ini diterapkan ke dalam struktur pengurusan risiko PNB dan digabungkan ke dalam objektif perniagaan dan operasi PNB dengan tujuan berikut:

- Untuk menyatakan jenis dan kuantum risiko yang dihadapi oleh PNB berdasarkan nilai teras, strategi, kecekapan pengurusan risiko serta jangkaan pemegang saham;
- Untuk merumuskan had sensitif risiko kepada tahap perniagaan dan jenis risiko; dan
- Untuk menentukan penyangga risiko yang mencukupi untuk menyokong senario tekanan dengan tahap selera risiko PNB.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

3.4 Polisi Petunjuk Risiko Utama (KRI)

KRI digunakan oleh pihak pengurusan sebagai alat untuk memantau dan menguruskan perubahan dalam pendedahan risiko utama dari semasa ke semasa. Ia memberi kefahaman kepada pendedahan risiko operasi perniagaan dan juga kelemahan operasi dan kawalan melalui pemantauan terhadap pendorong utama pendedahan yang berkaitan dengan risiko utama. KRI bertindak terutamanya sebagai isyarat amaran awal potensi berlakunya risiko dan isu kawalan yang mungkin timbul dalam persekitaran perniagaan semasa.

Papan muka KRI Organisasi dan Jabatan, yang memantau risiko utama yang boleh menyebabkan kebimbangan atau masalah serius, secara berkala disampaikan kepada RMSC dan RMC oleh Jabatan Pengurusan Risiko.

3.5 Polisi Pengurusan Insiden (IMP)

Polisi Pengurusan Insiden (IMP) PNB menggariskan keperluan minimum dan proses untuk mengenal pasti, merekod, melapor dan mengurus insiden dalam PNB. Objektif IMP ini adalah seperti berikut:

- Untuk meminimumkan kesan, pendedahan kepada kerugian dan gangguan disebabkan oleh insiden yang menjejaskan Kumpulan; dan
- Untuk memastikan semua pihak berkepentingan mendapat maklumat secukupnya dan terlibat sewajarnya dalam penyelesaian sebarang insiden.

“Insiden” ditakrifkan sebagai risiko operasi atau peristiwa pematuhan yang berpunca daripada kegagalan proses dalaman, manusia, sistem, atau peristiwa luaran yang berpotensi memberi kesan kewangan, reputasi atau pengawalseliaan terhadap PNB. Ia termasuk peristiwa yang nyaris berlaku, yang boleh menyebabkan kerugian kewangan.

IMP mempunyai kaitan kepada Polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM). Semua insiden bergantung kepada tahap keparahan, dan disampaikan kepada Jawatankuasa Pengurusan masing-masing dengan segera.

Pasukan Pengurusan Krisis akan diaktifkan untuk mengurus dan menyelaraskan tindak balas strategik secara berpusat untuk meminimumkan kerugian dan gangguan kepada operasi perniagaan.

3.6 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Pasaran & Kecairan (MLR)

Rangka kerja MLR yang mantap menyediakan proses untuk PNB dan dana di bawah pengurusannya untuk mengukur, menilai, memantau dan menguruskan risiko pasaran dan kecairannya. Proses ini melibatkan pelaporan berkala kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan masing-masing.

Risiko pasaran adalah risiko kerugian dari perubahan nilai portfolio untuk PNB dan dana di bawah pengurusannya disebabkan oleh turun naik harga pasaran. Pendekatan mantap ke arah pengurusan risiko pasaran melibatkan kajian berterusan terhadap pelbagai metodologi dan metrik risiko, serta laporan berkala untuk memantau risiko di peringkat dana dan kelas aset. Ini dilakukan berdasarkan pengukuran dan pendekatan risiko di seluruh industri, antara lain tetapi tidak terhad kepada nilai yang berada pada risiko, nisbah maklumat dan metrik yang disesuaikan dengan risiko lain, dan ujian tekanan untuk memastikan bahawa risiko dapat dikenal pasti dan dinilai dengan secukupnya. Pelan mitigasi yang sesuai kemudiannya dibuat untuk meminimumkan kerugian semasa keadaan pasaran yang teruk.

Risiko kecairan berkaitan dengan ketidakmampuan PNB dan dana di bawah pengurusannya untuk mendapatkan dana yang diperlukan bagi memenuhi tanggungjawabnya atau untuk membiayai peningkatan aset. Risiko kecairan diuruskan dengan memperuntukkan secara strategik minimum 5% daripada aset dana dalam pasaran wang dan hingga 15% daripada aset dana dalam pelaburan mudah cair yang merangkumi pasaran wang, sekuriti pendapatan tetap berkaitan kerajaan dan ekuiti awam. Pemantauan dan kajian berterusan terhadap metrik risiko kecairan, antara lainnya tetapi tidak terhad kepada, nisbah liputan kecairan dan pelaporan berkala bagi papan muka risiko kecairan kepada pihak Pengurusan dilakukan untuk menilai kecukupan tahap kecairan dana dengan secukupnya berbanding unjuran perjualan baik bersih unit.

Elemen utama rangka kerja MLR adalah seperti berikut:

3.6.1 Ujian Tekanan

Sebagai sebahagian daripada pemantauan berterusan, PNB melakukan ujian tekanan berkala yang direka untuk mengukur kesan kemungkinan berlaku tekanan pasaran yang berpotensi terhadap PNB dan dana di bawah pengurusannya. Pendekatan ujian tekanan merangkumi perspektif berdasarkan risiko yang mempertimbangkan kemungkinan hasil berdasarkan jangkaan dan senario pasaran yang sangat teruk.

3.6.2 Pelan Pendanaan Luar Jangka

Pelan Pendanaan Luar Jangka dibangunkan untuk mengenali faktor dalaman dan luaran yang boleh mempengaruhi kecairan PNB dan dana di bawah pengurusannya. Ia menetapkan strategi untuk menangani kekurangan kecairan dalam situasi krisis, menetapkan garis tanggung jawab yang jelas, menggambarkan dengan jelas prosedur permohonan dan peningkatan meminta bantuan dan mengemukakannya. Pelan ini diuji dan dikemaskini secara berkala, untuk memastikan ia beroperasi dengan baik selaras dengan Pelan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan PNB.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

3.7 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Reputasi

Kumpulan PNB mentakrifkan risiko reputasi sebagai risiko apabila reputasinya dicemari oleh satu atau lebih peristiwa seperti yang digambarkan dengan publisiti negatif mengenai amalan perniagaannya, perlakuannya atau prestasi kewangannya. Publisiti negatif ini boleh menjejaskan keyakinan pemegang unit dan pelbagai pihak berkepentingan terhadap Kumpulan. Bidang utama risiko reputasi untuk Kumpulan PNB diwakili oleh pemacu risiko reputasi dan tahap risiko reputasi diukur melalui Indeks Komposit Risiko Reputasi (RRCI).

3.8 Rangka Kerja Budaya Risiko (RCF)

RCF menggariskan bidang fokus utama untuk penambahbaikan, berdasarkan kepada jurang dan cabaran yang dikenal pasti, untuk terus memperkukuhkan lagi usaha budaya risiko ke arah menanam budaya risikan risiko. Ia termasuk memastikan pengemukaan risiko yang cepat, pengesanan dan pengurusan risiko yang efektif di peringkat organisasi dengan menjangkakan dan mengurus cabaran. Pergantungan antara Pertahanan Barisan Pertama dan Kedua sangat penting untuk memastikan alat dan platform pemantauan risiko dilaksanakan dengan berkesan dan berjaya dalam meningkatkan tahap kematangan budaya risiko.

PNB melaksanakan RCF dengan objektif yang berikut:

- Untuk meningkatkan tahap kecekapan dan keupayaan fungsi risiko di seluruh organisasi;
- Untuk memupuk budaya di mana setiap individu bertanggungjawab dalam memastikan integriti, akauntabiliti dan ketelusan; dan
- Untuk mengenali dan memberi penghargaan kepada individu/jabatan/pemimpin yang menunjukkan tingkah laku tadbir urus yang baik.

3.9 Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

Elemen utama rangka kerja ORM adalah seperti berikut:

- Pengurusan Risiko Operasi; dan
- Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM).

3.9.1 Pengurusan Risiko Operasi (ORM)

ORM menggariskan proses untuk mengenal pasti, menilai, memantau dan menguruskan risiko operasi dalam lingkungan PNB. Bersandarkan latar belakang ini, rangka kerja ORM menyumbang kepada pengurusan tentang keputusan prestasi dan menyokong keputusan yang dibuat dalam perniagaan. ORM mengukur risiko kerugian dari proses dalaman yang tidak mencukupi atau gagal, orang dan sistem yang tidak mencukupi atau daripada peristiwa luaran. Kerugian operasi ialah kerugian kewangan sebenar akibat daripada risiko operasi.

PNB melaksanakan ORM dengan objektif yang berikut:

- Untuk menguruskan risiko operasi selari dengan penyata Selera Risiko PNB;
- Untuk memacu penambahbaikan perniagaan menerusi pengurusan risiko operasi yang berkesan; dan
- Untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang boleh menjejaskan keupayaan PNB untuk mencapai objektif perniagaan.

Rangka kerja ORM meliputi, antara lain, bidang sumber manusia, teknologi, pengurusan penyumberan luar dan vendor, kepatuhan dan integriti, keselamatan fizikal dan manusia, jenayah kewangan, kesinambungan perniagaan, keselamatan dan kesihatan, dan pengurusan risiko projek.

3.9.2 Polisi Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCM)

PNB telah mewujudkan program BCM yang mantap dan berkesan untuk memastikan kesinambungan fungsi perniagaan teras sekiranya berlaku gangguan perniagaan atau keadaan yang tidak dijangka.

Polisi BCM menggariskan proses, keperluan minimum dan peranan serta tanggungjawab BCM dalam lingkungan Kumpulan PNB. PNB melaksanakan Polisi BCM dengan objektif yang berikut:

- Untuk mengekalkan kesinambungan organisasi semasa berlakunya krisis dengan melindungi nyawa manusia dan memudahkan penyambungan semula proses kritikal perniagaan tepat pada masanya;
- Untuk memastikan pembekalan operasi perniagaan, perkhidmatan dan produk utama terus dikekalkan pada tahap yang sewajarnya; dan
- Untuk melindungi reputasi dan imej Kumpulan.

Polisi BCM dan pelan bersepadunya terus dipantau, ditambah baik dan disampaikan kepada semua peringkat bagi memastikan Kumpulan bersedia sedia sekiranya berlaku krisis.

Latihan Simulasi BCM dijalankan secara berkala untuk mengenal pasti jurang dan menilai keberkesanan dan ketuhanan pelan, proses dan kemampuan PNB menghadapi krisis.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN



Gambar Rajah 4: Polisi dan Program BCM PNB

INISIATIF UTAMA DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2020

Dalam memberikan sokongan berterusan terhadap objektif PNB dan Pelan Strategik 2020-2022 yang juga dikenali sebagai Focus 4, inisiatif pengurusan risiko utama yang dilaksanakan meliputi yang berikut:

4.1 Penambahbaikan Proses Tadbir Urus Risiko

Mengalakkan inisiatif tadbir urus korporat yang baik dengan meningkatkan komitmen PNB dalam memupuk budaya risiko proaktif di seluruh organisasi yang dipandu oleh rangka kerja ERM. Inisiatif-inisiatif ini memastikan risiko yang ketara dikenal pasti dan dinilai, dan langkah-langkah yang sesuai dilaksanakan untuk mengurangkan risiko tersebut. Ke arah usaha ini, syarikat juga telah berjaya mengautomasikan proses pemantauan dan pelaporan risikonya melalui penyelesaian pengurusan risiko bersepadu.

4.2 Memperhalus Rangka Kerja, Polisi dan Pelan Sedia Ada

Membangun dan meningkatkan daya tahan organisasi terhadap potensi ancaman dengan memperhalus rangka kerja, polisi, pelan dan pendekatan sedia ada selari dengan strategi perniagaan, keperluan kawal selia dan amalan terbaik organisasi. Beberapa pencapaian penting yang dicapai oleh organisasi termasuk:

4.2.1 Pengurusan Lestari

Pengurusan Lestari dimulakan dengan sasaran untuk diselesaikan pada tahun 2021. Ia memberi tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Perkara ini sejajar dengan Hala Tuju Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab (SRI) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang bertujuan untuk mewujudkan ekosistem SRI yang memudahkan dalam memacu pembangunan lestari Malaysia.

4.2.2 Polisi Integriti - Menurut Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM)

Pengoperasian pelbagai polisi integriti menurut Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM) iaitu, Kod Etika Perniagaan, Pernyataan Polisi Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah dan Integrity Pact (Ikrar Integriti) Perolehan dan Proses Ketekunan Wajar; pelaksanaan Deklarasi Integriti Kakitangan oleh semua kakitangan serta proses peningkatan Polisi Pemberi Maklumat untuk memastikan kepatuhan kepada amalan terbaik dan keperluan pengawalseliaan.

4.2.3 Pengurusan Risiko Teknologi

Memperkukuhkan keupayaan menghadapi risiko teknologi apabila PNB memulakan perjalanan Transformasi Digitalnya melalui penilaian berterusan mengenai pelbagai pengupayaan langkah dan strategi mitigasi IT. Antara lain langkah ini termasuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan, membangun kebolehpercayaan sistem, menambah baik daya tahan dan meningkatkan tadbir urus teknologi. Seterusnya ini meningkatkan ketangkasan PNB untuk menyesuaikan organisasi dengan persekitaran yang mencabar, dan pada masa yang sama mengurus risiko teknologi dan keselamatan siber dengan berkesan. Perkara ini juga merangkumi latihan simulasi siber dan meningkatkan kesedaran berterusan di peringkat organisasi.

4.2.4 Rangka Kerja Budaya Risiko (RCF)

Penubuhan RCF untuk menyokong usaha organisasi ke arah memupuk budaya risiko yang sihat dengan meningkatkan kecekapan dan keupayaan fungsi risiko sedia ada di seluruh organisasi melalui program risiko berstruktur yang selari dengan keperluan perniagaan. Jawatankuasa Kecil Pengurusan Risiko telah ditubuhkan untuk memupuk kerjasama dan perkongsian pengetahuan bagi mengurus dan menyediakan penyelesaian terhadap risiko bersama yang merangkumi bahagian/jabatan dalam PNB untuk memperkukuh pengawalan tadbir urus dan budaya risiko sosial dalam organisasi.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

4.2.5 Penanda Aras terhadap Amalan Terbaik

Penanda aras terhadap amalan terkemuka industri, dan dengan mencapai kelestarian organisasi dengan menilai tahap kematangan amalan pengurusan risiko organisasi untuk menghadapi cabaran domestik dan global.

5.0 MELANGKAH MAJU KE TAHUN 2021

Jabatan Pengurusan Risiko akan terus menyokong PNB dalam misinya untuk pendekatan pengurusan risiko syarikat melalui peningkatan komitmen dalam memupuk budaya risiko proaktif di seluruh organisasi. Jabatan akan tetap fokus pada pelaksanaan perjalanan Pelan Pembangunan ERM lima tahun dan memberi tumpuan kepada bidang berikut untuk menyokong PNB dalam mencapai objektif Focus 4:

- Meningkatkan tadbir urus risiko dengan memupuk inovasi dan memperteguhkan budaya risiko sosial melalui strategi risiko yang disatukan dengan tujuan mengurus pendedahan risiko secara berkesan dan terus meningkatkan usaha budaya risiko di PNB;
- Memanfaatkan data yang mantap dalam pelaporan risiko pelaburan. Ini bagi menyokong proses pemantauan risiko dan memberikan maklumat masa nyata untuk proses membuat keputusan yang cepat, yang merupakan sebahagian daripada inisiatif Transformasi Digital; dan
- Meningkatkan kecekapan dan kemampuan fungsi risiko sedia ada di seluruh organisasi melalui program risiko berstruktur untuk menyokong inisiatif keseluruhan rantai nilai modal insan.

FUNGSI AUDIT DALAMAN

Jabatan Asurans Dalaman (IAD) melapor terus kepada Jawatankuasa Audit (AC) Lembaga Pengarah PNB dan adalah bebas daripada aktiviti dan operasi perniagaan dan unit sokongan lain.

Tanggungjawab utama IAD adalah untuk menyediakan perkhidmatan asurans yang bebas, munasabah dan objektif serta perkhidmatan rundingan yang direka untuk menambah nilai dan meningkatkan kecekapan operasi Kumpulan PNB.

Dalam membantu Kumpulan mencapai objektifnya, IAD menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai kecukupan, kecekapan dan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.

IAD membangunkan pelan audit tahunan berdasarkan risiko yang menetapkan penglibatan audit dalam Kumpulan PNB untuk tahun ini. Pelan audit, yang dikaji dan dipersetujui oleh AC, disemak semula dengan sewajarnya untuk memasukkan perubahan yang signifikan kepada risiko dan petunjuk utama yang mungkin mempengaruhi penglibatan audit.

Laporan IAD dibincangkan di peringkat pengurusan kanan dan pelan tindakan disusun untuk menyelesaikan tindakan pencegahan dan pembetulan yang diperlukan. Hasil penemuan IAD dan tindak balas Pengurusan juga dibentangkan kepada AC untuk memastikan bahawa pihak Pengurusan melaksanakan tindakan pemulihan yang telah dipersetujui. Selepas itu, IAD melakukan audit susulan di jabatan atau unit perniagaan yang berkenaan untuk memastikan bahawa pelan tindakan yang perlu dijalankan untuk mencapai hasil yang diharapkan.

Amalan audit IAD menepati Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) yang diterbitkan oleh US Institute of Internal Auditors Inc A.S. dan garis panduan pengawalseliaan yang berkaitan. IAD juga merupakan ahli korporat Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM) dan mematuhi standard yang dikeluarkan oleh IIAM.

Skop liputannya merangkumi semua unit perniagaan dan sokongan PNB, termasuk syarikat-syarikat subsidiarinya. Pada bulan Jun 2020, unit baru dalam IAD ditubuhkan, iaitu Asurans Kualiti dan Projek Khas (QASP). Unit ini bertanggungjawab menjalankan aktiviti asurans kualiti dalam IAD selaras dengan IPPF dan juga menjalankan projek khas.

Seterusnya pada bulan Ogos 2020, tanggungjawab IAD telah diperluas dengan kemasukan Unit Audit Kualiti Dalaman (IQA). Objektif utamanya adalah untuk memberikan penilaian dan asurans bebas terhadap entiti yang disahkan dalam Kumpulan PNB, direka untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap pematuhan kepada dokumentasi dan keperluan piawaian Pertubuhan Piawaian Antarabangsa (ISO) yang berkenaan. Pada masa ini, terdapat dua (2) persijilan ISO yang dikekalkan iaitu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2015 dan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900: 2014.

Metodologi audit yang sama dilaksanakan dalam menjalankan Audit Kualiti Dalaman seperti dengan Audit Kualiti Bukan Dalaman, yang meliputi perancangan audit, ujian kawalan, prosedur substantif, pelaporan dan Tindakan susulan pemulihan.

PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

IAD diketuai oleh Noramly bin Bachok @ Abdul Aziz, yang merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan IIAM. Beliau juga merupakan ahli jempunan tetap ke Jawatankuasa Pematuhan Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Teknologi dan Jawatankuasa OSHA di PNB. IAD terdiri daripada 34 kakitangan, yang dipisahkan menjadi enam unit iaitu:

PNB & Syarikat Subsidiari	1	Teknologi Maklumat	4
Pelaburan	2	Audit Kualiti Dalaman	5
Dana Amanah	3	Asurans Kualiti dan Projek Khas	6

PROSEDUR OPERASI STANDARD

Prosedur Operasi Standard (SOP) dibangunkan untuk meraih kecekapan, output berkualiti dan prestasi yang standard, pada masa yang sama, mengurangkan ketidakpatuhan kepada keperluan kawal selia. SOP ini memberikan arahan dan garis panduan untuk kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan tepat dan konsisten untuk mencapai hasil akhir dengan kualiti yang diinginkan, dan merupakan elemen penting dalam sistem kawalan dalaman PNB.

Dengan menggabungkan pendekatan berasaskan risiko seperti yang ditetapkan dalam ISO 9001:2015, SOP peringkat jabatan yang diwujudkan oleh PNB adalah selari dengan polisi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, dan berjaya memenuhi keperluan prasyarat tadbir urus korporat yang baik di semua jabatan. SOP berasaskan risiko ini membantu kakitangan untuk menjadi lebih sedar dan berhati-hati dengan risiko yang berkaitan dengan pekerjaan mereka.

Penambahbaikan SOP sedia ada dan pembentukan SOP yang baharu juga merupakan elemen yang penting dalam pelaksanaan fasa projek Kejuruteraan Semula Proses Perniagaan. Langkah ini membentuk asas bagi kejayaan penyerahan kepada pemilik perniagaan pada peringkat akhir setiap projek. PNB juga telah menubuhkan Pangkalan Data Proses Perniagaan (eBPD) elektronik bagi memastikan dokumentasi yang secukupnya untuk semua SOP. SOP yang digunakan dalam eBPD ini dilindungi secukupnya dan dapat diakses oleh kakitangan untuk difahami dan dilaksanakan oleh semua kakitangan PNB.

JAMINAN DARIPADA PGCE DAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN (GCFO) PADA PENGAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO

Lembaga Pengarah telah diberi jaminan oleh PGCE dan GCFO bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan baik dan berkesan dalam semua aspek penting untuk tahun kewangan yang dikaji sehingga tarikh kelulusan Penyata ini.

PENYATA PEMATUHAN KORPORAT DAN INTEGRITI

Sejajar dengan visi PNB untuk menjadi Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia, PNB menyasarkan untuk mencapai standard tadbir urus dan pematuhan tertinggi dengan kehendak undang-undang dan pihak berkuasa kawal selia. PNB, yang diberi lesen oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), ditadbir oleh peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh SC, peruntukan Akta, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, dan undang-undang lain yang berkaitan. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, PNB komited untuk menegakkan dan menjaga kepentingan para pemegang kepentingannya, pada masa sama mendukung standard ketelusan dan akauntabiliti tinggi yang sangat penting untuk memelihara reputasinya.

PNB meneruskan pendekatannya yang sistematik dan jelas dengan mekanisme pengujian dan pemantauan yang mantap bagi memastikan pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan, polisi dan prosedur dalaman dan standard etika yang berkaitan.

STRUKTUR TADBIR URUS PEMATUHAN

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa ini dibentuk untuk menentukan, menyetujui, mengkaji dan memantau Pelan Kerja Pematuhan dan Integriti masing-masing daripada Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti. Jawatankuasa Pematuhan Lembaga bertemu setiap suku tahun untuk menilai dan mengkaji semula hasil dapatan laporan pematuhan dan membuat cadangan berkenaan dengannya. Struktur fungsi pematuhan keseluruhan Kumpulan PNB akan dikaji bila dan apabila diperlukan. Perincian lebih lanjut mengenai komposisi dan kehadiran Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah dan Program Pematuhan dan Integriti PNB dinyatakan dalam Penyata ini.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap pematuhan PNB kepada semua undang-undang, peraturan dan garis panduan. Pihak Lembaga Pengarah juga telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah untuk memantau pelaksanaan dan operasi Program Pematuhan dan Integriti oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti, dan yang mana juga menyelia Pegawai Pematuhan dan Ketua Pegawai Integriti. Pegawai Pematuhan memegang tanggungjawab utama untuk fungsi pematuhan PNB, yang meliputi untuk menubuhkan, melaksana, mengendali dan memantau Program Pematuhan Kumpulan PNB. Sementara itu Ketua Pegawai Integriti memikul empat fungsi utama Jabatan Integriti iaitu pengurusan aduan, pengesanan dan pengesahan, pengukuhan tadbir urus dan integriti serta pelaksanaan Program Integriti. Pelaporan kemajuan Program Pematuhan dan Integriti dibuat secara terus kepada Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah.

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah terdiri sekurang-kurangnya tiga ahli, dan sekurang-kurangnya satu pertiga daripada jumlah ahlinya ialah anggota Bebas. Ketika ini, Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah dianggotai oleh tiga ahli, yang majoritinya ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil pada bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa. Pada 31 Disember 2020, sejumlah empat (4) mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun kajian.

Komposisi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah dan rekod kehadiran mereka adalah seperti berikut:

Ahli	Status	Kehadiran
Tan Sri Datuk Zainun binti Ali (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Encik Abdul Ja'il bin Abdul Rasheed <i>(Meletak jawatan pada 16 Jun 2020)</i>	Eksekutif Bukan Bebas	2/2
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif	4/4
Encik Ahmad Zulqarnain Onn <i>(Dilantik pada 6 Julai 2020)</i>	Eksekutif Bukan Bebas	2/2

Skop Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah mempunyai kuasa, dan bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah, untuk memantau, antara lain perkara yang berikut:

- Pengawasan yang sewajarnya dan pemantauan pematuhan berkesan terhadap undang-undang, peraturan, garis panduan, syarat dan peraturan pelesenan yang berkaitan; dan
- Memberi nasihat, bimbingan dan arahan berhubung pelaksanaan Rangka Kerja dan Piagam Pematuhan, dan Rangka Kerja dan Piagam Integriti bagi Kumpulan PNB, serta Pelan Kerja Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti.

Fungsi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah

Umumnya, fungsi atau tugas Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

- Menentukan, meluluskan, mengkaji semula, dan memantau Pelan Kerja masing-masing di Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai dan menyemak hasil laporan pematuhan yang dibentangkan oleh Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti dan membuat saranan yang sewajarnya bila perlu;

PENYATA PEMATUHAN KORPORAT DAN INTEGRITI

- Menilai pelanggaran pematuhan/integriti, mencadangkan tindakan untuk menangani pelanggaran tersebut dan menentukan tindakan disiplin yang sepatutnya, jika ada;
- Mengkaji semula dan meluluskan struktur fungsi pematuhan/integriti keseluruhan Kumpulan PNB, dan mengagihkan tanggungjawab pematuhan/integriti kepada pihak yang berkenaan, serta membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan Pegawai Pematuhan dan Ketua Pegawai Integriti yang layak dilantik adalah layak dan diberikan kedudukan, kuasa dan kebebasan yang sewajarnya;
- Menangani dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara, saranan dan kebimbangan yang dizahirkan oleh Pegawai Pematuhan dan Ketua Pegawai Integriti, pengawal selia dan juruaudit berkaitan kelemahan kawalan dalaman, aduan pelanggan dan isu ketidakpatuhan;
- Menyarankan dasar pematuhan dan integriti yang sesuai untuk memastikan pematuhan berterusan Kumpulan PNB dengan syarat undang-undang dan peraturan yang relevan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- Mengkaji semula fungsi dan bidang tugasnya sendiri dan menyarankan sebarang perubahan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
- Melaksanakan aktiviti-aktiviti lain yang konsisten dengan fungsi dan bidang tugas, undang-undang berkaitan, peraturan, garis panduan, syarat dan peraturan pelesenan, yang dianggap perlu atau sesuai oleh Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah; dan
- Bersama dengan Pengurusan Kanan, menggalakkan budaya pematuhan dan integriti kukuh dalam Kumpulan PNB dengan menekankan standard tingkah laku etika tinggi yang mewujudkan dan menyokong pematuhan.
- Mengkaji semula perkara-perkara berkaitan aduan pelanggan dan laporan integriti;
- Mengkaji semula Terma Rujukan Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah; dan
- Mengesyorkan cadangan untuk kelulusan Lembaga Pengarah mengenai polisi Integriti iaitu Kod Etika Perniagaan Kumpulan PNB, Penyataan Polisi Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah Kumpulan PNB, dan Program Integriti Perolehan Kumpulan PNB dan Proses Ketekunan Wajar.

SOROTAN PROGRAM PEMATUHAN DAN INTEGRITI

Program Pematuhan telah diwujudkan dan dilaksanakan berdasarkan elemen asas yang diperjelaskan dalam “Garis Panduan Fungsi Pematuhan untuk Syarikat-syarikat Pengurusan Dana” yang dikeluarkan oleh SC. Ia direka untuk menggalakkan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, CMSA, dan peraturan lain yang relevan dengan perniagaan PNB, sambil memacu kecekapan dan sinergi melalui pengharmonian proses dan pendekatan dalam program. Memandangkan Program Pematuhan yang dinamik, kami sentiasa mengkaji semula dan meningkatkannya bagi mengikut standard pematuhan dan amalan industri yang sering berubah. Pada dasarnya, Program Pematuhan kami meliputi polisi, prosedur dan standard perlakuan untuk mencegah dan mengesan pelanggaran pada peraturan, peraturan kawal selia dan keperluan undang-undang yang berkenaan.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk memastikan risiko pematuhan dan rasuah diuruskan dengan berkesan bagi menyokong pertumbuhan perniagaan selari dengan aspirasi dan selera risiko Kumpulan PNB, kami komited untuk menubuhkan dan melaksanakan program pematuhan dan integriti yang komprehensif selaras dengan amalan terbaik industri serta standard antarabangsa. Dengan penyeliaan dan bimbingan daripada Lembaga Pengarah, Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti menasarkannya untuk berada di barisan hadapan dalam bidang utama pematuhan dan integriti ke arah memenuhi aspirasi berikut:

Aktiviti Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah pada tahun 2020

Selari dengan fungsi dan bidang tugas Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah, aktiviti berikut telah dijalankan sepanjang tempoh tahun kajian:

- Meluluskan, mengkaji semula dan memantau Pelan Kerja dan Petunjuk Prestasi Utama Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti;
- Menilai dan mengkaji semula hasil laporan pematuhan yang dibentangkan oleh Pegawai Pematuhan dan membuat saranan wajar apabila diperlukan;
- Menilai pelanggaran pematuhan, menyarankan tindakan untuk diambil bagi menangani pelanggaran tersebut dan menetapkan tindakan yang wajar;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti untuk melaksanakan Pelan Kerja mereka, dan hasil kerja mereka;
- Mengkaji semula struktur fungsi keseluruhan pematuhan dan integriti Kumpulan PNB;
- Untuk mencapai sasaran ketidakpatuhan sifar bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan keperluan kawal selia yang berkenaan oleh SC dan agensi lain yang berkaitan;
- Untuk memastikan persekitaran perniagaan yang bebas daripada segala bentuk sogokan dan rasuah, dan komitmen untuk mengambil sikap tegas terhadap perlakuan tersebut;
- Untuk meningkatkan keupayaan dan keterlihatan Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti dalam memberi nasihat berkenaan aktiviti operasi agar dapat berfungsi secara efektif sebagai barisan pertahanan kedua; dan
- Untuk menanam budaya pematuhan dan integriti yang kukuh dengan menggalakkan pematuhan dan integriti dalam budaya kerja PNB.

PENYATA PEMATUHAN KORPORAT DAN INTEGRITI

PROGRAM PEMATUHAN DAN INTEGRITI YANG SEDANG BERJALAN

Dalam tempoh kajian, Jabatan Pematuhan dan Jabatan Integriti telah menyelesaikan semua aktiviti mereka mengikut pelan kerja yang diluluskan. Dalam mencapai aspirasi di atas, program pematuhan dan integriti kami pada tahun 2020 tertumpu pada aktiviti berikut:

1. Memperkukuh Peranan dan Tanggungjawab Pematuhan melalui Pembentukan Piagam dan Rangka Kerja Pematuhan

Terdapat 14 saranan di bawah Piagam dan Rangka Kerja Pematuhan, yang telah diusulkan pada tahun 2020 untuk memperkukuh keberkesanan Jabatan Pematuhan dalam melaksanakan fungsi, peranan dan tanggungjawabnya dengan tujuan untuk mencapai amalan terbaik dalam standard negara dan antarabangsa. Saranan tersebut menekankan bidang yang perlu diperbaiki, dan mengemukakan penyelesaian yang cekap bagi mengurangkan dan menghilangkan jurang antara perniagaan dan operasi PNB.

Saranan-saranan tersebut merangkumi:

- Visi dan mandat yang dikaji semula untuk Jabatan Pematuhan yang sejajar dengan strategi keseluruhan perniagaan PNB secara keseluruhan dan dengan jelas menggariskan skop liputan pematuhan serta peranan dan tanggungjawab pematuhan;
- Rangka kerja tadbir urus dan pelaporan yang mantap dan kukuh bagi membolehkan pengawasan dan pemantauan pematuhan yang berkesan melalui proses yang wajar, termasuk proses pengemukaan dan infrastruktur sokongan untuk memastikan pelaksanaan mandat pematuhan secara berkesan;
- Reka bentuk dan struktur organisasi yang sesuai dengan tujuan peranan dan tanggungjawab, kapasiti dan keupayaan yang jelas untuk melaksanakan mandat pematuhan;
- Petunjuk Prestasi utama yang ditakrifkan dengan jelas dan rangka kerja pengurusan akibat; dan
- Komitmen dan penglibatan daripada pihak berkepentingan utama untuk menyokong, memperjuangkan dan memperteguhkan objektif pematuhan.

Dengan pelaksanaan di atas, PNB juga telah beralih ke mandat pematuhan yang lebih komprehensif dan menerapkan pendekatan pengurusan risiko dalam programnya, yang merangkumi kaedah untuk mengenalpastikan sistemik, pengutamaan dan pengurangan risiko pematuhan.

Pada tahun 2020, penilaian risiko pematuhan untuk semua bidang perniagaan telah dilakukan yang merangkumi pengenalan dan penilaian risiko pengawalseliaan yang digunapakai untuk bidang perniagaan, kawalan untuk mengurangkan risiko tersebut, dan penilaian terhadap taksiran risiko untuk setiap keperluan pengawalseliaan yang setimpal dengan sifat dan operasi unit perniagaan.

Dalam mencapai penyertaan berdasarkan peranan yang efektif oleh kakitangan, pelantikan wakil pematuhan bagi unit perniagaan telah diformalkan pada tahun tersebut. Ini menyokong dan meningkatkan penyelarasan antara Jabatan Pematuhan dan unit perniagaan untuk tujuan pemantauan pematuhan.

2. Meningkatkan Operasi melalui Sistem Teknologi Maklumat

Fungsi pematuhan telah mengguna pakai strategi yang mendorong inovasi dalam melaksanakan fungsinya dan memberikan hasil yang diperlukan dalam era transformasi digital, terutamanya semasa pandemik COVID-19. Sistem Pematuhan PNB sedia ada terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk memastikan kakitangan boleh mendapatkan maklumat terkini tentang undang-undang, peraturan, garis panduan dan polisi dalaman yang diguna pakai dalam melaksanakan operasi harian mereka.

Sejajar dengan perubahan pengawalseliaan berkaitan dengan pengurusan risiko Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan, dan konsisten dengan usaha PNB untuk mengurus dari awal hingga akhir risiko Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan secara berkesan, pada 25 Ogos 2020 PNB telah menyemak semula Rangka Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan. Sehubungan dengan itu, Sistem AMLA juga dipertingkatkan untuk memudahkan Kumpulan PNB berdasarkan skop berikut:

- Memenuhi keperluan pengawalseliaan mengenai pendekatan risiko/penilaian hubungan yang meliputi profil risiko pemegang unit dan penggunaan pengurusan risiko dan langkah-langkah kawalan pengurangan;
- Membantu Kumpulan PNB dalam mengurus proses mengenali pelanggan secara berhemah melalui proses pengumpulan dan penyatuan data untuk analisis lengkap dan saringan pelanggan;
- Melakukan pemantauan berterusan melalui analisis cetusan amaran, memulakan penilaian Laporan Transaksi Mencurigakan dan menyerahkannya kepada Bank Negara Malaysia; dan
- Menggalakkan persekitaran penyimpanan rekod yang selamat dan baik untuk melindungi maklumat sensitif pemegang unit.

3. Mempergiatkan Program Literasi dan Kesedaran Pematuhan

Kami percaya bahawa pendidikan dan latihan merupakan komponen utama dalam memupuk budaya pematuhan dalam kalangan kakitangan. Ini adalah aspek kritikal dalam memastikan semua kakitangan baharu dan sedia ada diberi peringatan tentang tingkah laku, peranan dan tanggungjawab mereka dalam menegakkan integriti dan kod etika perlakuan. Dengan komunikasi dan program kesedaran pematuhan yang lebih tersusun dan mantap dilaksanakan di bawah Piagam dan Rangka Kerja Pematuhan, usaha mendidik dan memberi kesedaran pematuhan menjadi lebih mudah dan berkesan.

PENYATA PEMATUHAN KORPORAT DAN INTEGRITI

Taklimat berkala mengenai bidang pematuhan utama akan terus dilakukan untuk menyetengahkan kemas kini mengenai perubahan pengawalseliaan yang memberi kesan kepada unit perniagaan dan di mana mungkin, untuk menekankan kesannya kepada peranan kakitangan. Selain taklimat, ringkasan kemas kini pengawalseliaan disampaikan melalui e-mel kepada semua kakitangan. Pada tahun 2020, 19 kemas kini yang relevan dan kesannya kepada unit perniagaan yang berkaitan telah diedarkan untuk memastikan semua kakitangan dan unit perniagaan menyedari dan mematuhi keperluan pengawalseliaan yang terkini.

4. Pernyataan Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah

Sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk memastikan semua urusan perniagaan dijalankan secara jujur dan beretika dan pada masa yang sama mengekalkan standard integriti dan tadbir urus korporat yang tertinggi, pelbagai usaha telah diambil oleh Kumpulan PNB berkaitan dengan hal rasuah. Untuk memperkukuhkan lagi perlakuan perniagaan yang wajar untuk Lembaga Pengarah, kakitangan, pihak berkepentingan dan juga rakan perniagaan PNB, Kod Etika Perniagaan (CoBE) Kumpulan PNB telah dibentuk pada bulan Mei 2020. CoBE adalah satu daripada instrumen integriti terbina dalaman yang dibentuk di Kumpulan PNB sebagai kompas yang memberikan panduan ke arah persekitaran perniagaan yang sihat dan beretika untuk Lembaga Pengarah dan kakitangannya semasa menjalankan tugas mereka, dan juga menjadi panduan kepada pelanggan, rakan niaga dan pihak berkepentingan PNB.

Dengan penguatkuasaan Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM) mengenai peruntukan liabiliti korporat yang berkuat kuasa pada 1 Jun 2020, Kumpulan PNB juga, sejak awal tahun ini, memulakan pelaksanaannya di seluruh organisasi dengan memberi latihan dan kesedaran mengenai peruntukan baharu tersebut kepada pengurusan kanan dan kakitangannya. Dari bulan April hingga Mei 2020, 18 sesi latihan maya telah dijalankan untuk lebih 1,500 kakitangan Kumpulan PNB. Selepas menyelesaikan sesi latihan, kakitangan PNB menandatangani Deklarasi Integriti Kakitangan untuk menyatakan pemahaman dan kewajaran pematuhan dengan keperluan Seksyen 17A Akta SPRM.

Dalam mempersiapkan pematuhan sepenuhnya dengan Garis Panduan Prosedur Memadai (Prosedur Memadai) menurut Subseksyen (5) Seksyen 17A di bawah Akta SPRM, Kumpulan PNB juga terus mengkaji semula, mengubahsuai dan mewujudkan polisi pencegahan rasuah, prosedur dan kawalan yang relevan untuk mengelakkan berlakunya amalan rasuah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaannya.

Sehubungan itu, Pernyataan Polisi Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah (Pernyataan Polisi ABC) telah dibentuk pada bulan Ogos 2020. Ia menjadi komitmen rasmi Kumpulan PNB dan memantapkannya dalam mendukung undang-undang pencegahan rasuah dan undang-undang sekuriti yang terpakai untuk Kumpulan PNB, termasuk tanpa batasan, Akta SPRM dan CMSA serta dalam melakukan penambahbaikan berterusan kepada polisi dan prosedurnya yang berkaitan dengan hal

sogokan dan rasuah. Pernyataan Polisi ABC juga menyatakan prinsip Kumpulan PNB dalam memastikan persekitaran perniagaan yang bebas sogokan dan rasuah.

Lanjutan mematuhi Prosedur Memadai, penilaian risiko rasuah dilakukan pada bidang fokus utama iaitu pengurusan pelaburan, pelaburan strategik dan fungsi sokongan yang melibatkan 18 unit perniagaan di PNB dengan 62 proses yang dikenal pasti. Selanjutnya, pelan tindakan masing-masing diperlukan untuk mengurangkan potensi risiko rasuah pada proses tersebut juga ditangani. Langkah ini juga merupakan sebahagian daripada usaha yang dilakukan oleh PNB dalam memenuhi syarat untuk mendapatkan pensijilan berdasarkan Sistem Pengurusan Pencegahan Sogokan ISO 37001: 2016.

Usaha berterusan ini sangat penting dalam membantu membanteras rasuah dalam organisasi. Ia juga memupuk nilai dan integriti melalui pendidikan, latihan dan kesedaran di pelbagai peringkat. Untuk tujuan ini, PNB telah menjalin kerjasama yang lebih erat dengan pihak berkuasa dan agensi yang berkaitan melalui koordinasi yang lebih sistematik yang dirancang untuk memenuhi keperluan industri dan pada masa yang sama menyokong usaha Kerajaan untuk membasmi sogokan dan rasuah di Malaysia.

Untuk menggalakkan dan membolehkan kakitangan dan orang ramai untuk mengemukakan keprihatinan terhadap perlakuan mengikut Polisi Pemberi Maklumat, Kumpulan PNB komited mewujudkan persekitaran yang kondusif dan telah meningkatkan saluran pemberi maklumat dengan peningkatan sistem. Selain itu, bagi mematuhi keperluan "Garis Panduan untuk Pengurusan Unit Integriti dan Tadbir Urus Syarikat Berkaitan Kerajaan" yang dikeluarkan oleh SPRM, Ketua Pegawai Integriti PNB telah melengkapkan Program Pegawai Integriti Bertauliah di Akademi SPRM pada bulan Oktober 2020.

Sebagai inisiatif tambahan yang dilakukan untuk mematuhi Prosedur Memadai, PNB juga telah mewujudkan Ikrar Integriti Perolehan Kumpulan PNB dan Proses Ketekunan Wajar (Integrity Pact & Due Diligence Process) pada bulan Disember 2020 yang bertindak sebagai mekanisme kawalan pencegahan dan pertahanan terhadap kesalahan liabiliti korporat di bawah Seksyen 17A Akta SPRM. Polisi ini menetapkan proses dan infrastruktur perolehan yang sesuai dan mantap dengan meningkatkan ketelusan untuk mencegah dan melindungi organisasi daripada perlakuan rasuah secara berkesan. Komitmen yang konsisten dan penglibatan berterusan daripada pihak berkepentingan utama dalam menyokong dan memperjuangkan inisiatif ini sangat penting kepada kejayaan menyeluruh dalam mencapai objektifnya.

Inisiatif kesedaran integriti lain yang dijalankan pada tahun tinjauan termasuk e-mel bulanan kepada semua kakitangan dalam usaha untuk memupuk dan menggalakkan budaya integriti. Isu-isu yang ditangani dalam e-mel termasuk kesedaran mengenai Polisi Pemberi Maklumat, kemas kini mengenai peruntukan yang relevan dengan Akta SPRM yang terpakai untuk PNB, serta pengenalan kepada penubuhan dan pengoperasian CoBE, Pernyataan Polisi ABC, dan Ikrar Integriti & Proses Ketekunan Wajar.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

KOMPOSISI

Jawatankuasa Audit (AC) terdiri daripada minimum tiga ahli dan maksimum enam ahli Lembaga Pengarah yang juga merupakan Pengarah Bukan Eksekutif daripada Lembaga Pengarah Kumpulan PNB, dengan majoriti daripada mereka terdiri daripada Pengarah Bebas. Pada masa ini, AC terdiri daripada tiga ahli, dan kesemuanya merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Jawatankuasa ini bertemu sekurang-kurangnya empat kali setahun. Mesyuarat tambahan boleh dipanggil bila-bila masa mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa. Komposisi AC adalah seperti berikut:

Ahli	Status
Datuk Mohd. Anwar bin Yahya (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Bebas Bukan Eksekutif
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Bebas Bukan Eksekutif

Ini adalah sejajar dengan Keperluan Penyenaaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, yang menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga ahli bersama Pengerusi dan kebanyakan ahli adalah pengarah bebas bukan eksekutif.

Peranan dan tanggungjawab utama AC adalah untuk memantau dan menilai keberkesanan kawalan dalaman dan memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Standard Pelaporan Kewangan Malaysia.

BIDANG TUGAS

Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, AC dipandu oleh Bidang Tugas keahlian AC perlu memenuhi kriteria berikut:

- Setiap ahli Jawatankuasa Audit perlu mempunyai:
 - Pemahaman mengenai industri di mana Kumpulan PNB beroperasi;
 - Pemahaman mengenai penyata kewangan;
 - Pemahaman mengenai perniagaan utama, risiko kewangan, kawalan berkaitan dan proses kawalan; dan
 - Pemahaman mengenai perniagaan, pelaporan kewangan, dan pengawalseliaan.
- Pelantikan ahli dan Pengerusi Jawatankuasa perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah PNB.

Skop/Tanggungjawab Jawatankuasa

- Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menyasat apa jua perkara yang termaktub dalam Bidang Tugas Jawatankuasa Audit, untuk mendapatkan sumber yang diperlukan untuk melaksanakannya, dan untuk mendapat akses penuh kepada maklumat;

- Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk membentuk dan memberi kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa kecil, yang akan tertakluk kepada Bidang Tugas mereka sendiri, seperti yang diluluskan oleh AC; dan
- Jawatankuasa ini akan memberi penekanan lebih besar kepada fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan juruaudit luaran dan dalaman, serta menyediakan forum perbincangan yang bebas daripada pihak Pengurusan.

Fungsi

Untuk mengkaji semula, menilai dan melaporkan perkara-perkara berikut:

- Kualiti dan keberkesanan keseluruhan sistem perakaunan dan kawalan dalaman;
- Kecukupan dan integriti usaha audit oleh kedua-dua juruaudit luaran dan dalaman;
- Ketepatan polisi perakaunan yang diguna pakai oleh pihak Pengurusan dan penerimaan oleh juruaudit luaran, yang mana alternatif juga boleh diterima;
- Kecukupan pendedahan maklumat penting yang mencukupi untuk pembentangan penuh hal ehwal kewangan Kumpulan PNB;
- Sebarang kesukaran signifikan yang dihadapi atau penemuan material oleh juruaudit luaran atau dalaman;
- Kesan daripada sebarang perubahan dalam prinsip perakaunan atau sebarang perkembangan yang berlaku dalam profesion perakaunan atau mana-mana pihak berkuasa berkanun; dan
- Firma juruaudit luaran dikekalkan oleh Kumpulan PNB dan cadangan AC untuk mengekalkan atau menggantikan firma juruaudit luaran dalam tahun berikutnya.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Fungsi lain Jawatankuasa

1. Untuk berjumpa dengan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan PNB untuk membincangkan perkara berikut:
 - kualiti dan keberkesanan polisi perakaunan sedia ada;
 - pelaksanaan cadangan yang dibuat oleh juruaudit luaran;
 - kawalan dan prosedur dalaman;
 - peruntukan yang perlu dibuat atau dihapuskan atas pelaburan dan aset tetap; dan
 - hal-hal lain yang dibangkitkan sama ada oleh AC atau Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan PNB.
2. Untuk memantau kawalan bagi memastikan pematuhan dengan polisi korporat dan untuk mencegah konflik kepentingan yang signifikan daripada pihak eksekutif atau kakitangan lain;
3. Untuk memantau pematuhan kepada kod atau polisi korporat yang mengatur tingkah laku etika kakitangan dalam aktiviti perniagaan;
4. Untuk mengkaji dan meluluskan pelan audit dalaman tahunan Kumpulan; dan
5. Untuk mengkaji Audit Kualiti Dalaman ISO dan penemuan audit pihak ketiga dan untuk memastikan langkah-langkah pembetulan diambil untuk pelaksanaan berkesan sistem pengurusan kualiti Kumpulan PNB.

Prinsip Perniagaan Mesyuarat Jawatankuasa Audit

1. Sebelum dimulakan audit berkanun tahunan, perkara berikut perlu dilakukan:
 - a. Untuk membincangkan secara umum skop pemeriksaan audit dan memastikan bahawa ujian yang mencukupi untuk mengesahkan akaun dan prosedur Kumpulan PNB telah dilakukan;
 - b. Untuk meneliti kecukupan jumlah kakitangan dan kecekapan juruaudit luaran dalam melaksanakan tugas mereka;
 - c. Untuk menyemak fi yang dicadangkan bagi pembayaran kepada juruaudit luaran agar kerja audit dapat dilaksanakan;
 - d. Untuk membincangkan masalah signifikan yang mungkin dijangka; dan
 - e. Untuk membincangkan kesan perubahan yang dicadangkan dalam prinsip perakaunan pada penyata kewangan masa hadapan.
2. Setelah selesai audit berkanun, AC akan melakukan perkara berikut:
 - a. Untuk mengkaji hasil dan penemuan audit, dengan memberi perhatian kepada kecukupan perakaunan, kewangan dan kawalan operasi, dan untuk memantau pelaksanaan dan cadangan yang dibuat;
 - b. Untuk menyemak draf penyata kewangan dan laporan audit, dan sebarang pelarasan signifikan yang diperlukan daripada hasil audit;

- c. Untuk mengkaji semula sifat dan kesan perubahan dalam polisi perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan PNB sepanjang tahun; dan
 - d. Untuk menyemak dan mengesyorkan draf penyata kewangan untuk dipersembahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
3. Untuk mengatur mesyuarat dengan Ketua Jabatan Asurans Dalaman PNB bagi membincangkan perkara berikut:
 - a. Untuk mengkaji dan meneliti kecukupan cadangan program Jabatan Asurans Dalaman PNB;
 - b. Untuk meneliti keberkesanan prosedur audit dalaman Kumpulan PNB;
 - c. Untuk mempertimbangkan penemuan signifikan oleh juruaudit dalaman sepanjang tahun; dan
 - d. Untuk membuat penilaian mengenai kecukupan jumlah dan kualiti kakitangan yang menjalankan fungsi audit dalaman.
 4. Untuk mempertimbangkan sebarang semakan atau penyiasatan khas yang dianggap perlu oleh Lembaga Pengarah PNB.

AKTIVITI

Sehingga 31 Disember 2020, sejumlah 13 mesyuarat telah diadakan dalam tempoh tahun kajian. Butiran kehadiran mesyuarat dinyatakan di bawah:

Ahli	Status	Kehadiran
Datuk Mohd. Anwar bin Yahya (Pengerusi)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13/13
Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13/13
Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin N. Hassan Thani	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	12/13

Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan dan Ketua Jabatan Asurans Dalaman (IAD) adalah jemputan tetap dan menghadiri mesyuarat AC untuk memberi penerangan dan penjelasan kepada Jawatankuasa mengenai bidang tanggungjawab mereka. Ahli Pengurusan yang lain juga dijemput untuk perkara agenda tertentu bagi menyokong perbincangan terperinci semasa mesyuarat Jawatankuasa.

Juruaudit luaran dijemput untuk menghadiri mesyuarat AC untuk membincangkan dan menyemak penyata kewangan tahunan yang diaudit bagi PNB, ASNB, dana-dana unit amanahnya dan Kumpulan PNB.

Pengerusi AC membuat laporan untuk setiap mesyuarat kepada Lembaga Pengarah dan minit setiap mesyuarat disimpan dan diedarkan kepada setiap ahli AC.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

RINGKASAN AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT

Sepanjang tahun kajian, AC dalam menjalankan tugas dan fungsinya, telah melakukan aktiviti berikut:

- i. Mengkaji kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman melalui aktiviti audit dalaman dan pemantauan pematuhan bagi memastikan bahawa polisi dan prosedur yang dipersetujui dipatuhi dan bidang risiko dapat dikurangkan dengan sewajarnya;
 - ii. Mengkaji kecukupan skop dan objektif juruaudit dalaman, dan mempertimbangkan pelan audit, yang telah disetujui AC;
 - iii. Menyemak dengan juruaudit dalaman, laporan audit dalaman yang dibentangkan, dan memastikan bahawa pelan tindakan yang dipersetujui telah dilaksanakan oleh pihak Pengurusan tepat pada masanya dan dengan cara yang efektif;
 - iv. Menyemak dengan juruaudit luaran penyata kewangan, isu audit dan perkara yang berbangkit bagi syarikat-syarikat Kumpulan Syarikat PNB;
 - v. Menyemak prestasi, kebebasan dan fi juruaudit luaran;
 - vi. Menyemak laporan tahunan dan laporan interim dana unit amanah sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
 - vii. Menyemak dan mengambil maklum Pendedahan Tadbir Urus Korporat untuk Laporan Tahunan PNB 2020;
 - viii. Menyemak Laporan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan & Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA) tentang kebimbangan yang dibangkitkan oleh SC mengenai pematuhan terhadap AMLA, polisi AMLA dan kualiti audit;
 - ix. Menyemak dan meluluskan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama untuk tahun 2020 dan cadangan Petunjuk Prestasi Utama bagi tahun 2021; dan
 - x. Menyemak dan meluluskan Pelan Kerja Audit Tahunan untuk tahun 2021 dan kecukupan sumber.
 - Pengurusan Infrastruktur IT; dan
 - Penilaian Pengagihan Pendapatan untuk dua belas (12) dana unit amanah ASNB.
- iii. Audit susulan:
 - Susulan terhadap laporan yang dikeluarkan sebelum tahun 2020.
 - iv. Pengiraan Mengejut Tunai;
 - Cawangan-cawangan ASNB; dan
 - Hotel-hotel di bawah Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd.
 - v. Kawalan Penilaian Kendiri:
 - Cawangan-cawangan ASNB; dan
 - Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd.
 - vi. Audit Sistem Pengurusan Kualiti:
 - Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB);
 - Operasi Hartanah dan Harta PNB;
 - Perdana Kuala Lumpur City Centre;
 - Pasaran Awam dan Bidang Berkaitan (PNB PMRA); dan
 - Perdana Kota Bharu.
 - vii. Semakan Khas:
 - Melakukan semakan khas mengikut permintaan daripada pihak Pengurusan.
 - viii. Tugas-tugas bukan audit:
 - Menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PHNB sebagai pengesah dan untuk mengesahkan bahawa kuorum minimum telah dipenuhi;
 - Menghadiri aktiviti tender sebagai pemerhati; dan
 - Mengesahkan pelupusan aset tetap oleh Jabatan Perolehan.

Inisiatif-inisiatif utama lain yang dijalankan termasuk latihan untuk semua kakitangan IAD tentang:

- Audit Command Language (ACL), yang merupakan alat audit yang digunakan untuk tujuan menganalisis data raya; dan
- Proses Audit Kualiti Dalaman (IQA).

Pada tahun 2021, IAD merancang untuk menjalankan 118 audit dalaman dan penugasan audit kualiti dalaman, yang merangkumi audit proses perniagaan, audit IT, audit susulan, Pengiraan Mengejut Tunai, Kawalan Penilaian Kendiri dan Audit Sistem Pengurusan Kualiti.

Inisiatif-inisiatif utama lain yang dirancang termasuk:

Pada tahun 2020, IAD menyelesaikan sejumlah 145 tugas audit dalaman dan audit kualiti dalaman, yang mana melebihi perancangannya untuk 140 tugas. Semua ini diringkaskan seperti berikut:

- i. Audit proses perniagaan:
 - Fungsi seperti Sumber Manusia, Pendidikan, Unit Amanah, Pelaburan;
 - Proses Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan;
 - Operasi syarikat subsidiari seperti Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Attana Hotels and Resorts Sdn. Bhd. dan PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad; dan
 - Cawangan-cawangan ASNB dan operasi Attana Hotels.
- ii. Audit IT:
 - Kawalan Umum IT;
 - Ujian Pemulihan Bencana dan Ujian Simulasi;
 - Pengurusan Sekuriti Siber;
 - Memulakan digitalisasi melalui penggunaan alat dalam talian untuk melakukan kawalan Penilaian Kendiri dan mengautomatikan proses dalaman IAD;
 - Meningkatkan penggunaan analitik data melalui ACL, yang bertujuan untuk mengenal pasti pengecualian/penyelewangan yang berpotensi untuk tindakan lanjut oleh pihak Pengurusan; dan
 - Melakukan Audit Kualiti Dalaman mengenai pensijilan baharu dalam PNB, yang merupakan ISO 37001 mengenai Sistem Pengurusan Pencegahan Sogokan (ABMS). ABMS bertujuan menjadi sebahagian daripada sistem kawalan dalaman untuk mengurus, mengendalikan, menguatkuasakan, menilai dan memperbaiki langkah-langkah pencegahan rasuah dalam PNB.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH

Jawatankuasa Penasihat Syariah (SAC) dibentuk untuk memberi nasihat dan pendapat serta panduan mengenai hal-hal pematuhan berkaitan Syariah iaitu pelaburan yang dibuat oleh PNB, dan membantu PNB untuk sentiasa mematuhi prinsip-prinsip Syariah. SAC berjumpa setiap suku tahun untuk mengkaji status pelaburan PNB, serta berbincang dan meluluskan hal-hal berkenaan keperluan Syariah.

Jawatankuasa Penasihat Syariah terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Ahli	Status
Datuk Dr. Mohd Daud bin Bakar (Pengerusi)	Bebas Bukan Eksekutif
Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' As-Sheikh Haji Nooh bin Gadot	Bebas Bukan Eksekutif
Prof. Emeritus Dato' Dr. Mahmood Zuhdi bin Haji Ab Majid	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Haji Mohamad Shukri bin Mohamad	Bebas Bukan Eksekutif
Dato' Idris bin Kechot	Bebas Bukan Eksekutif
Dr. Aida binti Othman	Bebas Bukan Eksekutif

KOMITMEN SAC

PNB percaya akan pentingnya menegakkan prinsip Syariah dalam setiap aspek operasi dan aktiviti perniagaannya melalui produk serta perkhidmatan yang ditawarkan di samping usaha berterusan dan mempertingkatkan keperluan pematuhan Syariah. Selepas memperoleh fatwa yang membenarkan atau 'Harus' daripada semua Majlis Fatwa Negeri pada tahun 2017, PNB terus memberi tumpuan untuk melaksanakan lebih banyak inisiatif Syariah sepanjang tahun dalam tempoh kajian.

Pengisytiharan SAC

SAC PNB dengan ini mengisytiharkan bahawa produk-produk yang disenaraikan di bawah dan diuruskan oleh ASN, syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB, mematuhi keperluan Syariah berdasarkan kepada prinsip Maqasid Syariah dan Siyash Syar'iyah.

Dana Harga Tetap

Amanah Saham Bumiputera (ASB)	1
Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2)	2
Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik)	3
Amanah Saham Malaysia (ASM)	4
Amanah Saham Malaysia 2 Wawasan (ASM 2 Wawasan)	5
Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)	6

Dana Harga Berubah

Amanah Saham Nasional (ASN)	1
ASN Equity 2	2
ASN Equity 3	3
ASN Equity 5	4
ASN Imbang (Aset Campuran Imbang) 1, (ASN Imbang 1)	5
ASN Imbang (Aset Campuran Imbang) 2, (ASN Imbang 2)	6
ASN Imbang (Aset Campuran Imbang) 3 Global, (ASN Imbang 3 Global)	7
ASN Sara (Aset Campuran Konservatif) 1, (ASN Sara 1)	8
ASN Sara (Aset Campuran Konservatif) 2, (ASN Sara 2)	9

